

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XIX)1

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SEBERANG JAYA
YB IZHAR SHAH BIN DATUK ARIF SHAH**

1. Berapakah jumlah kutipan sebenar hasil negeri bagi tahun 2025 berbanding anggaran hasil bagi tahun yang sama?
 - (a) Nyatakan pecahan mengikut sumber hasil seperti premium tanah, cukai tanah, sumbangan dan dividen.
 - (b) Senaraikan agensi atau anak syarikat penyumbang utama.
 - (c) Nyatakan peratus perbezaan antara kutipan sebenar dan anggaran.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

1. **Jadual A**

HASIL	ANGGARAN HASIL (RM)	HASIL SEBENAR SEHINGGA 12 NOVEMBER 2025 (RM)	PERATUS PENCAPAIAN (%)
Premium Tanah - Tukar Syarat	12,500,000.00	69,074,504.80	552.60
Premium Jualan Tanah	0.00	19,381,150.80	0.00
Premium Pemberian Milikan	77,416,249.00	148,971,597.84	192.43
Cukai Tanah	174,568,637.00	143,688,974.25	82.31

Sumbangan Daripada Agensi Kerajaan	20,000,010.00	6,000,000.00	30.00
Dividen Faedah Dari Pelaburan Deposit Pasaran Wang (DPW)	42,600,000.00	39,568,639.62	92.88
Dividen Dari Pelaburan Saham Dan Syer	8,000,000.00	11,194,717.04	139.93
Keuntungan Dari Baki Wang Dalam Bank - Akaun Semasa	2,500,000.00	4,657,054.37	186.28
Lain-Lain Hasil (termasuk hasil cukai, bukan cukai dan terimaan bukan hasil)	569,010,880.00	473,760,357.72	83.26
Jumlah Keseluruhan Hasil	906,595,776.00	916,296,996.44	101.07%

- (a) Secara keseluruhan, kutipan hasil utama negeri adalah daripada Hasil Bukan Cukai, yang menyumbang RM690,443,014.99 (75.35% daripada jumlah kutipan sebenar), diikuti oleh Hasil Cukai sebanyak RM156,482,776.54 (17.08%).

Agensi utama yang menyumbang jumlah yang signifikan dan merupakan antara sumber hasil tertinggi bagi Kerajaan Negeri terutamanya melalui kutipan Premium Tanah (di bawah Hasil Bukan Cukai) dan Cukai Tanah (di bawah Hasil Cukai), ialah jabatan yang bertanggungjawab bagi pentadbiran dan pengurusan tanah negeri, iaitu Pejabat Pengarah Tanah dan Galian (PTG) dan Pejabat Daerah dan Tanah (PDT).

Terdapat 17 Syarikat berkaitan Kerajaan Negeri (GLC) di bawah Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI) dan satu (1) di bawah Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri

(SSI). 18 GLC ini mendapat geran tahunan daripada Kerajaan Negeri dan merupakan syarikat yang menjalankan aktiviti bukan berteraskan keuntungan (*non-profit activity*). Justeru, entiti-entiti ini tidak menyumbang secara langsung kepada kutipan hasil negeri pada masa ini.

Kerajaan Negeri kini dalam proses mengenal pasti pendekatan bagi memastikan GLC terlibat dapat menyumbang semula kepada hasil negeri, sama ada melalui dividen, perkongsian hasil atau pengurangan kebergantungan terhadap geran tahunan. Usaha ini juga bertujuan memperkukuh keupayaan kewangan GLC agar lebih mampan dan berdikari, di samping terus menyokong agenda pembangunan sosioekonomi negeri.

- (b) Peratus perbezaan antara kutipan sebenar dan anggaran hasil (sehingga 12 November 2025) adalah seperti berikut:

BIL.	KOMPONEN	ANGGARAN HASIL (RM)	KUTIPAN SEBENAR (RM)	PERATUS PERBEZAAN (%)
1	HASIL CUKAI	223,648,639.00	156,482,776.54	69.97
2	HASIL BUKAN CUKAI	570,412,707.00	690,443,014.99	121.04
3	TERIMAAN BUKAN HASIL	112,534,430.00	69,371,204.91	61.64
	JUMLAH	906,595,776.00	916,296,996.44	101.07

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XIX)2

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SEBERANG JAYA
YB IZHAR SHAH BIN DATUK ARIF SHAH**

2. Nyatakan penyata kewangan dan audit bagi semua GLC di bawah CMI / SSI bagi tahun kewangan berakhir dari tahun 2020 sehingga kini.
 - (a) Nyatakan status laporan audit dan penyata kewangan (untung / rugi) setiap tahun.
 - (b) Jumlah sumbangan tahunan kepada Akaun Hasil Negeri.
 - (c) Pecahan perbelanjaan emolumen, bonus dan Bantuan Khas Kewangan mengikut kumpulan jawatan.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

2. Terdapat tujuh belas (17) Syarikat berkaitan Kerajaan Negeri (GLC) di bawah Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI) dan satu (1) di bawah Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri (SSI).

Daripada keseluruhan lapan belas (18) GLC tersebut, sebanyak enam belas (16) GLC telah diaudit sepenuhnya bagi tempoh tahun 2020 hingga 2024 dan laporan pengauditan telah dikemukakan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Sementara itu, laporan audit bagi PYDC Strategies Sdn. Bhd. untuk tahun kewangan 2024 masih dalam proses pengauditan.

Dua (2) GLC lagi iaitu Penang Agrotech Sdn. Bhd. dan Penang Waste Management Corporation Sdn. Bhd. masing-masing telah ditubuhkan pada 15 Oktober 2024 dan 14 April 2025 masih belum mempunyai laporan kewangan untuk diaudit.

- (a) Penyata Kewangan (untung/rugi) GLC di bawah CMI dan SSI dari tahun 2020 hingga 2024 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (b) Kesemua lapan belas (18) Syarikat Berkaitan Kerajaan Negeri (GLC) ini menerima geran tahunan daripada Kerajaan Negeri dan menjalankan aktiviti yang tidak berorientasikan keuntungan (*non-profit activities*). Oleh itu, GLC berkenaan tidak mempunyai hasil kewangan yang disumbangkan kepada Akaun Hasil Negeri.

Walau bagaimanapun, terdapat GLC yang mempunyai baki kewangan pada hujung tahun dan dibawa ke tahun berikutnya bagi tujuan pelaksanaan program serta menampung sebahagian kos operasi syarikat. Secara umumnya, geran tahunan yang diterima digunakan sepenuhnya untuk melaksanakan program-program yang selaras dengan mandat penubuhan GLC berkenaan.

Selain itu, pelaksanaan program juga dilaksanakan melalui penjanaaan dana tambahan daripada pihak swasta atau melalui usaha sama serta kerjasama strategik antara GLC dan sektor swasta bagi memperkukuh impak serta keberkesanan program.

- (c) Kebanyakan Syarikat Berkaitan Kerajaan Negeri (GLC) merekodkan perbelanjaan secara keseluruhan tanpa pengasingan mengikut kumpulan perjawatan. Walau bagaimanapun, perincian perbelanjaan bagi emolument, bonus dan Bantuan Khas Kewangan (BKK) mengikut kumpulan perjawatan bagi keseluruhan lapan belas (18) GLC di bawah Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI) dan Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri (SSI) adalah seperti di **LAMPIRAN B**.

PENYATA KEWANGAN (UNTUNG/RUGI) GLC DI BAWAH CMI/SSI DARI TAHUN 2020 HINGGA 2024

BIL.	NAMA GLC	TAHUN				
		2020	2021	2022	2023	2024
1.	Invest-in-Penang Berhad	23,292	10,192	13,175	16,884	14,625
2.	Penang Halal International Sdn. Bhd.	0	0	0	0	0
3.	Penang Global Tourism Sdn. Bhd	0	0	0	315	0
4.	George Town World Heritage Incorporated	19,527	14,703	37,282	30,034	35,703
5.	PGC Strategies Sdn. Bhd. (Penang Green Council)	(879,883)	(32,539)	143,342	559,672	242,177
6.	Penang Convention & Exhibition Bureau (PICEB Sdn. Bhd.)	1,309	66	474	(176)	113
7.	Penang Tech Centre	(918,057)	379,771	77,889	52,162	(329,394)
8.	Penang Women's Development Corporation (PWDC Sdn. Bhd.)	112,418	632,833	(117,378)	(257,438)	(418,683)
9.	Penang Youth Development Corporation (PYDC Strategies Sdn. Bhd.)	62,191	(322,655)	287,243	11,001	(Belum selesai di audit)
10.	Penang Science Cluster	1,223,519	1,030,913	860,786	(227,532)	242,326
11.	George Town Conservation Development Corporation Sdn. Bhd. (GTCDC)	0	0	(2,611)	0	0
12.	Penang STEM Sdn. Bhd.	84,845	(96,299)	95,736	140,739	58,553
13.	Digital Penang Sdn. Bhd.	997	674	893	939	3,079
14.	Penang Infrastructure Corporation Sdn. Bhd.	(1,201)	(1,041,352)	(1,222,642)	(1,563,917)	(2,317,515)
15.	Penang Harmony Corporation Sdn. Bhd. (HARMONICO)	Belum ditubuhkan	(2,630)	(172)	12,167	85,332
16.	Penang FC Sdn. Bhd.	Belum ditubuhkan	(418,202)	418,202	2247	555
17.	Penang Agrotech Sdn.Bhd.	Ditubuhkan pada 15 Oktober 2024				
18.	Penang Waste Management Corporation Sdn. Bhd.	Ditubuhkan pada 14 April 2025				

Nota: i) Untuk tahun 2025 laporan kewangan GLC belum selesai di audit.

ii) Nilai 0 bermaksud jumlah geran yang diperoleh ditolak dengan jumlah perbelanjaan adalah sama, iaitu tiada baki.

LAMPIRAN B

PERBELANJAAN EMOLUMEN, BONUS DAN BANTUAN KHAS KEWANGAN MENGIKUT KUMPULAN JAWATAN BAGI TAHUN 2020 HINGGA 2025

BIL.	SENARAI GLC	KUMPULAN JAWATAN	TAHUN	PERKARA		
				EMOLUMEN (RM)	BONUS (RM)	BKK (RM)
1.	Penang Halal International Sdn. Bhd.	1. Pengurusan tertinggi	2020	15,050.00	-	12,000.00
			2021	15,050.00	-	18,000.00
			2022	14,300.00	-	14,300.00
			2023	15,700.00	-	14,300.00
			2024	18,300.00	-	7,000.00
		2025	14,980.00	-	7,490.00	
		2020	59,496.00	-	4,608.00	
		2021	-	-	-	
		2022	-	-	-	
		2023	-	-	-	
		2024	-	-	-	
2025	188,816.00	-	9,440.00			
2020	312,540.00	-	23,595.00			
2021	282,540.00	-	35,061.00			
2022	317,460.00	-	26,455.00			
2023	354,600.00	-	28,350.00			
2024	497,580.00	-	32,439.00			
2025	268,530.00	-	13,426.00			
		2. Pengurusan dan Profesional				
		3. Pelaksana				

BIL.	SENARAI GLC	KUMPULAN JAWATAN	TAHUN	PERKARA		
				EMOLUMEN (RM)	BONUS (RM)	BKK (RM)
2.	Penang Global Tourism Sdn. Bhd	1. Pengurusan tertinggi	2020	485,024.00	-	39,780.00
			2021	478,200.00	-	36,175.00
			2022	396,775.00	-	32,863.00
			2023	516,116.00	-	50,385.00
			2024	494,875.00	-	42,773.00
		2025	421,700.00	-	21,085.00	
		2. Pengurusan dan Profesional	2020	413,560.00	-	33,329.00
			2021	420,495.00	-	32,630.00
			2022	525,892.00	-	43,480.00
			2023	455,975.00	-	43,498.00
			2024	452,944.00	-	35,291.00
		2025	383,642.00	-	20,435.00	
		3. Pelaksana	2020	133,365.00	-	7,560.00
			2021	113,286.00	-	5,420.00
			2022	116,578.00	-	5,924.00
2023	128,843.00		-	9,219.00		
2024	146,580.00		-	8,383.00		
2025	125,391.00	-	4,670.00			

BIL.	SENARAI GLC	KUMPULAN JAWATAN	TAHUN	PERKARA	
				EMOLUMEN (RM)	BONUS / BKK (RM)
3.	Digital Penang Sdn. Bhd	1. Executive	2020	439,971.00	36,664.00
			2021	1,218,654.00	101,555.00
			2022	1,398,233.00	116,519.00
			2023	1,563,932.00	130,328.00
			2024	2,039,205.00	169,934.00
		2025	1,517,636.00	126,470.00	
		2. Non-Executive	2020	28,371.00	2,364.00
			2021	120,396.00	10,033.00
			2022	-	-
			2023	35,578.00	2,965.00
2024	-		-		
2025	-	-			

BIL.	SENARAI GLC	TAHUN	PERKARA	
			EMOLUMEN (RM)	BKK (RM)
4.	George Town World Heritage Incorporated.	2020	1,358,778.00	105,230.00
		2021	1,446,265.00	52,442.00
		2022	1,367,528.00	131,414.00
		2023	1,275,344.00	61,441.00
		2024	1,285,917.00	87,627.00

BIL.	SENARAI GLC	KUMPULAN JAWATAN	TAHUN	PERKARA		
				EMOLUMEN (RM)	BONUS (RM)	BKK (RM)
5.	Penang Tech Centre	1. Pengurusan	2020	532,350.00	-	-
			2021	409,386.23	-	-
			2022	396,000.00	-	47,075.00
			2023	505,375.40	-	43,862.50
			2024	427,800.00	-	36,250.00
		2025	329,550.00	-	17,025.00	
		2. Eksekutif / Pegawai	2020	664,394.86	-	-
			2021	458,889.07	-	-
			2022	594,703.62	-	37,525.00
			2023	860,676.03	-	78,875.00
2024	993,170.23		-	75,600.00		
2025	767,399.83	-	39,500.00			

BIL.	SENARAI GLC	TAHUN	PERKARA	
			EMOLUMEN (RM)	BONUS TAHUNAN / BKK (RM)
6.	PGC Strategies Sdn. Bhd. (Penang Green Council)	2020	1,106,690.07	58,323.50
		2021	1,190,118.14	67,663.54
		2022	1,170,714.49	64,343.06
		2023	1,162,505.15	81,193.53
		2024	1,179,741.87	74,400.13
2025	833,215.74	32,189.00		

BIL.	SENARAI GLC	TAHUN	PERKARA	
			EMOLUMEN (RM)	BONUS / BKK (RM)
7.	Penang Convention & Exhibition Bureau (PICEB Sdn. Bhd.)	2020	962,014.00	68,565.00
		2021	1,020,843.00	68,224.00
		2022	1,264,525.00	88,781.00
		2023	1,340,998.00	107,127.00
		2024	1,151,894.00	77,988.00
		2025	798,474.00	37,074.00

BIL.	SENARAI GLC	TAHUN	PERKARA	
			EMOLUMEN (RM)	BONUS / BKK (RM)
8.	Penang Women's Development Corporation (PWDC Sdn. Bhd.)	2020	1,088,676.00	78,427.00
		2021	1,182,213.00	78,875.00
		2022	1,282,109.00	90,145.00
		2023	1,401,099.00	121,155.00
		2024	1,359,561.00	115,606.00
		2025	1,045,876.00	48,370.00

BIL.	SENARAI GLC	TAHUN	PERKARA	
			EMOLUMEN (RM)	BONUS (RM) / BKK (RM)
9.	Penang Infrastructure Corporation Sdn. Bhd.	2020	266,153.49	-
		2021	1,019,939.23	-

BIL.	SENARAI GLC	TAHUN	PERKARA		
			EMOLUMEN (RM)	BONUS (RM)	BKK (RM)
		2022	1,253,853.70	-	28,608.85
		2023	1,742,941.17	-	103,300.41
		2024	2,120,134.78	-	97,285.09
		2025	1,883,413.96	-	44,950.33

BIL.	SENARAI GLC	TAHUN	PERKARA		
			EMOLUMEN (RM)	BONUS (RM)	BKK (RM)
10.	Penang STEM Sdn. Bhd.	2020	356,882.00	18,450.00	-
		2021	409,907.00	17,550.00	-
		2022	417,031.00	37,680.00	-
		2023	485,719.00	47,699.00	-
		2024	556,647.00	41,225.00	-
		2025	465,448.00	22,050.00	-

BIL.	SENARAI GLC	KUMPULAN JAWATAN	TAHUN	PERKARA		
				EMOLUMEN	BONUS	BKK
11.	Penang Youth Development Corporation (PYDC Strategies Sdn. Bhd.)	1. Pengurusan dan Profesional	2020	373,552.80	-	11,249.00
			2021	373,552.80	-	11,249.00
			2022	531,977.52	-	15,864.27
			2023	573,304.20	-	18,777.25
			2024	678,400.20	-	16,618.64
			2025	661,224.00	-	24,000.00
		2. Pelaksana	2020	21,883.80	-	2,211.00
			2021	21,883.80	-	2,211.00

BIL.	SENARAI GLC	KUMPULAN JAWATAN	TAHUN	PERKARA		
				EMOLUMEN	BONUS	BKK
			2022	66,142.80	-	2,136.00
			2023	35,845.80	-	1,399.00
			2024	37,791.00	-	1,678.80
			2025	884.00	-	1,000.00

BIL.	SENARAI GLC	KUMPULAN JAWATAN	TAHUN	PERKARA		
				EMOLUMEN (RM)	BONUS (RM)	BKK (RM)
12.	Penang FC Sdn. Bhd.	1. Pengurusan tertinggi	2020	-	-	-
			2021	298,197.00	-	4,150.00
			2022	455,747.00	-	24,116.00
			2023	398,819.00	-	28,119.00
			2024	721,522.00	-	31,032.00
		2025	603,000.00	-	50,250.00	
		2. Pengurusan dan Profesional	2020	-	-	-
			2021	6,743,480.00	-	-
			2022	8,166,890.00	-	-
			2023	8,535,534.00	-	-
			2024	6,435,281.00	-	-
		2025	5,274,000.00	-	-	
		3. Pelaksana	2020	-	-	-
			2021	713,225.00	-	-
			2022	1,418,892.00	-	-
2023	1,220,155.00		-	-		
2024	687,004.00		-	-		
2025	430,400.00	-	-			

BIL.	SENARAI GLC	KUMPULAN JAWATAN	TAHUN	PERKARA		
				EMOLUMEN (RM)	BONUS (RM)	BKK (RM)
13.	Penang Harmony Corporation Sdn. Bhd. (HARMONICO)	1. Pengurusan tertinggi	2020	-	-	-
			2021	42,000.00	Tiada	Tiada
			2022	79,200.00	-	6,000.00
			2023	90,000.00	-	8,750.00
			2024	97,200.00	-	7,600.00
		2025	87,000.00	-	4,100.00	
		2020	-	-	-	
		2021	20,348.39	-	Tiada	
		2022	165,560.00	-	15,000.00	
		2023	276,266.35	-	26,125.00	
		2024	348,169.00	-	23,991.66	
		2025	314,050.00	-	13,350.00	
		2020	-	-	-	
3. Pelaksana	2021	Tiada	Tiada	Tiada		
	2022	13,000.00	-	800.00		
	2023	28,629.04	-	1,000.00		
	2024	28,434.82	-	1,400.00		
	2025	13,500.00	-	1,250.00		

BIL.	SENARAI GLC	TAHUN	PERKARA		
			EMOLUMEN (RM)	BONUS (RM)	BKK (RM)
14.	George Town Conservation Development Corporation Sdn. Bhd. (GTCDC)	2020	-	-	-
		2021	-	-	-
		2022	-	-	-
		2023	-	-	-
		2024	-	-	-
		2025	24,000.00	Tiada	Tiada

15. Invest-In Penang Berhad memaklumkan bahawa maklumat berkaitan pecahan perbelanjaan emolumen, bonus dan bantuan khas kewangan mengikut kumpulan perjawatan adalah tertakluk kepada dasar kerahsiaan syarikat serta perbelanjaan nondisclosure (NDA). Justeru, butiran terperinci tidak dapat dikongsi.

16. Penang Science Cluster (maklumat tidak dikemukakan).

17. Penang Agrotech Sdn. Bhd. (ditubuhkan pada 15 Oktober 2024 dan belum ada lantikan).

18. Penang Waste Management Corporation Sdn. Bhd. (ditubuhkan pada 14 April 2025 dan belum ada lantikan).

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XIX)3

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SEBERANG JAYA
YB IZHAR SHAH BIN DATUK ARIF SHAH**

3. Nyatakan struktur gaji dan elaun semasa bagi penjawat awam tertinggi di peringkat legislatif, eksekutif serta pengurusan tertinggi setiap Government-Linked Companies (GLC) Negeri.
 - (a) Nyatakan julat gaji dan elaun bagi setiap kategori jawatan tersebut.
 - (b) Apakah dasar atau garis panduan yang digunakan dalam menentukan kadar imbuhan dan semakan tahunan masing-masing?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

3. Bagi peringkat legislatif, penjawat awam yang tertinggi adalah *ex-officio* yang terdiri daripada YB Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, YB Pegawai Kewangan Negeri dan YB Penasihat Undang-undang. Ketiga-tiga *ex-officio* tersebut termasuk dalam kategori Kumpulan Pengurusan Tertinggi. Struktur gaji dan elaun bagi penjawat awam di Kumpulan Pengurusan Tertinggi ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Penetapan struktur gaji dan elaun tersebut adalah berdasarkan kajian berkala yang dilaksanakan oleh JPA, dengan mengambil kira faktor ekonomi, keperluan semasa dan kedudukan fiskal negara.

Pada masa ini, struktur gaji dan elaun penjawat awam di Kumpulan Pengurusan Tertinggi adalah seperti yang diperincikan di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2024 – Kumpulan Pengurusan Tertinggi (Sistem Saraan Perkhidmatan Awam). Kadar kenaikan gaji tahunan serta perincian kemudahan-

kemudahan yang lain turut diperincikan di dalam pekeliling berkenaan.

Julat gaji dan elaun bagi penjawat awam di Kumpulan Pengurusan Tertinggi adalah seperti yang diperincikan di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 tahun 2024 –Kumpulan Pengurusan Tertinggi (Sistem Saraan Perkhidmatan Awam). Julat bagi gaji bulanan pegawai di kumpulan ini berada di dalam lingkungan RM7,990.00 ke RM26,200.00, bergantung kepada gred serta tempoh perkhidmatan pegawai. Julat bagi elaun pula adalah daripada RM7,300.00 sehingga RM11,000.00.

Merujuk kepada Syarikat berkaitan Kerajaan (GLC), terdapat tujuh belas (17) GLC di bawah Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI) dan satu (1) di bawah Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri (SSI). Senarai pengurusan tertinggi berserta gaji dan elaun semasa bagi lapan belas (18) GLC tersebut adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

Kadar kenaikan gaji tahunan bagi penjawat awam di Kumpulan Pengurusan Tertinggi adalah 9%, tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh Ketua Perkhidmatan masing-masing.

Bagi pegawai-pegawai di GLC, dasar atau garis panduan yang digunakan dalam menentukan kadar imbuhan dan semakan tahunan adalah berdasarkan prestasi pegawai melalui *Key Performance Indicators* (KPI), kelayakan, pengalaman dan kemampuan kewangan syarikat, tertakluk kepada kelulusan Lembaga Pengarah. Selain itu, rujukan struktur saraan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) dan pasaran industri (market benchmarking) juga digunakan bagi memastikan kadar yang ditetapkan adalah munasabah dan kompetitif.

Gaji dan Elaun Pengurusan Tertinggi GLC di bawah CMI dan SSI

Bil	Nama GLC	Perkara		
		Jawatan	Gaji (bulan)	Elaun (bulan)
SSI				
1.	Invest-In Penang Berhad	Invset Penang memaklumkan bahawa maklumat mengenai gaji semua pekerja adalah maklumat sulit yang dilindungi di bawah perjanjian kerahsiaan (NDA) dan dasar privasi organisasi. Justeru, pendedahan maklumat tersebut kepada pihak luar tidak dibenarkan. Maka maklumat gaji tidak diperolehi.		
CMI				
2.	Penang Infrastructure Corporation Sdn. Bhd.	Ketua Pegawai Eksekutif	RM40,200-RM74,600	Bil Telefon, pembelian telefon baru
3.	Penang Women's Development Corporation (PWDC Sdn. Bhd.)	Ketua Pegawai Eksekutif	RM10,000- RM16,000	RM600 (Telefon dan Perjalanan)
4.	George Town World Heritage Incorporated	Pengurus Besar	RM7,676 – RM20,592	RM6,316
5.	Penang STEM Sdn. Bhd.	Ketua Pegawai Eksekutif	RM10,000	RM 128 (Pangangkutan)
6.	Penang Halal International Sdn. Bhd.	Ketua Pegawai Eksekutif	RM14,980	RM4,300 (Elaun perkhidmatan, telefon, sara hidup)
7.	Penang FC Sdn. Bhd.	Ketua Pegawai Eksekutif	RM12,000	Tiada
8.	Penang Harmony Corporation Sdn. Bhd. (HARMONICO)	Pengurus Besar	RM8,200	RM500 (petrol)

Bil	Nama GLC	Perkara		
		Jawatan	Gaji (bulan)	Elaun (bulan)
9.	Penang Convention & Exhibition Bureau (PICEB Sdn. Bhd.)	Ketua Pegawai Eksekutif	RM15,000-RM25,000	RM200 (telefon)
10.	Digital Penang Sdn. Bhd.	Ketua Pegawai Eksekutif	RM18,000- RM20,000	RM2,000 (Perjalanan, telefon dan internet, penggunaan komputer riba)
11.	Penang Global Tourism Sdn. Bhd.	Ketua Pegawai Eksekutif	RM15,000-RM25,000	Elaun telefon RM300
12.	PGC Strategies Sdn. Bhd. (Penang Green Council)	Pengurus Besar	RM8,000 – RM15,000	RM1,800 (Perkhidmatan, Perumahan, COLA, Telefon)
13.	Penang Tech Centre	Ketua Pegawai Eksekutif	RM12,000	Tiada
14.	Penang Science Cluster	Ketua Pegawai Eksekutif	Julat gaji untuk pengurusan tertinggi adalah daripada RM8,900 ke RM19,500.00	

Bil	Nama GLC	Perkara		
		Jawatan	Gaji (bulan)	Elaun (bulan)
15.	Penang Youth Development Corporation (PYDC Sdn. Bhd.)	Pengurus Besar (Kosong-tiada Pengurus Besar buat masa kini)	Setara dengan Gred N48	
16.	George Town Conservation Development Corporation Sdn. Bhd. (GTCDC)	Tiada Ketua Pegawai Eksekutif/ Pengurus Besar Seketariat oleh Pengurusan CMI dan Think City	Tidak berkenaan	
17.	Penang Agrotech Sdn. Bhd.	Pengurus Besar	RM8,376	RM350 (telefon dan pengangkutan)
18.	Penang Waste Management Corporation Sdn. Bhd.	Pengurus Besar/CEO Belum dilantik	Tidak berkenaan	

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XIX)4

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SEBERANG JAYA
YB IZHAR SHAH BIN DATUK ARIF SHAH**

4. Perincikan jumlah sumbangan kewangan / geran kepada semua GLC di bawah CMI dan SSI dari tahun 2018 hingga 2025.
- (a) Nyatakan tujuan atau jenis perbelanjaan yang ditetapkan oleh GLC.
 - (b) Perincikan KPI dan KRA bagi setiap GLC.
 - (c) Adakah performance review tahunan dilaksanakan untuk menilai impak sumbangan terhadap KPI dan KRA GLC?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

4. Sehingga 31 Oktober 2025, terdapat 17 Syarikat Berkaitan Kerajaan Negeri (GLC) yang berada di bawah seliaan Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI) dan 1 GLC di bawah Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri (SSI). Jumlah keseluruhan sumbangan geran mengurus yang telah disalurkan oleh Kerajaan Negeri kepada 18 GLC tersebut dari tahun 2018 hingga 31 Oktober 2025 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (a) Penyaluran geran kepada GLC adalah bagi tujuan pembayaran emolumen, kos operasi dan pelaksanaan program/projek yang bersesuaian dengan objektif GLC tersebut ditubuhkan. Perincian adalah seperti di **LAMPIRAN B**.
 - (b) KPI dan KRA yang telah ditetapkan adalah berbeza mengikut fungsi setiap GLC, selaras dengan objektif

penubuhannya. Maklumat terperinci mengenai KPI dan KRA setiap GLC adalah seperti di **LAMPIRAN C**.

- (c) Semakan prestasi tahunan dilaksanakan bagi menilai keberkesanan penggunaan sumbangan kewangan serta pencapaian KPI dan KRA. Penilaian ini dibentangkan kepada Lembaga Pengarah setiap GLC. Semakan prestasi ini juga digunakan bagi tujuan penambahbaikan strategi, pelan tindakan, malah jumlah peruntukan geran mengurus yang wajar diluluskan bagi tahun berikutnya. Perincian *performance review* tahunan yang dilaksanakan bagi menilai impak sumbangan GLC terhadap pencapaian KPI dan KRA adalah seperti di **LAMPIRAN D**.

LAMPIRAN A

Sumbangan kewangan/geran kepada GLC di bawah CMI dan SSI dari Tahun 2018 hingga Okt 2025

Bil.	Senarai GLC	Tahun	Perkara		Jumlah
			Sumbangan geran daripada Kerajaan Negeri	Sumber kewangan daripada sumber lain	
SSI					
1.	Invest-In-Penang Bhd.	2018	Tiada	RM4,000,000.00	RM4,000,000.00
		2019	Tiada	RM4,820,000.00	RM4,820,000.00
		2020	RM1,000,000.00	RM1,000,000.00 (PDC)	RM2,000,000.00
		2021	RM1,800,000.00	RM1,800,000.00 (PDC)	RM3,600,000.00
		2022	RM1,750,000.00	RM1,750,000.00 (PDC)	RM3,500,000.00
		2023	RM1,750,000.00	RM 1,750,000.00 (PDC)	RM3,500,000.00
		2024	RM1,000,000.00	RM1,800,000.00 (PDC)	RM2,800,000.00
		2025 (Sehingga 30 September)	RM400,000.00	RM3,000,000.00 (PDC)	RM3,400,000.00

Bil.	Senarai GLC	Tahun	Perkara		Jumlah
			Sumbangan geran daripada Kerajaan Negeri	Sumber kewangan daripada sumber lain	
CMI					
2.	George Town World Heritage Incorporated	2018	RM2,700,000.00	Tiada	RM2,700,000.00
		2019	RM2,700,000.00		RM2,700,000.00
		2020	RM3,200,000.00		RM3,200,000.00
		2021	RM 3,200,000.00		RM 3,200,000.00
		2022	RM3,200,000.00		RM3,200,000.00
		2023	RM3,200,000.00		RM3,200,000.00
		2024	RM2,750,000.00		RM2,750,000.00
		2025 (Sehingga 30 September)	RM1,968,754.00		RM1,968,754.00
		3.	PGC Strategies Sdn. Bhd. (Penang Green Council)	2018	RM3,695,000.00
2019	Tiada			RM389,062.00	RM389,062.00
2020	RM500,000.00			RM201,070.00	RM701,070.00
2021	RM1,500,000.00			RM168,139.00	RM1,668,139.00
2022	RM1,500,000.00			RM493,269.00	RM1,993,269.00
2023	RM2,000,000.00			RM633,062.00	RM2,633,062.00
2024	RM1,500,000.00			RM836,783.00	RM2,336,785.00
2025 (Sehingga 30 September)	RM1,712,500.00			RM515,700.00	RM2,228,200.00

4.	Digital Penang Sdn. Bhd.	2020	RM964,591.00	Tiada	RM964,591.00
		2021	RM2,905,578.00	RM59,700.00	RM2,965,278.00
		2022	RM3,929,634.00	RM17,000.00	RM3,946,634.00
		2023	RM4,500,000.00	RM402,800.00	RM4,902,800.00
		2024	RM5,375,800.00	RM42,100.00	RM5,417,900.00
		2025 (Sehingga 30 September)	RM2,462,500	RM1,675,000.00	RM4,137,500.00
5.	George Town Conservation Development Corporation Sdn. Bhd. (GTCDC)	2018	-	-	-
		2019	-	-	-
		2020	-	-	-
		2021	-	-	-
		2022	-	-	-
		2023	-	-	-
		2024	RM425,000.00	-	RM425,000.00
		2025 (Sehingga 30 September)	RM382,000.00	-	RM382,000.00
6.	Penang Infrastructure Corporation Sdn. Bhd.	2020	RM5,135,350.00	Tiada	RM5,135,350.00
		2021	RM8,736,495.90		RM8,736,495.90
		2022	RM7,695,710.00		RM7,695,710.00
		2023	Tiada		Tiada
		2024	RM4,000,000.00		RM4,000,000.00
		2025 (Sehingga 30 September)	RM4,000,000.00		RM4,000,000.00
		2018	RM820,000.00	Tiada	RM820,000.00
		2019	RM1,000,000.00		RM1,000,000.00
7.	Penang Halal International Sdn. Bhd.	2020	RM1,000,000.00		RM1,000,000.00
		2021	RM1,000,000.00		RM1,000,000.00

		2022	RM1,500,000.00			RM1,500,000.00
		2023	RM1,500,000.00			RM1,500,000.00
		2024	RM1,500,000.00			RM1,500,000.00
		2025 (Sehingga 30 September)	RM1,350,000.00			RM1,350,000.00
8.	Penang Tech Centre	2018	RM1,181,275.00	RM2,118,743.33		RM3,300,018.33
		2019	RM468,754.00	RM3,876,507.85		RM4,345,261.85
		2020	RM650,000.00	RM854,679.03		RM1,504,679.03
		2021	RM752,000.00	RM1,510,055.67		RM2,262,055.67
		2022	RM850,000.00	RM2,235,579.41		RM3,085,579.41
		2023	RM850,000.00	RM3,239,343.28		RM4,089,343.28
		2024	RM850,000.00	RM2,555,380.07		RM3,405,380.07
		2025 (Sehingga 30 September)	RM637,500.00	RM2,497,047.34		RM3,134,547.34
9.	Penang Science Cluster	2018	RM1,514,296.00	RM1,776,438.00		RM3,290,734.00
		2019	RM993,408.00	RM1,595,277.00		RM2,588,685.00
		2020	RM3,300,000.00	RM4,774,213.00		RM8,074,213.00
		2021	RM356,898.00	RM4,278,745.00		RM4,635,643.00
		2022	RM801,887.00	RM3,291,838.00		RM4,093,725.00
		2023	RM1,264,781.00	RM4,568,885.00		RM5,833,666.00
		2024	RM400,000.00	RM4,734,142.00		RM5,134,142.00
		2025 (Sehingga 30 September)	RM200,000.00	RM3,397,308.00		RM3,597,308.00
10.	Penang STEM Sdn. Bhd.	2018	RM537,850.00	RM60,925.00		RM598,775.00
		2019	RM500,000.00	RM215,915.00		RM715,915.00
		2020	RM560,000.00	RM236,163.00		RM796,163.00
		2021	RM410,000.00	RM155,862.00		RM565,862.00

		2022	RM630,000.00	RM219,290.00	RM849,290.00
		2023	RM650,000.00	RM712,387.00	RM1,362,387.00
		2024	RM600,000.00	RM468,905.00	RM1,068,905.00
		2025 (Sehingga 30 September)	RM405,000.00	RM509,408.00	RM914,408.00
11.	Penang Global Tourism Sdn. Bhd.	2018	RM7,361,300.00	RM9,038,600.00	RM16,399,900.00
		2019	RM7,402,000.00	RM8,126,350.00	RM15,528,350.00
		2020	RM7,050,000.00	RM9,229,041.00	RM16,279,041.00
		2021	RM5,530,000.00	RM6,208,105.00	RM11,738,105.00
		2022	RM6,480,000.00	RM9,561,262.00	RM16,041,262.00
		2023	RM7,300,000.00	RM11,179,112.00	RM18,479,112.00
		2024	RM4,947,720.00	RM6,490,836.00	RM11,438,556.00
		2025 (Sehingga 30 September)	RM3,000,000.00	RM5,181,501.00	RM8,181,501.00
12.	Penang Convention & Exhibition Bureau (PICEB Sdn. Bhd.)	2018	RM4,890,868.00	Tiada	RM4,890,868.00
		2019	RM8,643,945.00	RM33,375.00	RM8,677,320.00
		2020	RM6,141,156.00	RM54,826.00	RM6,195,982.00
		2021	RM4,231,087.00	RM14,900.00	RM4,245,987.00
		2022	RM5,683,418.00	RM53,297.00	RM2,736,715.00
		2023	RM5,737,863.00	RM33,727.00	RM5,771,590.00
		2024	RM7,538,552.00	RM14,000.00	RM7,552,552.00
		2025 (Sehingga 30 September)	RM5,170,200.00	RM20,000.00	RM5,170,200.00

13.	Penang Youth Development Corporation (PYDC Strategies Sdn. Bhd.)	2018	RM 1,857,250	RM 24,095	RM 1,881,345
		2019	RM 820,000	RM 84,105	RM 904,105
		2020	RM820,000.00	RM65,546.00	RM885,546.00
		2021	RM1,000,000.00	RM78,574.00	RM1,078,574.00
		2022	RM2,187,159.00	RM259,110.00	RM2,446,269.00
		2023	RM2,528,159.00	RM259,110.00	RM2,787,269.00
		2024	RM700,000.00	RM305,852.00	RM1,005,852.00
		2025 (Sehingga 30 September)	RM1,130,000.00	RM67,980.00	RM1,197,980.00
		2021	RM8,855,062.00	RM2,900,836.00	RM11,755,898.00
		2022	RM12,500,000.00	RM3,523,848.00	RM16,023,848.00
2023	RM12,200,000.00	RM3,292,899.00	RM15,492,899.00		
2024	RM10,200,000.00	RM1,674,600.00	RM11,874,600.00		
2025 (Sehingga 30 September)	RM6,000,000.00	RM933,449.00	RM6,933,449.00		
14.	Penang FC Sdn. Bhd.	2020	RM1,500,000.00	RM418,620.00	RM1,918,620.00
		2021	RM2,500,000.00	RM387,556.00	RM2,887,556.00
		2022	RM2,500,000.00	RM524,330.00	RM3,024,330.00
		2023	RM2,500,000.00	RM877,939.00	RM3,377,939.00
		2024	RM1,500,000.00	RM608,437.00	RM2,108,437.00
		2025 (Sehingga 30 September)	RM1,175,000.00	RM448,221.00	RM1,623,221.00
15.	Penang Women's Development Corporation Sdn. Bhd. (PWDC)	2020	RM1,500,000.00	RM418,620.00	RM1,918,620.00
		2021	RM2,500,000.00	RM387,556.00	RM2,887,556.00
		2022	RM2,500,000.00	RM524,330.00	RM3,024,330.00
		2023	RM2,500,000.00	RM877,939.00	RM3,377,939.00
		2024	RM1,500,000.00	RM608,437.00	RM2,108,437.00
		2025 (Sehingga 30 September)	RM1,175,000.00	RM448,221.00	RM1,623,221.00

16.	Penang Harmony Corporation Sdn. Bhd. (HARMONICO)	2021	RM350,576.00	RM4,035.00	RM354,611.00
		2022	RM1,218,284.00	RM28,382.00	RM1,246,666.00
		2023	RM1,266,859.00	RM30,383.00	RM1,297,242.00
		2024	RM1,230,363.00	RM120,507.00	RM1,350,870.00
		2025 (Sehingga 30 September)	RM776,250.00	RM131,562.50	RM907,812.00
17.	Penang Agrotech Sdn. Bhd	Ditubuhkan pada 15 Oktober 2025. Peruntukan yang diluluskan untuk tahun 2025 adalah sebanyak RM204,412.00 tetapi belum diterima.			
18.	Penang Waste Management Corporation Sdn. Bhd.	Ditubuhkan pada 15 Oktober 2025			

LAMPIRAN B

Tujuan atau jenis perbelanjaan yang ditetapkan oleh GLC

Bil.	Nama GLC	Tujuan/Jenis Perbelanjaan
SSI		
1.	Invest-In Penang Berhad	<p>Perbelanjaan Invest-in-Penang Berhad tertumpu kepada pelaksanaan mandat utama sebagai agensi promosi pelaburan, iaitu mempromosikan serta menarik pelaburan asing dan domestik melalui pelaksanaan misi pelaburan, seminar dan program promosi, pembangunan ekosistem industri, termasuk program peningkatan keupayaan syarikat tempatan, pembangunan bakat serta penyelidikan pasaran.</p> <p>Selain itu, perbelanjaan turut merangkumi aspek operasi dan pentadbiran bagi memastikan tadbir urus yang baik serta penyampaian perkhidmatan yang berkesan.</p> <p>Jenis perbelanjaan yang ditetapkan dibentangkan dan diluluskan oleh Ahli Lembaga Pengarah setiap tahun.</p>
CMI		
2.	Penang Global Tourism Sdn. Bhd.	<p>Perbelanjaan digunakan bagi tujuan operasi, penganjuran acara serta promosi pelancongan, selaras dengan objektif penubuhan GLC untuk menyokong inisiatif pelancongan negeri. Semua perbelanjaan direkod dan dilapor mengikut SOP PGTSB bagi memastikan ketelusan dan akauntabiliti.</p>

Bil.	Nama GLC	Tujuan/Jenis Perbelanjaan
3.	Penang Convention & Exhibition Bureau (PICEB Sdn. Bhd.)	Perbelanjaan melibatkan pentadbiran syarikat, promosi dan pemasaran & komunikasi. dalam mengurus, mempromosi, memasarkan dan menjalankan aktiviti berkaitan dengan lokasi pameran, persidangan dan konvensyen, kemudahan dan fasiliti, penganjuran, penasihat bagi semua jenis projek tempatan dan antarabangsa yang melibatkan acara perniagaan bagi badan korporat, syarikat, individu, jabatan kerajaan dan swasta.
4.	George Town World Heritage Incorporated	Perbelanjaan adalah untuk membiayai pembayaran operasi dan pelaksanaan aktiviti dalam pengurusan dan pemeliharaan Tapak Warisan Dunia (<i>World Heritage Site Manager</i>) UNESCO George Town.
5.	Penang Women's Development Corporation (PWDC Sdn. Bhd.)	Perbelanjaan emolomen, kos operasi serta program-program PWDC juga dijalankan dengan fokus kepada pemerksaan wanita serta pembinaan kapasiti dan komuniti di sektor awam dan swasta.
6.	Penang Harmony Corporation Sdn. Bhd. (HARMONICO)	Perbelanjaan merangkumi kos merancang dasar dan melaksanakan program bagi mempromosikan masyarakat inklusif dan harmoni serta bertindak sebagai agensi pelaksana MMK Hal Ehwal Bukan Islam, Pulau Pinang.
7.	Digital Penang Sdn. Bhd.	Perbelanjaan Operasi: Kos pengurusan dan pentadbiran harian syarikat termasuk emolomen dan perkhidmatan mengurus syarikat. Perbelanjaan Program: Melibatkan pelaksanaan inisiatif di bawah empat tonggak utama strategi Digital Penang—Ekonomi Digital, Infrastruktur Digital, Masyarakat

Bil.	Nama GLC	Tujuan/Jenis Perbelanjaan
		<p>Digital, dan Kerajaan Digital. Jenis perbelanjaan termasuk pengurusan program, bayaran sewa, gaji pengajar untuk kelas atau latihan keusahawanan dan kemahiran digital, pemberian geran kepada start-ups, sumbangan/penajaan kepada universiti dan rakan strategik, serta percetakan dan bahan promosi untuk penyampaian maklumat, pemasaran, dan penglibatan awam.</p>
8.	Penang Stem Sdn. Bhd.	<p>Perbelanjaan merangkumi kos bagi melaksanakan program bertujuan menimbulkan minat pelajar peringkat rendah dan menengah dalam STEM melalui aktiviti <i>hands-on</i> yang menyeronokkan, serta memberi inspirasi kepada pelajar untuk memilih aliran STEM di peringkat menengah atas bagi membentuk bakat masa depan dalam bidang berkaitan.</p>
9.	Penang Science Cluster	<p>Perbelanjaan merangkumi kos menjalankan program STEM bagi membangunkan tenaga kerja masa depan Pulau Pinang.</p>
10.	PGC Strategies Sdn. Bhd (Penang Green Council)	<p>Perbelanjaan merangkumi kos operasi, pengurusan, serta pelaksanaan program atau projek untuk pendidikan dan kesedaran awam bagi manfaat alam sekitar dan masyarakat Pulau Pinang.</p>
11.	Penang Tech Centre	<p>Perbelanjaan syarikat dibahagikan kepada empat kategori utama iaitu Operasi (OPEX), Pembangunan (CAPEX), CSR/Sosial, dan Tadbir Urus serta Audit.</p> <p>Perbelanjaan Operasi (OPEX) meliputi kos harian bagi melaksanakan aktiviti syarikat seperti gaji, utiliti, sewaan dan penyelenggaraan.</p>

Bil.	Nama GLC	Tujuan/Jenis Perbelanjaan
		<p>Pembangunan (CAPEX) pula melibatkan pelaburan jangka panjang atau perolehan aset baharu seperti pembinaan, pembelian peralatan dan naik taraf sistem bagi meningkatkan kecekapan operasi.</p> <p>Kategori CSR/Sosial memberi tumpuan kepada sumbangan kepada masyarakat dan negeri melalui bantuan pendidikan serta program kelestarian.</p> <p>Tadbir Urus dan Audit memastikan pematuhan dan ketelusan korporat melalui yuran audit, perkhidmatan perundingan dan latihan pematuhan.</p>
12.	PYDC Strategies Sdn. Bhd.	<p>Tujuan atau jenis perbelanjaan yang ditetapkan oleh PYDC adalah selaras dengan peranan utamanya sebagai sebuah GLC yang bertanggungjawab melaksanakan inisiatif pembangunan belia dari pelbagai aspek termasuk kesukarelawanan, kepimpinan, belia berpersatuan, keusahawanan, kemahiran insaniah dan keterlibatan komuniti.</p> <p>Secara keseluruhannya, perbelanjaan PYDC tertumpu kepada dua komponen utama iaitu:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Perbelanjaan Operasi, yang meliputi kos emolumen, utiliti, sewaan, penyelenggaraan aset, perkhidmatan sokongan serta perbelanjaan pentadbiran harian organisasi bagi memastikan keberkesanan fungsi pengurusan dalaman; dan 2. Perbelanjaan Program dan Aktiviti Pembangunan Belia, yang merangkumi pelaksanaan program aktiviti komuniti, kem Latihan/kepimpinan, seminar,

Bil.	Nama GLC	Tujuan/Jenis Perbelanjaan
		<p>bengkel serta kolaborasi strategik dengan pelbagai agensi dan sektor bagi memperkasa potensi dan penyertaan aktif golongan belia di negeri Pulau Pinang.</p>
13.	Penang FC Sdn. Bhd.	<p>Tujuan perbelanjaan merangkumi kos menjalankan aktiviti liga dan kejohanan domestik, pembangunan bakat dan pemain muda melalui akademi dan program akar umbi, pentadbiran dan operasi kelab, penyelenggaraan kemudahan dan infrastruktur sukan, promosi, pemasaran dan penajaan hasil, serta tanggungjawab sosial korporat melalui program komuniti dan penglibatan masyarakat.</p> <p>Jenis perbelanjaan kelab bola sepak profesional merangkumi emolumen dan gaji, pengurusan pasukan, peralatan dan kelengkapan sukan, operasi dan pentadbiran, penyelenggaraan stadium dan padang latihan, promosi dan pemasaran, yuran serta lesen, CSR dan program komuniti, serta perbelanjaan lain seperti insurans, rawatan perubatan dan pampasan kontrak.</p>
14.	Penang Halal International Sdn. Bhd.	<p>Geran diterima digunakan untuk kos operasi dan pentadbiran syarikat serta pelaksanaan aktiviti termasuk promosi dalam dan luar negara, pembangunan usahawan (termasuk usahawan Halal), latihan pensijilan Halal, dan pengukuhan industri Halal Pulau Pinang.</p>
15.	Penang Infrastructure Corporation Sdn. Bhd. (PIC)	<p>Perbelanjaan digunakan untuk kos operasi termasuk emolumen, tuntutan, perkhidmatan dan bekalan, serta meliputi bayaran sewaan dan penyelenggaraan pejabat, perkhidmatan setiausaha, audit dan cukai, penyelenggaraan kenderaan</p>

Bil.	Nama GLC	Tujuan/Jenis Perbelanjaan
		dan sistem IT, serta program promosi dan penjenamaan termasuk lawatan luar negara untuk mempromosi inisiatif Kerajaan Negeri.
16.	George Town Conservation & Development Corporation Sdn. Bhd. (GTCDC)	GTCDC menetapkan perbelanjaannya bagi tujuan pemuliharaan, pembangunan, dan pengurusan aset-aset warisan budaya di George Town, Pulau Pinang serta kos operasi.
17.	Penang Agrotech Sdn. Bhd.	Perbelanjaan mengurus dan operasi bagi program dan aktiviti yang berkaitan dengan agroteknologi dan keterjaminan makanan bagi menyumbang hasil kepada Kerajaan Negeri.
18.	Penang Waste Management Corporation Sdn. Bhd.	Perbelanjaan mengurus dan operasi syarikat. Sebagai medium untuk menerima dana daripada Kerajaan Persekutuan dan menyalurkan semula dana tersebut kepada syarikat-syarikat kecil yang melaksanakan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam di Negeri Pulau Pinang.

LAMPIRAN C

KPI dan KRA bagi lapan belas (18) GLC di bawah CMI dan SSI

Bil.	Nama GLC	Perincian KPI & KRA
SSI		
1.	Invest-In Penang Berhad	<p>KRA 1: Penarikan pelaburan baharu ke negeri.</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPI 1.1: Nilai pelaburan yang diluluskan setiap tahun. • KPI 1.2: Bilangan projek pelaburan yang berjaya direalisasikan. <p>KRA 2: Promosi pelaburan dan penjenamaan negeri.</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPI 2.1: Pelaksanaan program promosi pelaburan berimpak tinggi. • KPI 2.2: Peningkatan visibiliti Pulau Pinang sebagai destinasi pelaburan pilihan. <p>KRA 3: Pemerkasaan ekosistem perindustrian.</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPI 3.1: Fasilitasi pelabur sedia ada bagi memastikan kelangsungan pelaburan. • KPI 3.2: Kolaborasi strategik dengan pemain industri dan institusi berkaitan
CMI		
2.	Penang Global Tourism Sdn. Bhd.	<p>KRA 1: Peningkatan ketibaan pelancong domestik dan antarabangsa.</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPI 1.1: Peningkatan 5% setiap tahun bagi jumlah ketibaan penumpang melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang. • KPI 1.2: Penilaian keberkesanan promosi pelancongan melalui indikator ketibaan pelancong dan aktiviti industri pelancongan.

Bil.	Nama GLC	Perincian KPI & KRA
		<p>KRA 2: Pengukuhan promosi dan imej Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan utama.</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPI 2.1: Peningkatan penyertaan dalam aktiviti promosi luar negara dan kerjasama strategik antarabangsa. • KPI 2.2: Peningkatan liputan media dan kehadiran jenama Pulau Pinang dalam platform pelancongan global
3.	Penang Convention & Exhibition Bureau (PICEB Sdn. Bhd.)	<p>KRA 1: Pemantapan sektor MICE (Meetings, Incentives, Conventions, and Exhibitions).</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPI 1.1: Expected Economic Income (EEI) daripada acara yang dianjurkan. • KPI 1.2: Jumlah penganjuran program tempatan dan antarabangsa.
4.	George Town World Heritage Incorporated	<p>KRA 1: Pemeliharaan dan pemantapan status Tapak Warisan Dunia UNESCO.</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPI 1.1: Menjalin sekurang-kurangnya satu (1) perkongsian strategik dengan agensi warisan antarabangsa atau nasional setiap tahun. <p>KRA 2: Penyediaan perkhidmatan rundingan profesional dalam pengurusan warisan.</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPI 2.1: Memberi maklum balas pertama kepada semua pertanyaan dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja. • KPI 2.2: Menyediakan maklum balas yang boleh dipercayai dan membina kepada pihak berkepentingan. <p>KRA 3: Pemerkasaan penyertaan sivik dan libat urus komuniti.</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPI 3.1: Menganjurkan sekurang-kurangnya empat (4) aktiviti libat urus komuniti setiap tahun.

Bil.	Nama GLC	Perincian KPI & KRA
		<p>KRA 4: Kecekapan institusi dan tadbir urus korporat.</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPI 4.1: Penggunaan sekurang-kurangnya 90% geran operasi yang diterima daripada kerajaan menjelang akhir tahun fiskal. • KPI 4.2: Pelaksanaan sistem kebajikan inklusif dan pembangunan kapasiti pelbagai disiplin untuk semua kakitangan
5.	Penang Women's Development Corporation (PWDC Sdn. Bhd.)	<p>KRA 1: Pelaksanaan Dasar Keterangkuman Gender (Gender Inclusiveness Policy - GIP).</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPI 1.1: Pelaksanaan satu (1) sesi meja bulat Kluster Teknikal dan Bukan Teknikal. • KPI 1.2: Enam (6) sesi kesedaran untuk kakitangan MBPP dan MBSP. • KPI 1.3: Penubuhan Jawatankuasa Dasar GI di peringkat negeri serta pelaporan berkala kepada Jawatankuasa Gender dan MMK. <p>KRA 2: Pelaksanaan Belanjawan Responsif Gender (GRP).</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPI 2.1: Pemantauan GRPB <i>Pilot Projects</i> dan pelaksanaan di sekurang-kurangnya 10 jabatan/agensi negeri. • KPI 2.2: Anjuran bengel GRPB untuk kakitangan MBPP dan MBSP sebelum Disember 2025. • KPI 2.3: Pelaksanaan GRPB <i>Champion Award</i> dan penyediaan laporan status pelaksanaan kepada pihak berkaitan. <p>KRA 3: Advokasi Komuniti mengenai GIP dan GRPB.</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPI 3.1: Penerbitan Risalah Komuniti Keterangkuman Jantina.

Bil.	Nama GLC	Perincian KPI & KRA
		<ul style="list-style-type: none"> • KPI 3.2: Dua (2) sesi penyebaran maklumat dan penilaian keperluan untuk MBPP serta MBSP. <p>KRA 4: Kepimpinan dan Perwakilan Wanita.</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPI 4.1: Penganjuran Sidang Wanita 2024 dan 2025. • KPI 4.2: Pelaksanaan Program Kepimpinan Lanjutan – WELIT. <p>KRA 5: Pemerkasaan Ekonomi Wanita.</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPI 5.1: Pelaksanaan program PenMentor, Wanita Jana Rezeki Pulau & Seberang Perai. • KPI 5.2: Pembentukan pangkalan data bantuan kewangan usahawan wanita. <p>KRA 6: Dasar Keluarga Selamat dan Penuaan Aktif.</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPI 6.1: Latihan 30 FSP mengenai advokasi keganasan domestik. • KPI 6.2: Pelaksanaan projek Penuaan Aktif dan penerbitan kajian kes warga emas. <p>KRA 7: Pengukuhan Komunikasi dan Penjenamaan PWDC.</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPI 7.1: Tiga (3) lawatan media setahun dan sekurang-kurangnya 10 liputan media bagi setiap acara utama. • KPI 7.2: Peningkatan 10% pengikut media sosial dan pelancaran laman web baharu PWDC. <p>KRA 8: Pematuhan dan Tadbir Urus Korporat.</p>

Bil.	Nama GLC	Perincian KPI & KRA
		<ul style="list-style-type: none"> • KPI 8.1: Pematuhan penuh terhadap audit, LHDN, KWSP, PERKESO dan keperluan statutori lain. • KPI 8.2: Penyelesaian aduan dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja.
6.	Penang Harmony Corporation Sdn. Bhd. (HARMONICO)	<p>KRA 1: Pengukuhan keharmonian antara agama dan kefahaman masyarakat.</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPI 1.1: Melaksanakan sekurang-kurangnya 15 sesi eksplorasi keagamaan setiap tahun (2024: 20 sesi, 133%). • KPI 1.2: Melaksanakan sekurang-kurangnya 2 program dialog antara agama setiap tahun (2024: 5 program, 166%). <p>KRA 2: Pembangunan ilmu dan penerbitan berkaitan keharmonian sosial.</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPI 2.1: Menghasilkan sekurang-kurangnya dua (2) penerbitan baharu setahun (2024: 1 penerbitan, 50%; satu dibawa ke tahun berikutnya). • KPI 2.2: Menyiapkan penerbitan video <i>Penang HOW Now</i> dan melaksanakan program utama <i>Peace 21</i> dengan pencapaian 100%. <p>KRA 3: Penganjuran sambutan keagamaan dan kolaborasi komuniti.</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPI 3.1: Menganjurkan sekurang-kurangnya enam (6) sambutan keagamaan pelbagai agama setiap tahun (2024: 5 sambutan, 80%).
7.	Digital Penang Sdn. Bhd.	<p>KRA 1: Kerajaan Digital</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPI 1.1: Pelaksanaan MyKADUN di 13 pejabat Parlimen. • KPI 1.2: Penyediaan pembaca kad pengenalan (IC Reader) di 53 pusat perkhidmatan (40 pusat KADUN dan 13 Parlimen). <p>KRA 2: Ekonomi Digital</p>

Bil.	Nama GLC	Perincian KPI & KRA
		<ul style="list-style-type: none"> • KPI 2.1: Penubuhan 500 syarikat pemula menjelang 2030. • KPI 2.2: Penyertaan sekurang-kurangnya 90 syarikat dalam program transformasi digital MSME <i>Level Up Programme</i> setiap tahun. <p>KRA 3: Masyarakat Digital</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPI 3.1: Pelaksanaan 120 kelas digital (DahDigital) pada tahun 2025. • KPI 3.2: Penganjuran sekurang-kurangnya 750 kelas digital kumulatif sejak 2021. <p>KRA 4: Asas Digital</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPI 4.1: Menjalin sekurang-kurangnya 15 rakan perkongsian strategik untuk menyokong inisiatif Digital Penang.
8.	Penang Stem Sdn. Bhd.	<p>KRA 1: Peningkatan kesedaran dan penyertaan dalam bidang STEM.</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPI 1.1: Penganjuran lebih 250 program STEM setiap tahun. • KPI 1.2: Menarik penyertaan melebihi 40,000 peserta setahun. <p>KRA 2: Pengukuhan kolaborasi strategik.</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPI 2.1: Pelaksanaan inisiatif bersama sektor industri, institusi pendidikan dan komuniti. • KPI 2.2: Peningkatan bilangan program berasaskan penyelidikan dan <i>hands-on</i>. <p>KRA 3: Pengembangan capaian program.</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPI 3.1: Penganjuran aktiviti STEM di daerah luar bandar.

Bil.	Nama GLC	Perincian KPI & KRA
		<ul style="list-style-type: none"> • KPI 3.2: Pemantapan rangkaian kerjasama dengan sekolah dan institusi tempatan.
9.	Penang Science Cluster	<p>KRA 1: Pembangunan program sains dan inovasi negeri dengan penglibatan pihak swasta dan sekolah</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPI 1.1: Penetapan KPI dan KRA bagi setiap projek selaras dengan keperluan pembiayaan. • KPI 1.2: Kelulusan projek dan prestasi dipantau oleh Lembaga Pengarah.
10.	Penang Tech Centre	<p>KRA 1: Peningkatan kesedaran dan pembelajaran STEM.</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPI 1.1: Bilangan pelawat ke pusat pembelajaran. • KPI 1.2: Pelaksanaan aktiviti STEM dan kadar penglibatan pelajar. <p>KRA 2: Tadbir urus dan prestasi kewangan.</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPI 2.1: Pencapaian prestasi kewangan tahunan yang positif dan mampan.
11.	PGC Strategies Sdn. Bhd (Penang Green Council)	<p>KRA 1: Advokasi Dasar Hijau.</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPI 1.1: Bilangan cadangan dasar hijau yang dikemukakan. • KPI 1.2: Tahap penerimaan pihak berkepentingan terhadap dasar hijau. • KPI 1.3: Bilangan sesi libat urus berkaitan dasar hijau. <p>KRA 2: Promosi Pendidikan Alam Sekitar.</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPI 2.1: Bilangan program dan kempen kesedaran awam. • KPI 2.2: Kadar penyertaan serta tahap peningkatan kesedaran komuniti. <p>KRA 3: Perkongsian dan Kerjasama Strategik.</p>

Bil.	Nama GLC	Perincian KPI & KRA
		<ul style="list-style-type: none"> • KPI 3.1: Bilangan MoU atau perkongsian strategik ditandatangani. • KPI 3.2: Bilangan inisiatif bersama dengan agensi kerajaan, NGO, akademia dan sektor swasta. <p>KRA 4: Penganjuran Acara Hijau.</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPI 4.1: Bilangan acara hijau negeri atau antarabangsa dianjurkan. • KPI 4.2: Jumlah penyertaan peserta dan tahap pencapaian objektif acara.
12.	PYDC Strategies Sdn. Bhd.	<p>KRA 1: Pembangunan kapasiti dan kepimpinan belia.</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPI 1.1: Bilangan program latihan dan pembangunan kepimpinan dilaksanakan. • KPI 1.2: Tahap penyertaan belia dalam program pembangunan diri dan keusahawanan. <p>KRA 2: Penglibatan dan mobilisasi komuniti belia.</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPI 2.1: Bilangan sukarelawan belia berdaftar di bawah Sukarelawan Belia Pulau Pinang. • KPI 2.2: Bilangan program komuniti yang melibatkan sukarelawan belia. <p>KRA 3: Pemerkasaan pertubuhan belia.</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPI 3.1: Bilangan pertubuhan yang dimanfaatkan melalui Dana Pembangunan Belia. • KPI 3.2: Nilai keseluruhan dana diluluskan dan bilangan program yang dimanfaatkan. <p>KRA 4: Pembangunan belia berisiko dan luar bandar.</p>

Bil.	Nama GLC	Perincian KPI & KRA
13.	Penang FC Sdn. Bhd.	<p>KPI 4.1: Bilangan belia berisiko atau B40 terlibat dalam program pemerkasaan.</p> <p>KPI 4.2: Bilangan program atau sesi libat urus di komuniti luar bandar.</p> <p>KRA 5: Pengiktirafan dan insentif belia.</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPI 5.1: Bilangan permohonan dan penerima Skim Insentif Best Anak Penang. • KPI 5.2: Nilai keseluruhan insentif disalurkan kepada penerima yang layak. <p>KRA 6: Program khas pembangunan bakat belia.</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPI 6.1: Bilangan penyertaan dalam program E-Sukan dan Belia Berirama. • KPI 6.2: Bilangan program atau pertandingan diadakan di semua daerah. <p>KRA 1: Pengurusan pasukan yang efisien.</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPI 1.1: Tiada kelewatan dalam penganjurkan perlawanan. • KPI 1.2: Semua perlawanan dijalankan dengan lancar mengikut jadual. <p>KRA 2: Pengurusan kewangan dan pematuhan.</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPI 2.1: Penyediaan laporan kewangan suku tahunan secara lengkap dan tepat masa. <p>KRA 3: Pemasaran dan komunikasi digital.</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPI 3.1: Peningkatan sekurang-kurangnya 20% kadar penglibatan (engagement) media sosial dan aktiviti penjenamaan kelab. <p>KRA 4: Sumber manusia dan pentadbiran.</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPI 4.1: Kadar kehadiran staf melebihi 95%.

Bil.	Nama GLC	Perincian KPI & KRA
		<ul style="list-style-type: none"> • KPI 4.2: Tiada ketirisan atau isu tatakelola dalam operasi harian. <p>KRA 5: Prestasi teknikal dan kejurulatihan.</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPI 5.1: Peningkatan prestasi fizikal dan taktikal pemain melalui pemantauan berkala.
14.	Penang Halal International Sdn. Bhd.	<p>KRA 1: Pembangunan usahawan Halal yang berdaya saing.</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPI 1.1: Bilangan usahawan yang mendapat konsultasi pensijilan Halal. • KPI 1.2: Penyertaan usahawan dalam program latihan dan seminar Halal. <p>KRA 2: Promosi dan penjenamaan Pulau Pinang sebagai Hab Halal Serantau.</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPI 2.1: Bilangan program promosi dan expo Halal dianjurkan. • KPI 2.2: Bilangan misi promosi Halal di dalam dan luar negara. • KPI 2.3: Kolaborasi strategik dengan agensi berkaitan industri Halal.
15.	Penang Infrastructure Corporation Sdn. Bhd. (PIC)	<p>KRA 1: Pelaksanaan projek pembangunan strategik negeri.</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPI 1.1: Pelaksanaan projek PSI dan PTMP mengikut jadual, bajet dan pawaian kerajaan negeri. <p>KRA 2: Pengurusan kewangan dan keberkesanan kos.</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPI 2.1: Pengoptimuman penggunaan sumber kewangan bagi setiap projek. • KPI 2.2: Peningkatan kecekapan kos dalam semua operasi syarikat. <p>KRA 3: Promosi, reputasi dan komunikasi strategik.</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPI 3.1: Pengukuhan imej korporat melalui strategi komunikasi awam yang berkesan.

Bil.	Nama GLC	Perincian KPI & KRA
16.	George Town Conservation & Development Corporation Sdn. Bhd. (GTCDCC)	<p>KPI 3.2: Peningkatan kesedaran masyarakat terhadap peranan PIC dalam pembangunan negeri.</p> <p>KRA 1: Pemuliharaan dan pengurusan warisan.</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPI 1.1: Bilangan projek pemuliharaan bangunan dan tapak warisan yang berjaya disiapkan setiap tahun. • KPI 1.2: Peratusan bangunan warisan yang dipulihkan berbanding jumlah keseluruhan yang memerlukan pemuliharaan. • KPI 1.3: Pematuhan projek terhadap Garis Panduan Rancangan Kawasan Khas George Town (SAP). • KPI 1.4: Penilaian kesan warisan terhadap nilai <i>Outstanding Universal Value</i> (OUV) Tapak Warisan Dunia. <p>KRA 2: Pembangunan mampan dan regenerasi bandar.</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPI 2.1: Peningkatan keluasan atau kualiti ruang awam seperti promenade di Esplanade. • KPI 2.2: Penilaian tahap kepuasan penduduk terhadap kualiti hidup, infrastruktur dan persekitaran. <p>KRA 3: Penglibatan komuniti dan pembangunan kapasiti.</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPI 3.1: Bilangan peserta dalam program pendidikan, bengkel dan acara awam yang dianjurkan oleh GTCDCC. • KPI 3.2: Bilangan projek komuniti yang disokong oleh GTCDCC. • KPI 3.3: Tahap maklum balas dan penglibatan komuniti terhadap inisiatif pemuliharaan.

Bil.	Nama GLC	Perincian KPI & KRA
		<p>KRA 4: Kestabilan kewangan dan perkongsian strategik.</p> <ul style="list-style-type: none"> • KPI 4.1: Projek disiapkan dalam peruntukan belanjawan yang ditetapkan. • KPI 4.2: Jumlah pendapatan dijana daripada aset dan projek pembangunan. • KPI 4.3: Kejayaan kerjasama strategik dengan rakan seperti <i>Think City</i>, Kerajaan Negeri, dan <i>Aga Khan Trust for Culture</i>.
17.	Penang Agrotech Sdn. Bhd.	Ditubuhkan pada 15 Oktober 2024
18.	Penang Waste Management Corporation Sdn. Bhd.	Ditubuhkan pada 14 April 2025

LAMPIRAN D

Performance review tahunan yang dilaksanakan untuk menilai impak sumbangan terhadap KPI dan KRA

Bil.	NAMA GLC	Performance Review Tahunan
SSI		
1.	Invest-In Penang Berhad	<p>Semakan prestasi tahunan dilaksanakan melalui penyediaan dan pembentangan laporan prestasi tahunan kepada Lembaga Pengarah, yang merangkumi pencapaian terhadap KPI dan KRA yang ditetapkan.</p> <p>Semakan ini digunakan bagi tujuan penambahbaikan strategi serta pelan tindakan tahun berikutnya untuk memastikan keberkesanan pelaksanaan dan penajajaran berterusan.</p>
CMI		
2.	Penang Global Tourism Sdn. Bhd.	<p>Ya, <i>performance review</i> tahunan dilaksanakan untuk menilai impak sumbangan terhadap KPI dan KRA melalui:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Penilaian dan pemantauan di peringkat strategik dan projek: PGT bekerjasama dengan agensi negeri lain dalam pembangunan dan pelaksanaan Pelan Induk Pelancongan Penang (Penang Tourism Master Plan) yang melibatkan kajian semula pertengahan penggal untuk menilai prestasi keseluruhan sektor pelancongan dan keberkesanan strategi. • Penggunaan KPI dan kriteria penilaian luaran: KPI digunakan untuk menilai program atau acara tertentu (cth., PGT menilai Bon Odori 2025 sebagai acara penting) dan kriteria penilaian ditetapkan untuk kontrak perunding atau cadangan luar.

Bil.	NAMA GLC	Performance Review Tahunan
		<ul style="list-style-type: none"> Kajian dan laporan industri: PGT menjalankan atau menggunakan kaji selidik pelancong dan analisis prestasi-kepentingan (Importance-Performance Analysis) untuk menilai persepsi pelawat terhadap tarikan dan perkhidmatan pelancongan di Penang, yang seterusnya memaklumkan strategi pemasaran dan penambahbaikan produk.
3.	Penang Convention & Exhibition Bureau (PICEB Sdn. Bhd.)	Ya, <i>performance review</i> dijalankan setiap tahun oleh PCEB melalui penerbitan Annual Review dan dihebahkan melalui media.
4.	George Town World Heritage Incorporated	<p>Ya, <i>performance review</i> tahunan dijalankan oleh GTWHI untuk menilai impak sumbangan terhadap KPI dan KRA. GTWHI menumpukan kepada:</p> <ul style="list-style-type: none"> Penilaian dan pemantauan projek dan dasar di peringkat organisasi menggunakan KPI. Penglibatan pihak berkepentingan, perunding, dan sukarelawan dalam projek tertentu, dengan KPI dan kriteria penilaian yang ditetapkan untuk kontrak luar. Penggunaan KPI secara umum dalam pengurusan prestasi organisasi seperti yang dibincangkan dalam kajian literatur.
5.	Penang Women's Development Corporation (PWDC Sdn. Bhd.)	Ya, <i>performance review</i> tahunan dilaksanakan bagi menilai impak sumbangan terhadap KPI dan KRA. PWDC menggunakan Penilaian Prestasi Tahunan (Yearly Performance Review) untuk menilai pencapaian setiap KPI yang telah ditetapkan pada awal tahun.

Bil.	NAMA GLC	Performance Review Tahunan
6.	Penang Harmony Corporation Sdn. Bhd. (HARMONICO)	Ya, <i>performance review</i> tahunan dilaksanakan bagi menilai impak sumbangan terhadap KPI dan KRA. Setiap awal tahun, HARMONICO akan mengemukakan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan. Pada setiap akhir tahun, Harmonico akan melaporkan pencapaian KPI tersebut kepada Lembaga Pengarah serta menyediakan laporan tahunan yang merangkumi semua program dan aktiviti yang telah dilaksanakan sepanjang tahun.
7.	Digital Penang Sdn. Bhd.	Ya, <i>performance review</i> tahunan dilaksanakan bagi menilai impak sumbangan terhadap KPI dan KRA. Digital Penang membentangkan laporan kewangan dan program yang dilaksanakan dalam mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah suku tahunan, bagi tujuan pemantauan, penambahbaikan berterusan, serta mendapatkan maklum balas mengenai prestasi dan hala tuju syarikat.
8.	Penang Stem Sdn. Bhd.	Ya, <i>performance review</i> tahunan dilaksanakan bagi menilai impak sumbangan terhadap KPI dan KRA. Laporan prestasi Penang STEM akan dibentangkan kepada Lembaga Pengarah dua kali setahun bagi menilai pencapaian KPI dan KRA serta menetapkan langkah penambahbaikan.
9.	Penang Science Cluster	Ya, <i>performance review</i> dilaksanakan projek demi projek mengikut pembiayaan projek dan dibentangkan semasa mesyuarat Lembaga Pengarah.
10.	Penang Tech Centre	Ya, <i>performance review</i> dijalankan secara dua fasa, di mana fasa pertama melibatkan pengurusan tertinggi manakala fasa kedua dibincangkan dan disahkan dalam mesyuarat lembaga.

Bil.	NAMA GLC	Performance Review Tahunan
11.	PGC Strategies Sdn. Bhd (Penang Green Council)	<p>Ya, <i>performance review</i> tahunan dijalankan oleh PGC pada peringkat individu dan organisasi bagi menilai impak sumbangan KPI dan KRA. Selain itu, penyelarasan dan semakan KPI separuh tahun dilaksanakan untuk memastikan sasaran prestasi kekal relevan dan selaras dengan keutamaan strategik organisasi. PGC juga menyediakan Pelan Strategik 2025–2028 sebagai penanda aras bagi mencapai visi dan misi organisasi.</p>
12.	PYDC Strategies Sdn. Bhd.	<p>Ya, <i>performance review</i> tahunan dilaksanakan bagi menilai impak sumbangan terhadap KPI dan KRA. PYDC menggunakan laporan prestasi suku tahunan sebagai mekanisme pemantauan bagi memastikan semua program dan inisiatif berada pada landasan yang ditetapkan. Laporan ini dibentangkan kepada Lembaga Pengarah untuk semakan, kelulusan tindakan susulan, serta penajajaran dengan KPI dan hala tuju strategik organisasi.</p> <p>Selain itu, PYDC turut melaksanakan penilaian prestasi tahunan ke atas setiap kakitangan bagi menilai keberkesanan pelaksanaan projek yang diamanahkan kepada mereka. Prestasi projek dijadikan indikator dalam penilaian individu, sekali gus memastikan akauntabiliti, budaya kerja berprestasi, dan peningkatan kualiti penyampaian program kepada belia dan masyarakat.</p>
13.	Penang FC Sdn. Bhd.	<p>Ya, <i>performance review</i> tahunan dilaksanakan oleh Penang FC bagi menilai impak sumbangan terhadap KPI dan KRA. Performance Review Tahunan Penang FC merangkumi prestasi pasukan, kewangan, pembangunan pemain, pemasaran, penajaan, dan penglibatan komuniti. Laporan prestasi dibentangkan kepada pengurusan, kemudian disemak oleh Lembaga Pengarah dan CMI untuk penambahbaikan dan penetapan sasaran tahun berikutnya.</p>

Bil.	NAMA GLC	Performance Review Tahunan
14.	Penang Halal International Sdn. Bhd.	Ya, <i>performance review</i> tahunan dilaksanakan oleh PHI bagi menilai impak sumbangan terhadap KPI dan KRA. <i>Performance review</i> dilaksanakan melalui penilaian kemajuan dan pelarasan sasaran, dengan fokus kepada impak strategik seperti peningkatan imej PHI sebagai hab halal antarabangsa, pengukuhan jaringan dengan industri, agensi kerajaan dan pemain industri, serta pembangunan pasaran halal.
15.	Penang Infrastructure Corporation Sdn. Bhd. (PIC)	Ya, <i>performance review</i> tahunan dilaksanakan bagi menilai impak sumbangan terhadap KPI dan KRA. PIC melaksanakan <i>performance review</i> tahunan secara keseluruhan memandangkan bilangan pegawai yang terhad. Mulai tahun hadapan, semakan prestasi akan dijalankan untuk setiap pegawai bagi: <ul style="list-style-type: none"> i. Menilai pencapaian prestasi individu dan jabatan terhadap KPI dan KRA syarikat; ii. Menyokong budaya kerja berasaskan prestasi (<i>performance-driven culture</i>); dan iii. Memastikan penajajaran antara matlamat individu, jabatan, dan objektif strategik organisasi.
16.	George Town Conservation & Development Corporation Sdn. Bhd. (GTCCDC)	Ya, <i>performance review</i> tahunan dilaksanakan oleh GTCCDC bagi menilai impak sumbangan terhadap KPI dan KRA. GTCCDC melaksanakan ulasan prestasi tahunan bagi menilai impak sumbangan terhadap KPI dan KRA yang telah ditetapkan. Proses ini memastikan GTCCDC kekal selaras dengan objektif strategik pemuliharaan warisan dan pembangunan mampan di George Town.

Bil.	NAMA GLC	Performance Review Tahunan
17.	Penang Agrotech Sdn. Bhd.	Ditubuhkan pada 15 Oktober 2024
18.	Penang Waste Management Corporation Sdn. Bhd.	Ditubuhkan pada 14 April 2025

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XIX)5

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SEBERANG JAYA
YB IZHAR SHAH BIN DATUK ARIF SHAH**

5. Nyatakan status terkini mengenai cadangan penubuhan Pusat Kewangan Antarabangsa Pulau Pinang (PIFC). Mengapa ia ditolak oleh kementerian berkaitan?
- (a) Huraikan justifikasi ekonomi negeri bagi penubuhan PIFC tersebut.
 - (b) Adakah kajian kebolehlaksanaan telah dijalankan? Jika ya, terangkan.
 - (c) Jelaskan manfaat langsung yang akan diterima rakyat Pulau Pinang.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

5. Konsep dan mekanisme penubuhan PIFC

Cadangan Penang International Financial Centre (PIFC) merupakan inisiatif strategik Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk memperkukuh ekosistem kewangan negeri dan memacu pertumbuhan ekonomi berasaskan pengetahuan dan teknologi tinggi. Tiga teras utama PIFC ialah:-

- (i) Dana Pelaburan Industri Negeri (State Sovereign Wealth Fund)

Menggunakan hasil negeri seperti tanah untuk menjana modal pelaburan tanpa perlu kelulusan langsung daripada Kerajaan Persekutuan.

(ii) Pendigitalan Harta Tanah

Menukar aset tanah milik negeri kepada Amanah Pelaburan Harta Tanah (REIT) bagi menarik pelabur swasta.

(iii) Pembangunan Fizikal Hab Kewangan

Mewujudkan zon khas dengan infrastruktur moden dan ekosistem perniagaan digital, disokong oleh pusat data, fintech dan perkhidmatan sokongan profesional.

Status Permohonan dan Respons Kerajaan Persekutuan

Selaras dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan, kelulusan daripada Kerajaan Persekutuan adalah diperlukan sekiranya cadangan penubuhan Penang International Financial Centre (PIFC) melibatkan dana luar atau pelaburan syarikat antarabangsa yang tertakluk kepada dasar kewangan Malaysia.

Kerajaan Negeri telah mengemukakan permohonan kepada Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) bagi mewujudkan Zon Kewangan Khas Pulau Pinang. Permohonan tersebut tidak melibatkan sebarang kos kepada Kerajaan Negeri.

Walau bagaimanapun, MOF telah memaklumkan bahawa pada masa ini tiada perancangan dasar untuk menubuhkan Pusat Kewangan Antarabangsa di Malaysia. MOF juga menjelaskan bahawa cadangan untuk menubuhkan kumpulan kerja (*working group*) yang terdiri daripada wakil Kerajaan Negeri Pulau Pinang, MOF, Bank Negara Malaysia dan agensi berkaitan tidak disokong, memandangkan kementerian berkenaan belum mempunyai sebarang dasar khusus berhubung penubuhan Pusat Kewangan Antarabangsa di Malaysia.

Lokasi dan Tapak Cadangan

Penentuan lokasi bagi Pusat Kewangan Antarabangsa Pulau Pinang (PIFC) memerlukan pertimbangan yang menyeluruh serta perbincangan lanjut bersama pihak-pihak berkepentingan,

khususnya melibatkan implikasi perundangan, kewangan dan keperluan industri.

Sebagai perbandingan, pusat kewangan antarabangsa utama di luar negara mengambil masa sehingga tujuh (7) tahun sebelum dapat beroperasi sepenuhnya. Oleh yang demikian, proses pemilihan lokasi bagi PIFC akan dilaksanakan secara berhati-hati, berfasa dan berasaskan kepada analisis kesesuaian serta keperluan pasaran semasa.

Cadangan penubuhan PIFC di Ampang Jajar seluas kira-kira 40 hektar adalah amat dihargai dan akan dipertimbangkan bersama lokasi-lokasi lain yang turut dikenal pasti berpotensi, selaras dengan perancangan pembangunan negeri bagi memastikan keseimbangan pertumbuhan antara kawasan Pulau dan Seberang Perai.

(a) Justifikasi dan Manfaat Ekonomi kepada Negeri

Penubuhan Penang International Financial Centre (PIFC) diunjurkan menjadi pemangkin ekonomi baharu Pulau Pinang, dengan memberi tumpuan kepada integrasi antara industri semikonduktor dan sektor kewangan digital. Inisiatif ini dilihat sebagai langkah strategik bagi mengukuhkan kedudukan Pulau Pinang sebagai hab ekonomi berteknologi tinggi dan berdaya saing di rantau ini. Antara manfaat utama ekonomi yang dijangka diperoleh melalui pelaksanaan PIFC ialah:-

(i) Peningkatan Rantainya Nilai Industri (Upgrading Value Chain)

Pembiayaan aktiviti bernilai tinggi melalui PIFC berpotensi menarik modal teroka dan ekuiti persendirian bagi menyokong aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D), reka bentuk litar bersepadu, serta pengkhususan perkhidmatan kejuruteraan. Pendekatan ini sejajar dengan aspirasi Strategi Semikonduktor Nasional (NSS) untuk membawa industri Malaysia ke tahap rantai nilai yang lebih tinggi.

(ii) Menarik dan Menahan Modal serta Bakat Berkualiti Tinggi

Pusat kewangan antarabangsa berupaya menyediakan infrastruktur institusi dan ekosistem pelaburan yang diperlukan untuk menarik dana antarabangsa berskala besar. Kewujudan PIFC bukan sahaja menyokong sektor pembuatan berteknologi tinggi tetapi turut memperkukuh perkhidmatan sokongan profesional, di samping mencipta peluang pekerjaan berkemahiran tinggi untuk rakyat tempatan serta mengurangkan masalah penghijrahan bakat (brain drain).

(iii) Perintis Inovasi Kewangan Digital (Digital Financial Innovation)

PIFC dijangka berfungsi sebagai platform kewangan digital serantau yang membezakan Pulau Pinang daripada pusat kewangan antarabangsa lain dengan memberi tumpuan kepada teknologi kewangan (FinTech) dan integrasi industri berasaskan data, automasi serta kecerdasan buatan (AI).

(iv) Peluang Pekerjaan dan Pemerksaan Ekonomi Setempat

Pembangunan PIFC akan menjana pelbagai peluang pekerjaan baharu dalam sektor kewangan, ICT, kejuruteraan dan perkhidmatan teknikal. Secara langsung, ia akan memperkukuh aktiviti ekonomi setempat melalui pembangunan infrastruktur moden, ekosistem digital menyeluruh serta peningkatan taraf hidup rakyat.

(b) Pelan Susulan dan Arah Hala Tuju

Walaupun cadangan asal tidak disokong oleh MOF, Kerajaan Negeri tidak menghentikan usaha tersebut. Melalui Penang Institute, kajian kebolehlaksanaan sedang dijalankan bagi memperincikan model ekonomi dan potensi PIFC sebagai hub kewangan digital serantau. Langkah-langkah susulan termasuk:-

- Meneruskan libat urus dengan agensi kewangan, pelabur dan pemaju hartanah strategik.
 - Menumpukan kepada inisiatif fintech dan kewangan digital yang tidak bertindih dengan pusat kewangan sedia ada.
 - Menyusun semula strategi pelaksanaan PIFC secara berfasa dan berdikari, dengan sokongan dana negeri serta kerjasama sektor swasta.
- (c) Secara keseluruhannya, PIFC merupakan aspirasi jangka panjang Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menjadikan negeri ini sebagai pusat kewangan digital dan teknologi baharu yang menyokong ekonomi berpendapatan tinggi.

Walaupun belum mendapat kelulusan dasar di peringkat Persekutuan, inisiatif ini akan terus diperhalusi melalui pendekatan fasa pembangunan, inovasi kewangan digital dan perkongsian strategik awam-swasta, agar Pulau Pinang kekal sebagai peneraju pembangunan ekonomi moden negara.

RUMUSAN ISU DAN PERSOALAN UTAMA

Daripada semua soalan bertulis, persoalan mengenai PIFC boleh dirangkumkan kepada lima isu utama:

1. Konsep dan Mekanisme Pelaksanaan PIFC
 - o Apakah struktur, mekanisme, dan dasar penubuhan PIFC?
 - o Termasuk cadangan Dana Pelaburan Industri Negeri, pendigitalan harta tanah, pembangunan fizikal, serta insentif dan peraturan.
2. Status Permohonan kepada Kerajaan Persekutuan dan Sebab Tidak Diluluskan
 - o Mengapa cadangan tidak disokong oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)?

o Adakah ia ditolak sepenuhnya atau masih terbuka untuk rundingan?

3. Lokasi dan Perancangan Tapak PIFC

o Di mana lokasi yang dicadangkan, khususnya antara kawasan P/ulau dan Seberang Perai (Ampang Jajar)?

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XIX)6

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SEBERANG JAYA
YB IZHAR SHAH BIN DATUK ARIF SHAH**

6. Pulau Pinang kini menyatakan kesediaan menerima pulangan 10% hasil cukai daripada Kerajaan Persekutuan berbanding tuntutan asal 20%.
- (a) Apakah mekanisme sekiranya tuntutan ini tidak dipenuhi?
 - (b) Apakah langkah alternatif untuk memperoleh hasil tambahan daripada Kerajaan Persekutuan?
 - (c) Bagaimana agihan hasil ini akan dimanfaatkan secara langsung untuk rakyat?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

6. Pulau Pinang kini menyatakan kesediaan menerima pulangan 10% hasil cukai daripada Kerajaan Persekutuan berbanding tuntutan asal 20%.
- (a) Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan terus memperjuangkan hak berkaitan sama ada menerusi Dewan Rakyat, Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri, Mesyuarat Majlis Kewangan Negeri yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri dan lain-lain platform berkaitan demi kepentingan pembangunan serta rakyat negeri ini.
 - (b) Langkah alternatif untuk memperoleh hasil tambahan daripada Kerajaan Persekutuan adalah seperti berikut:-

- (i) Permohonan dana padanan *matching grant* bagi projek strategik seperti perumahan mampu milik, pengangkutan awam dan infrastruktur digital;
- (ii) Permohonan peluasan skim geran berdasarkan prestasi *performance-based grants* untuk negeri yang mencapai kecekapan prestasi tertentu yang ditetapkan; dan
- (iii) Meningkatkan kerjasama dalam pelaksanaan projek dengan kementerian-kementerian berkaitan meliputi kepelbagaian sektor.

Pada masa sama sebagai langkah alternatif, Kerajaan Negeri turut menjajarkan agenda pembangunan dengan dasar Kerajaan Persekutuan melalui pelaksanaan *Ecological Fiscal Transfer (EFT)* yang diperkenalkan sejak tahun 2019. Menerusi mekanisme ini, Kerajaan Persekutuan menyalurkan peruntukan kepada negeri bagi tujuan pemuliharaan alam sekitar dan pembangunan mampan, yang mana sebanyak RM50 juta daripada peruntukan EFT ini disalurkan sebagai hasil kepada Kerajaan Negeri. Pulau Pinang berpotensi menerima manfaat langsung daripada skim berkaitan melalui pelaksanaan projek pemuliharaan, infrastruktur hijau dan pembangunan komuniti lestari sejajar dengan komitmen negeri terhadap pembangunan mampan.

- (c) Agihan atau hasil pengembalian yang diterima akan dimanfaatkan secara langsung untuk rakyat melalui pelaksanaan projek-projek pembangunan infrastruktur asas, program kesejahteraan sosial, bantuan pendidikan, kelestarian kesihatan, inisiatif hijau dan sebagainya yang menyumbang kepada peningkatan kualiti hidup rakyat. Langkah ini bukan sahaja bakal memperkukuh kedudukan fiskal negeri malah juga memastikan hasil serta manfaat ekonomi dapat diagihkan secara saksama kepada seluruh rakyat Pulau Pinang.

Dalam pada itu, pulangan hasil tersebut juga akan digunakan bagi memperkukuh program dan kemudahan rakyat antaranya:-

- (i) Memperluas program kebajikan dan jaringan keselamatan sosial negeri termasuk bantuan tunai bersasar, latihan kemahiran dan peluang pekerjaan;
- (ii) Meningkatkan kualiti perkhidmatan awam tempatan, seperti penyelenggaraan infrastruktur, sistem pengangkutan serta pembangunan hijau yang lestari; dan
- (iii) Menggalakkan pertumbuhan ekonomi inklusif melalui sokongan kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), keusahawanan sosial dan industri kreatif tempatan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XIX)7

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SEBERANG JAYA
YB IZHAR SHAH BIN DATUK ARIF SHAH**

7. Jelaskan kaedah permohonan dan pembaharuan Lesen Pendudukan Sementara (TOL).
- (a) Nyatakan punca utama kegagalan memperoleh atau memperbaharui lesen.
 - (b) Berapakah bilangan isi rumah yang terjejas sekiranya gagal perbaharui? Perincikan mengikut daerah dan tahun.
 - (c) Adakah terdapat perubahan dasar atau peraturan baharu serta nyatakan tarikh ia berkuatkuasa?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

7. Permohonan Lesen Pendudukan Sementara (LPS) boleh dimohon oleh orang-orang atau badan-badan kepada siapa tanah boleh dilupuskan seperti yang dinyatakan di bawah Seksyen 43 Kanun Tanah Negara. Kuasa untuk melulus LPS adalah Pentadbir Tanah kecuali bagi permohonan LPS di atas tanah rizab dan permohonan rayuan yang tertakluk kepada kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.

Permohonan LPS boleh dikemukakan melalui Borang 7 dalam Kaedah-Kaedah Tanah Pulau Pinang 2021 beserta bayaran permohonan dan dokumen-dokumen sokongan berdasarkan senarai semak Pejabat Daerah dan Tanah. Pembaharuan LPS pula boleh dibuat melalui Borang 9, Kaedah-Kaedah Tanah Pulau Pinang 2021 beserta bayaran permohonan. Permohonan dan

bayaran perlu dikemukakan terus kepada Pejabat Daerah dan Tanah yang berkaitan.

- (a) Punca utama kegagalan pemohon memperoleh kelulusan LPS adalah disebabkan sebab-sebab berikut:

Bagi permohonan LPS yang baru

- (i) Pemohon tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan berdasarkan Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian (PTG) Bilangan 3 Tahun 2022 dan lain-lain arahan/pekeliling PTG yang sedang berkuatkuasa. Contoh syarat-syarat yang terkandung dalam pekeliling tersebut adalah pemohon dan pasangan mestilah belum memiliki rumah atau tapak kediaman di Pulau Pinang dan pendapatan seisi rumah ialah RM4,850.00 dan ke bawah.
- (ii) Tapak yang dimohon terletak di atas rizab/simpanan jalan dan sungai atau tanah-tanah yang telah diwartakan di bawah Seksyen 62 Kanun Tanah Negara.

Bagi permohonan memperbaharui LPS

- (i) Pemohon gagal memperbaharui LPS walaupun surat peringatan dan panggilan telefon telah dibuat kepada pemegang LPS.
 - (ii) Pemohon tidak mengusahakan tapak yang diluluskan.
 - (iii) Berlaku pelanggaran syarat kelulusan atau pemohon tidak mematuhi mana-mana syarat yang ditetapkan. Sebagai contoh, pemohon telah mengusahakan tapak dengan tujuan yang berlainan dengan apa yang telah diluluskan.
- (b) Pentadbiran ini tidak mempunyai maklumat berkaitan bilangan isi rumah yang terjejas sekiranya LPS gagal diperbaharui. Walau bagaimanapun, terdapat 1 permohonan pembaharuan LPS yang telah ditolak pada tahun 2021 di Pejabat Daerah dan Timur Laut manakala terdapat 8 permohonan yang telah ditolak antara tahun 2019 sehingga 2021 di Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan.

- (c) Terdapat perubahan dasar baru berkaitan LPS melalui Warta Kerajaan No. 325 bertarikh 13 Mac 2025 yang telah berkuatkuasa mulai 1 Februari 2025. Dasar baru ini melibatkan perwakilan kuasa di bawah Seksyen 65 Kanun Tanah Negara kepada semua Pentadbir Tanah dan Daerah di Negeri Pulau Pinang untuk meluluskan dan menolak permohonan Lesen Pendudukan Sementara kecuali permohonan berikut:
- (i) Lesen Pendudukan Sementara di atas tanah rizab; dan
 - (ii) Rayuan Lesen Pendudukan Sementara kecuali seperti yang berikut:
 - (a) Rayuan ke atas tanah yang telah diluluskan kepada pihak lain; atau
 - (b) Rayuan yang tidak mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan di bawah Seksyen 43 Kanun Tanah Negara.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XIX)8

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SEBERANG JAYA
YB IZHAR SHAH BIN DATUK ARIF SHAH**

8. Perincikan jumlah keseluruhan tanah kerajaan yang dijual atau dipindah milik sejak tahun 2008 termasuk lokasi, keluasan dan butiran pembeli.
- (a) Nyatakan jumlah hasil jualan serta penggunaannya.
 - (b) Jelaskan dasar semasa penjualan tanah bebas milik atau pajakan atau kaedah lain.
 - (c) Terangkan mekanisme kawalan dan audit bagi menjamin ketelusan urus niaga.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

8. Untuk makluman, Kerajaan Negeri tidak menjual tanah kerajaan sebaliknya melupuskan tanah tersebut melalui proses pemberimilikan kepada pemohon yang layak mengikut peruntukan Seksyen 76 Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 828).

Pemberimilikan ini hanya diluluskan setelah melalui proses semakan dan pertimbangan terperinci oleh Pihak Berkuasa Negeri termasuk aspek kegunaan tanah, kepentingan awam serta kesesuaian lokasi.

- (a) Berdasarkan rekod digital yang boleh diakses bermula tahun 2022, statistik kelulusan permohonan pemberimilikan tanah kerajaan adalah seperti berikut:

Tahun	Bil. Kelulusan Permohonan	Jumlah Premium Diluluskan (RM)	Jumlah Keluasan (meter persegi)
2022	29	4,819,955.63	451,282.69
2023	76	24,749,138.62	1,397,049.5
2024	116	197,857,696.22	1,140,100.65
2025	75	44,647,534.74	66,001.54

Walau bagaimanapun, jumlah premium yang dinyatakan tidak menggambarkan jumlah hasil sebenar yang diterima Kerajaan Negeri kerana angka tersebut merujuk kepada premium yang diluluskan semasa pemprosesan permohonan pemberimilikan dan bukan premium yang telah dibayar.

Dalam sesetengah kes, pemohon mungkin tidak bersetuju dengan kadar premium, mengemukakan rayuan atau permohonan pengurangan, ataupun menarik balik permohonan selepas kelulusan diberikan.

- (b) Secara prinsipnya, Kerajaan Negeri tidak meluluskan pemberimilikan tanah kerajaan dengan pegangan kekal (freehold). Tanah kerajaan biasanya diluluskan mengikut tempoh pegangan yang diperuntukkan di bawah Seksyen 76 Kanun Tanah Negara iaitu selama 30, 60 atau 99 tahun bergantung kepada jenis kegunaan dan pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri.

Walau bagaimanapun, terdapat kes-kes khas yang dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Negeri untuk diberi pegangan kekal (freehold) atas sebab-sebab tertentu seperti projek yang dikenal pasti sebagai pemangkin (catalyst) pembangunan negeri atau yang mempunyai kepentingan awam kepada rakyat. Pertimbangan sebegini adalah selaras dengan garis panduan Seksyen 76 (aa) dan surat atau arahan yang berkuatkuasa berhubung Tatacara Pemberimilikan Tanah Kerajaan Secara Pegangan Kekal.

- (c) Pendaftaran urusniaga hendaklah mematuhi keperluan sebagaimana yang dinyatakan dalam *Divisyen IV* Kanun Tanah Negara (KTN). Contohnya bagi permohonan pindahmilik melibatkan individu, ianya hendaklah

disempurnakan melalui Borang 14A yang disaksikan oleh pihak-pihak yang dibenarkan di bawah Jadual Kelima KTN.

Borang 14A yang lengkap hendaklah disertakan bersama dokumen hakmilik keluaran (DHKK), salinan sijil setem dan salinan kad pengenalan pemberi dan penerima. Seterusnya bagi pendaftaran pindahmilik tersebut, semakan terperinci akan dilakukan berkaitan fi pendaftaran dan levi serta sama ada terdapat sekatan kepentingan atau halangan kepada urusan seperti kaveat. KTN juga memperuntukkan satu seksyen khusus berhubung larangan/kawalan pemilikan tanah melalui kaedah bermilik dan urusan tanah kepada warga asing dan syarikat pemilikan asing.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XIX)9

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SEBERANG JAYA
YB IZHAR SHAH BIN DATUK ARIF SHAH**

9. Jelaskan impak semakan kadar cukai tanah baharu terhadap rakyat Pulau Pinang.
- (a) Nyatakan unjuran pemilik tanah yang mengalami kenaikan >50% disertakan lokasinya.
 - (b) Adakah skim diskaun, rebat atau pengecualian disediakan bagi golongan B40 dan warga emas?
 - (c) Huraikan unjuran hasil tambahan serta penggunaannya bagi penambahbaikan infrastruktur di kawasan terkesan.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

9. (a) Peratus kenaikan kadar cukai tanah bagi bandar dan desa di Negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut:
- (i) Industri: 151% - 400%;
 - (ii) Perniagaan: 25% - 159%;
 - (iii) Kediaman: 29% - 127% ; dan
 - (iv) Pertanian: 50% - 439% (kadar terendah RM15 per hektar untuk padi dan tertinggi kadar durian RM800 per hektar)
- (b) Cadangan semakan cukai tanah bagi negeri Pulau Pinang diluluskan oleh Majlis Tanah Negara 2024, dan semakan

semula hanya akan dibuat pada setiap 10 tahun. Ini bermakna, kadar baharu ini akan dikekalkan tanpa sebarang kenaikan pada tempoh minimum 10 tahun sehinggalah semakan baharu dilaksanakan.

Semakan Cukai Tanah ini tidak melibatkan 300,000 akaun Cukai Petak Strata. Semua pemilik petak strata akan terus membayar cukai petak strata mengikut kadar sedia ada.

Susulan kepada pewartaan kadar cukai tanah yang baharu yang akan berkuatkuasa mulai 1 Januari 2026, kadar cukai kediaman akan dinaikkan daripada RM0.54 kepada RM0.70 satu meter persegi dengan bayaran minimum RM70 setiap lot bagi semua tanah-tanah di Bandar contohnya di Jelutong, Tanjong Bungah, Bayan Lepas, Bayan Baru, Balik Pulau, Seberang Jaya, Bukit Mertajam, Bertam, Batu Kawan dan lain-lain.

Bagi tanah-tanah Desa pula, kadar cukai bagi kediaman akan dinaikkan daripada RM0.22 kepada RM0.50 satu meter persegi dengan bayaran minimum RM50.00 setiap lot.

Ini bermakna semua pemilik tanah kediaman yang berkeluasan kurang daripada 100 meter persegi atau 1076 kaki persegi akan membayar kadar cukai minimum RM70 setahun di kawasan bandar atau RM50 setahun di kawasan desa. Kadar minimum ini termasuk rumah kos rendah, rumah kos sederhana rendah dan sebahagian skim Rumah Mampu Milik atau Rumah MutiaraKu di Pulau Pinang yang berkeluasan kurang daripada 100 meter persegi atau 1,076 kaki persegi.

Kerajaan Negeri juga turut memperkenalkan kadar baharu untuk Rumah Kampung iaitu RM50 setiap lot. Kadar ini diperkenalkan bagi membantu pemilik-pemilik kediaman dalam kategori rumah kampung membayar kadar yang minimum dan tidak membebankan walaupun keluasan tanah milik mereka adalah melebihi 100 meter persegi.

Bagi mengurangkan impak dan bebanan kewangan kepada semua pemilik tanah di Pulau Pinang, maka satu mekanisme rebat bayaran cukai sebanyak 32.5 peratus

akan dilaksanakan pada tahun 2026 diikuti rebat sebanyak 20 peratus pada tahun 2027 dan rebat sebanyak 20 peratus pada tahun 2028.

Rebat bayaran cukai tanah ini akan memberi manfaat kepada semua pemilik tanah di Pulau Pinang tanpa mengira kategori dan kegunaan tanah. Walau bagaimanapun, semua pemilik tanah yang menikmati rebat ini perlu membayar kadar cukai tanah sedia ada sekiranya amaun bayaran cukai tanah selepas rebat diberikan adalah lebih rendah daripada amaun sedia ada yang dibayar pada tahun 2025. Lazimnya, pemberian rebat ini akan menyebabkan Kerajaan Negeri tidak dapat mengutip hasil cukai berjumlah RM80 - 100 juta setahun pada tahun 2026 - 2028.

Selain daripada rebat antara 32.5 peratus - 20 peratus untuk tempoh tiga (3) tahun mulai 2026, Kerajaan Negeri juga bersetuju untuk memberi beberapa insentif lain kepada semua pemilik tanah di Pulau Pinang, antaranya:

- (i) **Pengecualian bayaran denda ke atas tunggakan cukai tanah dan cukai petak sebanyak 100 peratus mulai 1 Januari 2026 sehingga 31 Disember 2026** melibatkan tunggakan denda berjumlah RM25 juta akan dikecualikan. Inisiatif tersebut adalah bertujuan menggalakkan pemilik tanah dan pemilik petak untuk membayar cukai sebagaimana diperuntukan.
- (ii) **Pemberian diskaun 50 peratus kadar premium** untuk pertukaran kategori tanah pertanian kepada bangunan bagi tujuan kediaman sahaja tertakluk kepada garis panduan perancangan. Diskaun ini ditawarkan sepanjang tahun 2026 sahaja. Insentif ini diberikan bagi menggalakkan semua pemilik tanah kategori pertanian yang berada dalam zon perlingkungan pembangunan untuk menukar kategori tanah milik masing-masing daripada pertanian kepada bangunan (kediaman sahaja dan bukan pembangunan perumahan) kerana aktiviti pertanian sudah tidak dijalankan di atas tanah tersebut, sebaliknya terdapat rumah-rumah kediaman

individu yang telah didirikan sejak sekian lama. Insentif ini juga akan membantu pemilik-pemilik tanah kategori pertanian meningkatkan nilai pemilikan tanah dan kediaman persendirian masing-masing.

- (iii) **Pemberian pelbagai cenderahati** dalam bentuk barangan dapur selain cabutan bertuah kepada pembayar cukai tanah dan cukai petak strata yang membayar cukai tanah dan cukai petak strata melalui Aplikasi PG Land secara dalam talian (*online*). Insentif ini diberikan bagi menggalakkan pembayaran cukai secara dalam talian (*online*) dalam kalangan pemilik-pemilik tanah dan petak strata di Pulau Pinang.

Kerajaan Negeri berharap dengan cadangan semakan cukai tanah pada tahun 2026, hasil cukai Kerajaan Negeri akan meningkat dengan ketara, dan Kerajaan Negeri akan lebih berupaya untuk menyediakan lebih banyak insentif kewangan dan bantuan sara hidup kepada seluruh rakyat Pulau Pinang untuk tempoh jangka masa panjang.

- (c) Inisiatif Peningkatan Hasil Cukai yang dikemukakan oleh Pejabat Tanah dan Galian (PTG) merangkumi strategi peningkatan hasil tanah dan cukai petak dalam tempoh lima tahun (2026 – 2030). Secara keseluruhan, inisiatif ini dijangka menyumbang kepada peningkatan hasil cukai tanah dan cukai petak daripada RM140-145 juta setahun kepada RM300-350 juta setahun dalam tempoh lima (5) tahun, manakala hasil bukan cukai (premium tanah, fi-fi transaksi, fi kebenaran) dijangka meningkat daripada RM300 juta setahun kepada RM400-450 juta setahun.

Penggunaan hasil-hasil ini bagi penambahbaikan infrastruktur di kawasan terkesan akan disalurkan melalui agensi-agensi terlibat bergantung kepada perancangan Kerajaan Negeri kelak.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XIX)10

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SEBERANG JAYA
YB IZHAR SHAH BIN DATUK ARIF SHAH**

10. Perincikan jumlah, nama KRT dan alamat surat-menyurat serta butiran seperti nama, nombor telefon pengerusi dan setiausaha setiap KRT dalam DUN Seberang Jaya dan Parlimen Permatang Pauh.
- (a) Jelaskan aset yang diselia oleh KRT berkenaan.
 - (b) Nyatakan bentuk sokongan atau bantuan tahunan yang diterima oleh setiap KRT oleh Kerajaan Negeri.

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

10. Perincian maklumat Kawasan Rukun Tetangga (KRT) yang diperolehi dari Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri Pulau Pinang (JPNIN) di bawah Kementerian Perpaduan Negara iaitu mengikut nama, alamat KRT, nama pengerusi, nombor telefon dan nama Setiausaha seperti **LAMPIRAN A.**
- (a) Pihak Kerajaan Negeri tidak menyelia sebarang aset Kawasan Rukun Tetangga (KRT), memandangkan KRT adalah dibawah Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN).

- (b) Tiada peruntukan khas dari Kerajaan Negeri memandangkan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) adalah di bawah seliaan Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN). Namun program-program yang melibatkan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, sumbangan akan disalurkan mengikut keperluan.

LAMPIRAN A

KAWASAN RUKUN TETANGGA PARLIMEN PERMATANG PAUH

BIL	NEGERI	DAERAH	NAMA KRT	PARLIMEN	DUN	ALAMAT KRT	NAMA PENERUSI	NO. TELEFON	NAMA SETIAUSAHA	NO. TELEFON
1	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	TMN PAUH JAYA FASA 5	P.044 Permatang Pauh	N.10 Seberang Jaya	TIADA PUSAT RUKUN TETANGGA	HASBULLAH BIN UMAR	019-4055527	ISMAIL BIN TAIB	019-4172112
2	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	TMN PAUH JAYA FASA 6	P.044 Permatang Pauh	N.10 Seberang Jaya	TIADA PUSAT RUKUN TETANGGA	Ramli bin Mohamed Ali	012-4861155	Ismail bin Mansor	012-4688839
3	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	SIAKAP	P.044 Permatang Pauh	N.10 Seberang Jaya	PUSAT RUKUN TETANGGA SIAKAP, 13700 PERAI	AHMAD BIN HAD	012-4682974	AHMAD SHAHIDI BIN KAMARUDIN	010-4374469
4	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	SEMBILANG	P.044 Permatang Pauh	N.10 Seberang Jaya	NO.51 PERSIARAN SEMBILANG, SEBERANG JAYA	AB WAHAB SAARANI BIN MAT REJAB	019-5490664	HALIJAH BT MOHD YUNUS	012-3721584
5	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	PERUMAHAN KLASER TENGGIRI	P.044 Permatang Pauh	N.10 Seberang Jaya	TIADA PUSAT RUKUN TETANGGA	NUR SYAHIDA BINTI RAHIM	018-7806538	MOHAMAD AMIRUL FAIZ BIN BASHAH	012-4594623
6	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	TMN PAUH INDAH	P.044 Permatang Pauh	N.10 Seberang Jaya	DEWAN ORANG RAMAI TAMAN PAUH INDAH, JALAN PAUH INDAH 1, TAMAN PAUH INDAH, 13500 BUKIT MERTAJAM, PG	ABDUL RAHMAN BIN ISMAIL	017-4067372	AZIRAH BINTI MANAF	013-4363386
7	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	RUMAH PANGSA KERAJAAN NEGERI	P.044 Permatang Pauh	N.10 Seberang Jaya	DEWAN ORANG RAMAI JALAN TUNA, SEBERANG JAYA, 13700 PERAI	NORZI BIN ISMAIL	016-4532949	NOR MUHAIDZAN BINTI ISMAIL	019-4186005
8	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	TMN PAUH	P.044 Permatang Pauh	N.10 Seberang Jaya	DEWAN ORANG RAMAI TAMAN PAUH, LORONG PAUH 2, TAMAN PAUH, 13700 PERAI	MOHD HASAN BIN MOHAMED	013-4222244	ROZITA BINTI SABL	011-12598926
9	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	RUMAH PANGSA SRI PAUH	P.044 Permatang Pauh	N.10 Seberang Jaya	B-2-18 PANGSA SRI PAUH, LRG PAUH 2, 13500PERMATANG PAUH	PIRUS BIN ADINAN	013-5999365	KAMA BT OSMAN	019-5492716
10	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	SIAKAP 2	P.044 Permatang Pauh	N.10 Seberang Jaya	TIADA PUSAT KRT	MUHAMMAD YUSOFF BIN AHAD	011-32939707	MUHAMMAD AMIN	013-4157368
11	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	PANGSAPURI PERSONA	P.044 Permatang Pauh	N.10 Seberang Jaya	TIADA PUSAT KRT	AZHAR BIN MOHAMAD	019-5404752	MOHD MIRZA BIN AZIZ	019-4658245
12	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	TMN HAJI MOHD AMEN	P.044 Permatang Pauh	N.10 Seberang Jaya	TIADA PUSAT KRT	HJ MOHD NOOR BIN HJ HJ HUSSAIN	012-4927792	MOHD ANI BIN SIRAT	013-4566823
13	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	LAMPAM	P.044 Permatang Pauh	N.10 Seberang Jaya	PUSAT RUKUN TETANGGA LAMPAM, 13700 PERAI	TAN KEE LOO	012-5124360	MUHAMMAD FAHMIE BIN ZUZIZA@AMIRAN	013-7141410
14	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	SERI TENGGIRI	P.044 Permatang Pauh	N.10 Seberang Jaya	DEWAN ORANG RAMAI SRI TENGGIRI, JALAN TENGGIRI 13700 SEBERANG JAYA	MIOR JAMAL BIN ALANG MIOR	019-5797889	HILLMY BIN HJ. AHMAD	019-4104512

BIL	NEGERI	DAERAH	NAMA KRT	PARLIMEN	DUN	ALAMAT KRT	NAMA PENERUSI	NO. TELEFON	NAMA SETIAUSAHA	NO. TELEFON
15	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	SERI GERBANG TUNA	P.044 Permatang Pauh	N.10 Seberang Jaya	PUSAT RUKUN TETANGGA SERI GERBANG TUNA	AMIRUDDIN BIN HAMID	016-4541902	MUHAMMAD SAIFUL HAFIDZ BIN ESHAK	012-4317588
16	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	TMN SUTERA PRIMA	P.044 Permatang Pauh	N.10 Seberang Jaya	TIADA PUSAT RUKUN TETANGGA	MOHAMAD SALIM BIN ABDUL WAHAB	013-4882524	SHARIFUDDIN BIN SABTU	019-4104008
17	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	PANGSAPURI PERMATA (BLOK A-N)	P.044 Permatang Pauh	N.10 Seberang Jaya	PRT PANGSAPURI PERMATA A-N, LRG ABC 1, 14000 BANDAR PERDA, BKT MERTAJAM, PG	ABDUL HADI BIN JAPRI	013-4453491	ZURAIDA BINTI DISA	014-7593307
18	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	PANGSAPURI PERMATA (BLOK O, P & T)	P.044 Permatang Pauh	N.10 Seberang Jaya	TIADA PUSAT RUKUN TETANGGA	HASANAN BIN JAMALUDDIN	012-4549972	SHARMINI BINTI MOHD NASSER	017-5815876
19	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	PANGSAPURI PERMATA (BLOK Q, R & S)	P.044 Permatang Pauh	N.10 Seberang Jaya	KABIN RUKUN TETANGGA PANGSAPURI PERMATA C, LROG Q, 14000 BANDAR PERDA, BUKIT MERTAJAM, PULAU PINANG	RUSHDI BIN OTHMAN	018-462 5623	ROZITA BINTI M.MEDAR	017-455 1290
20	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	BLOK L, JLN TENGGIRI	P.044 Permatang Pauh	N.10 Seberang Jaya	DEWAN ORANG RAMAI BLOK L JALAN TENGGIRI, JALAN TENGGIRI, 13700 SEBERANG JAYA	ZULKHARNAIN BIN YACOB	017-5318381	MOHAMMAD ROHAFIZ BIN RAMLI	017-4826380
21	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	FLAT DESA SRI JAYA	P.044 Permatang Pauh	N.10 Seberang Jaya	TIADA PUSAT RUKUN TETANGGA	MOHD SUHAIZAN BIN ABDUL KARIM	019-5416241	TAHIRAH BINTI MAT ISA	017-5440126
22	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	TMN SERI AROWANA	P.044 Permatang Pauh	N.10 Seberang Jaya	DEWAN ORANG RAMAI TAMAN SERI AROWANA, LORONG SERI AROWANA 4, TAMAN SERI AROWANA, 13700 PULAU PINANG	SEAH AH ENG	019-4189988	MUKUNTHAN A/L KURUPPANAN	014-9638573
23	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	BLOK E, KONDOMINIUM MUTIARA	P.044 Permatang Pauh	N.10 Seberang Jaya	BILIK KRT BLOK RUJANG LEGAR KONDOMINIUM MUTIARA BLOK E BANDAR PERDA 14000 BUKIT MERTAJAM PULAU PINANG	RAZIZ BIN AHMAD	019-4882411	NUR AMIZAH BT ZAHARI	012-5494892
24	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	KG PERMATANG RAWA	P.044 Permatang Pauh	N.10 Seberang Jaya	TIADA PUSAT RUKUN TETANGGA	ABDUL BIN ISHAK	011-69633196	MUHAMMAD FADHIL BIN AZMI	012-4422744
25	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	KG PERMATANG BATU	P.044 Permatang Pauh	N.10 Seberang Jaya	DEWAN KOMUNITI KG PTG BATU, 14000 BUKIT MERTAJAM	MOHAMAD ASRE BIN JUSOH	019-5771926	MOHAMAD IDRES BIN MOHAMAD HANIAPAH	016-4600750
26	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	TMN SUTERA 1	P.044 Permatang Pauh	N.10 Seberang Jaya	TIADA PUSAT RUKUN TETANGGA	KOVALAGAN A/L SOMASANDERAM	014-2580812	VELUSAMAY A/L SUBRAMANIAM	017-3556881
27	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	TMN SUTERA 2	P.044 Permatang Pauh	N.10 Seberang Jaya	TIADA PUSAT RUKUN TETANGGA	MOHD ISA BIN MUSTAPA	016-4114007	NOR AIDA BINTI IDRIS	012-4102865
28	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	BLOK B KONDOMINIUM MUTIARA	P.044 Permatang Pauh	N.10 Seberang Jaya	TIADA PUSAT RUKUN TETANGGA	MOHD AZRAN BIN ZAINOL	019-4166968	ROHAMEZAN BIN ROHIM	012-4022003

BIL	NEGERI	DAERAH	NAMA KRT	PARLIMEN	DUN	ALAMAT KRT	NAMA PENERUSI	NO. TELEFON	NAMA SETIAUSAHA	NO. TELEFON
29	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	TMN JANGGUS JAYA	P.044 Permatang Pauh	N.10 Seberang Jaya	DEWAN RUKUN TETANGGA TAMAN JANGGUS JAYA	FAM CHEW ENG HUAT	013-4883131	KHOO PHAIK EAN	012-4037278
30	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	PANGSAPURI CASA PRIMA	P.044 Permatang Pauh	N.10 Seberang Jaya	TIADA PUSAT RUKUN TETANGGA	ABDUL GHAFAR SHAROFF BIN SHARIFF	019-5294003	NORADZLIN BINTI NADZRIN	012-4435919
31	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	PANGSAPURI DESA SRI JAYA	P.044 Permatang Pauh	N.10 Seberang Jaya		ZAILAN BIN ABU KASSIM	019-4586455		
32	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	TMN WAKAF SEETEE AISAH	P.044 Permatang Pauh	N.10 Seberang Jaya	TIADA PUSAT RUKUN TETANGGA	NORIZA BINTI RAZALI	019-4728470	NORMASLYNDA OMAR	012-4755265
33	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	TAMAN CASA IDAMAN	P.044 Permatang Pauh	N.10 Seberang Jaya	TIADA PUSAT RUKUN TETANGGA	HADZI BIN MOHAMED YUSUFF	019-4487068	SABRI BIN KULOP MOHAMED	019-4784272
34	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	KAMPUNG BELAH DUA	P.044 Permatang Pauh	N.10 Seberang Jaya	TIADA PUSAT RUKUN TETANGGA	KHAIRI BIN ISMAIL	012-5733643	MUHAMMAD NUR HIDAYAT BIN FAIZAN	017-4961373
35	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	MUKIM 4 KAMPUNG PERTAMA	P.044 Permatang Pauh	N.10 Seberang Jaya	TIADA PUSAT RUKUN TETANGGA	KHAIRIL ANNUAR BIN IBRAHM	013-5314675	ZAHARAH BINTI DIN	016-4485886
36	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	JALAN BHARU, TAMAN BUNGA RAYA	P.044 Permatang Pauh	N.10 Seberang Jaya	TIADA PUSAT RUKUN TETANGGA	MOHD YUSOF BIN HUSSIN	012-4878729	SITI NOOR KATIJAH BINTI YUSOF	012-8936628
37	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	BLOK C, KONDOMINIUM MUTIARA	P.044 Permatang Pauh	N.10 Seberang Jaya	TIADA PUSAT RUKUN TETANGGA	MOHAMAD FAUZI BIN IBRAHIM	012-4734460	MOHD HAFIZ BIN JAMALUDIN	017-3167094
38	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	PANGSAPURI PAUH DAMAI	P.044 Permatang Pauh	N.10 Seberang Jaya	TIADA PUSAT RUKUN TETANGGA	AFZAL KHAN BIN AHMAD	019-5666546	NOR ALINA BT MAT ALI	017-5121865
39	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	KAMPUNG TAMAN BARU	P.044 Permatang Pauh	N.10 Seberang Jaya	TIADA PUSAT RUKUN TETANGGA	Azmi Bin Mat Rasit	012-4907621	Muhamad Hidzir Bin Romlee	013-2267673
40	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	BLOK D KONDOMINIUM MUTIARA	P.044 Permatang Pauh	N.10 Seberang Jaya	TIADA PUSAT RUKUN TETANGGA	SYAIFUL FADZLY BIN MOHAMMAD	014-2598201	MUHAMMAD FARID BIN ZULKIPLI	017-4471353
41	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	PANGSAPURI SUTERA	P.044 Permatang Pauh	N.10 Seberang Jaya	TIADA PUSAT RUKUN TETANGGA	MOHD FAIZAL B MOHD YUSOP	010-7700725	MOHAMAD FITRI B SHAMSUDIN	018-5790365
42	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	PANGSAPURI IDAMAN	P.044 Permatang Pauh	N.10 Seberang Jaya	TIADA PUSAT RUKUN TETANGGA	SHAFIE BIN DZULKIFLI	013-3803510	MOHAMAD SAYUTI BIN BAHARUDIN	019-4732000
43	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	RESIDENSI PAUH PERMAI	P.044 Permatang Pauh	N.10 Seberang Jaya	TIADA PUSAT RUKUN TETANGGA	MOHD SALZAHIRIN BIN MOHAMAD HAMZAH	017-4557664	AFFARIZA BINTI MUSA	018-2894458
44	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	BLOK A KONDOMINIUM MUTIARA	P.044 Permatang Pauh	N.10 Seberang Jaya	TIADA PUSAT RUKUN TETANGGA	MOHD IKHWAN BIN KAMAL	011-20959543	WAN ZAHARUDDIN BIN WAN ISMAIL	017-4661554
45	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	KG PAYA	P.044 Permatang Pauh	N.11 Permatang Pasir	TIADA PUSAT RUKUN TETANGGA	SURIANI BINTI OTHMAN	011-57495645	SITI FAIRUZ	019-4650859
46	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	KG CROSS STREET	P.044 Permatang Pauh	N.11 Permatang Pasir	PUSAT RUKUN TETANGGA KG CROSS STREET	KUAN YAN LEE	012-4561780	LEE JOO KHIAM	018-3144642

BIL	NEGERI	DAERAH	NAMA KRT	PARLIMEN	DUN	ALAMAT KRT	NAMA PENERUSI	NO. TELEFON	NAMA SETIAUSAHA	NO. TELEFON
47	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	TMN ARA INDAH	P.044 Permatang Pauh	N.11 Permatang Pasir	PUSAT AKTIVITI RUKUN TETANGGA TAMAN ARA INDAH, LRG ARA INDAH 1/1 TAMAN ARA INDAH 13000 PERMATANG PAUH PULAU PINANG	ROSLI BIN OSMAN	012-4283139	SOBAH BINTI SAID	012-7721062
48	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	KUBANG SEMANG MUKIM 5 - ZON 1	P.044 Permatang Pauh	N.11 Permatang Pasir	TIADA PUSAT RUKUN TETANGGA	HAZLI BIN BAHARUDIN	013-4887164	MOHD ANUAR BIN MAIDEN	011-19832090
49	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	TANAH LIAT MK.8	P.044 Permatang Pauh	N.11 Permatang Pasir	1074 MK 8 TANAH LIAT 14000 BUKIT MERTAJAM	ABDUL BAHRI RIAD BIN ABDULLAH	019-5555227	ABDUL RAHMAN RAIS BIN ABDULLAH	019-5735369
 - (b) Bagi pelaksanaan projek penaiktarafan sistem saliran Sungai Tok Kedili, permohonan peruntukan pelaksanaan

projek fizikal hanya akan dilaksanakan setelah kajian reka bentuk terperinci projek tersebut siap sepenuhnya.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XIX)15

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SEBERANG JAYA
YB IZHAR SHAH BIN DATUK ARIF SHAH**

15. Jelaskan pelaksanaan dan reka bentuk Projek Lebuhraya Bertingkat Juru–Sungai Dua (JSD).
- (a) Perincikan garis masa bagi setiap fasa pembinaan.
 - (b) Huraikan Pelan Pengurusan Trafik (TMP) yang dirangka bagi mengurangkan kesan terhadap komuniti setempat sepanjang tempoh pembinaan dijalankan.
 - (c) Lampirkan pelan reka bentuk penuh projek termasuk susun atur persimpangan utama.

YB ZAIRIL KHIR JOHARI

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

15. Kementerian Kerja Raya (KKR) bersama-sama Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) sebagai agensi pelaksana sedang dalam proses melaksanakan kerja-kerja bagi Projek Penyuraian Trafik di antara Plaza Tol Juru dan Plaza Tol Sungai Dua, Pulau Pinang di Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) dan kawasan sekitar (PTJSD). Projek ini telah diluluskan di bawah Rolling Plan 5 (RP5), Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) dengan kos keseluruhan yang telah dimuktamadkan selepas Makmal Kajian Nilai (Value Assessment, VA) sebanyak RM2.908 bilion, melibatkan pembiayaan secara hibrid melalui peruntukan pembangunan, Dana Mudahcara Infrastruktur (DMI) dan sumbangan oleh PLUS Berhad. Kaedah ini telah diluluskan secara prinsip oleh Jemaah Menteri pada 20 Disember 2024.

Projek ini melibatkan skop kerja seperti yang berikut:

- (i) Laluan terus dari Juru ke Sungai Dua sepanjang 17.4 km
- (ii) Laluan sedia ada 17.4 km dan persimpangan;
- (iii) Membina baharu satu (1) plaza tol di susur masuk Persimpangan Jambatan Pulau Pinang ke *Mainline Express Lanes* (MEL), satu (1) plaza tol di susur keluar MEL ke Persimpangan East-West, satu (1) plaza tol di susur masuk dari Persimpangan East-West ke MEL serta menaik taraf Plaza Tol Juru dan Plaza Tol Sungai Dua;
- (iv) Meroboh dan membina semula dua (2) buah jejambat pejalan kaki sedia ada dan membina baharu dua (2) jejambat pejalan kaki di Plaza Tol Juru dan Plaza Tol Sungai Dua;
- (v) Kerja geoteknik;
- (vi) Perabot jalan;
- (vii) Pembinaan sistem perparitan jalan;
- (viii) Pengalihan utiliti; dan
- (ix) Pengambilan tanah.

Projek ini dimulakan dengan pelaksanaan satu kajian trafik secara terperinci oleh Kementerian Kerja Raya khususnya bagi menangani isu kesesakan di laluan antara Plaza Tol Juru dan Plaza Tol Sungai Dua. Kajian ini dijalankan menggunakan teknologi Kecerdasan Buatan (AI) di 40 lokasi sepanjang jajaran tersebut bagi menganalisis aliran trafik sebenar dan merangka penyelesaian yang lebih berkesan serta mampan.

Hasil kajian ini telah dibentangkan dalam beberapa siri mesyuarat bersama Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), PLUS Berhad, Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Kementerian Kewangan (MOF) serta Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Berdasarkan perbincangan tersebut, konsep penyuraian trafik telah dipersetujui yang merangkumi tiga (3) komponen utama, iaitu MEL, pembinaan Laluan Pengumpul dan Pengedar (Collector-Distributor Lanes, CDL), serta kerja-kerja menaik taraf persimpangan dan laluan sedia ada.

Projek ini akan dilaksanakan secara berfasa melalui lima (5) pakej utama, dengan tempoh pembinaan keseluruhan selama 48 bulan.

(a) Garis Masa dan Status Pelaksanaan:


- (i) Makmal Kajian Nilai (Value Assessment): 24 – 28 Februari 2025
- (ii) Lantikan Perunding Rekabentuk & Penyeliaan Tapak: 17 Julai 2025
- (iii) Mula kerja fizikal (Pakej 1 – Naiktaraf East-West Interchange & Slip Ramp): November 2025
- (iv) Mula kerja fizikal (Pakej 2–5 – MEL & CDL): Pertengahan tahun 2026
- (v) Jangkaan siap projek: Jun 2030

(b) Pelan Pengurusan Trafik (TMP) yang dirangka bagi mengurangkan kesan terhadap komuniti setempat sepanjang tempoh pembinaan dijalankan adalah seperti berikut:

- (i) Penyampaian makluman secara berkala melalui media sosial dan saluran rasmi kepada pengguna jalan mengenai maklumat terkini supaya pengguna jalan dapat membuat perancangan awal perjalanan;
- (ii) Pemasangan papan tanda tunjuk arah sementara dan tetap dipasang di laluan utama dan laluan alternatif supaya pemandu dapat menyesuaikan haluan sebelum tiba di kawasan kerja;
- (iii) Penempatan papan tanda di lokasi strategik dimana diletakkan pada jarak yang mencukupi sebelum kawasan kerja agar pengguna jalan mempunyai masa untuk menukar lorong atau haluan; dan
- (iv) Pemeriksaan dan penyelenggaraan berkala papan tanda secara rutin untuk memastikan ia kekal dalam keadaan baik, jelas kelihatan pada waktu siang dan malam, serta tidak dihalang oleh kerja-kerja pembinaan.


- (c) Pelan reka bentuk penuh projek termasuk susun atur persimpangan utama adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

**CADANGAN PENYURAIAN TRAFIK DI LEBUHRAYA PLUS DAN
KAWASAN SEKITAR DI ANTARA JURU DAN SUNGAI DUA,
PULAU PINANG ("PROJEK JSD")**



Cadangan Projek - Skematik

Perbandingan antara jajaran yang sedia ada dan jajaran yang dicadangkan juga ditunjukkan di dalam Rajah



**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XIX)16

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SEBERANG JAYA
YB IZHAR SHAH BIN DATUK ARIF SHAH**

16. Perincikan status reka bentuk dan spesifikasi jambatan kekal di Sungai Derhaka, Laluan Persekutuan FT3111, Jalan Permatang Pauh, SPT.
- (a) Adakah reka bentuk yang dicadang mengambil kira keperluan laluan motosikal dan pejalan kaki?
 - (b) Huraikan penilaian keselamatan serta kemudahan akses kepada penduduk sekitar.
 - (c) Nyatakan garis masa projek pembinaan jambatan kekal.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

16. Projek pembinaan jambatan kekal di Sungai Derhaka dilaksanakan bagi menggantikan jambatan sedia ada yang telah uzur serta bagi menambah baik keupayaan aliran trafik di kawasan Jalan Permatang Pauh. Reka bentuk dan spesifikasi bagi jambatan kekal ini sedang dalam proses semakan oleh Bahagian Kejuruteraan Jambatan, Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia.
- (a) Keperluan tambahan laluan motosikal dan pejalan kaki tidak dapat dimasukkan ke dalam reka bentuk jambatan kekal disebabkan oleh rizab jalan yang terhad di tapak.

- (b) Penilaian Risiko Keselamatan dan kemudahan akses penduduk sekitar adalah termasuk di dalam skop semakan reka bentuk dan spesifikasi projek tersebut yang kini sedang dilaksanakan oleh JKR Malaysia.

- (c) Penggantian jambatan Sg Derhaka (FT3111/002/60) telah diluluskan di dalam Rolling Plan (RP) 1 di bawah Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13). Status semasa bagi projek ini adalah dalam peringkat kajian tapak, perlantikan perunding dan rekabentuk jambatan. Pelaksanaan pembinaan jambatan kekal tersebut dijangka bermula pada tahun 2026.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XIX)17

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SEBERANG JAYA
YB IZHAR SHAH BIN DATUK ARIF SHAH**

17. Jelaskan status serta rasional Projek Laluan Ketiga (*3rd Link*) Pulau Pinang termasuk berkenaan reka bentuk baharu (terowong / jambatan).
- (a) Terangkan hasil terkini kajian kebolehlaksanaan serta penilaian terhadap keperluan sebenar projek ini.
 - (b) Apakah jangkaan nilai kos dan kaedah pembiayaan yang dirancang?
 - (c) Huraikan *exit strategy* sekiranya projek ini tidak diteruskan.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

17. Status Projek Laluan Ketiga (*3rd Link*) Pulau Pinang ialah Kerajaan Negeri (KN) telah mengambil langkah proaktif dengan menjalankan satu kajian kebolehlaksanaan (umum) melibatkan penjajaran semula (*realignment*) serta penilaian opsyen reka bentuk jambatan sebagai alternatif kepada terowong dasar laut yang dicadangkan sebelum ini.

Walau bagaimanapun, kajian terperinci (*detailed study*) bagi reka bentuk baharu ini akan dimuktamadkan setelah hasil kajian umum siap sepenuhnya.

- (a) Kerajaan Negeri telah meluluskan pelaksanaan kajian penjajaran semula menggunakan kaedah reka bentuk

jambatan dengan mengambil kira perancangan pembesaran Pelabuhan Pulau Pinang dan plan penguraian trafik di kawasan Gurney Bay serta sekitarnya. Penjajaran semula melibatkan pindaan ke arah lebih utara, sejajar dengan rancangan pembesaran Pelabuhan Pulau Pinang bagi memastikan reka bentuk jambatan tidak mengganggu aktiviti/pengoperasian dan laluan navigasi kapal-kapal. Kajian pelaksanaan (*conceptual design*) sedang dilaksanakan dan hasilnya akan dibentangkan kepada pihak Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP) bagi mendapatkan maklum balas selanjutnya.

Keperluan Projek Laluan ketiga ini akan menambah keupayaan dan ketahanan rangkaian penghubung utama Pulau Pinang, melengkapinya dengan dua jambatan sedia ada. Justeru, projek ini diunjurkan dapat mengurangkan kesesakan trafik, memperkukuh rangkaian logistik dan ekonomi wilayah, serta menyediakan laluan alternatif sekiranya berlaku gangguan pada jambatan sedia ada.

- (b) Jangkaan kos masih dalam penilaian dan bergantung kepada pematuhan syarat dan pemuktamadan akhir dengan pihak PPC/SPPP. Walau bagaimanapun, kos muktamad ini perlu sejajar dengan penetapan kos maksimum yang telah ditetapkan dalam kontrak perjanjian (*master agreement*). Kaedah pembiayaan adalah melalui pertukaran tanah berserta konsesi (tol) mengikut syarat, tatacara dan peraturan dari Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), JPM sebagaimana yang telah diperuntukkan dalam kontrak perjanjian jua.
- c) Menurut Klausa 9 dalam *Master Agreement* antara Kerajaan Negeri dan kontraktor utama, Kerajaan Negeri mempunyai hak mutlak untuk memilih sama ada ingin meneruskan atau tidak meneruskan mana-mana pakej di bawah perjanjian atas dasar ekonomi, kewangan atau kos. Justeru, sekiranya projek ini didapati tidak berdaya maju (*non-viable*) maka Kerajaan Negeri boleh memilih untuk tidak meneruskan tanpa menjejaskan kepentingan Kerajaan Negeri.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XIX)18

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SEBERANG JAYA
YB IZHAR SHAH BIN DATUK ARIF SHAH**

18. Huraikan pelaksanaan Program Kepimpinan Wanita Elit Dalam Politik (WELIT) anjuran PWDC dengan kerjasama Persatuan Komuniti Literasi Pulau Pinang.
- (a) Perincikan jumlah kos keseluruhan penganjuran, sumber pembiayaan dan yuran penyertaan.
 - (b) Jelaskan kriteria, kaedah pemilihan serta jumlah peserta yang dipilih.
 - (c) Nyatakan tarikh, lokasi, tempoh pelaksanaan dan butiran pelatih yang terlibat.

YB LIM SIEW KHIM

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

18. Program WELIT anjuran Persatuan Komuniti Literasi Pulau Pinang (PENITI) dengan kerjasama PWDC adalah bertujuan untuk melahirkan wanita yang berpengetahuan serta berkeupayaan dalam bidang kepimpinan dan politik. Program ini merangkumi bengkel pembinaan kapasiti, sesi pementoran dan pelaksanaan projek komuniti, yang memberi ruang kepada peserta untuk mengasah kemahiran, komunikasi dan advokasi di peringkat akar umbi. Pelaksanaan WELIT diterajui oleh YB Tan Hooi Peng, ADUN Seri Delima, selaku Tokoh Wanita PERANTIS di bawah inisiatif Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga, dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW).

- (a) Kos keseluruhan bagi penganjuran Program WELIT dianggarkan berjumlah RM53,020.00. Perincian lengkap berkaitan kos tersebut disertakan dalam **LAMPIRAN A**. Daripada jumlah itu, sebanyak RM50,000.00 dibiayai melalui Geran PERANTIS daripada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), manakala yuran penyertaan ditetapkan sebanyak RM200.00 seorang.
- (b) Kriteria pemilihan adalah wanita warganegara Malaysia berumur 18 tahun dan ke atas dengan sekurang-kurangnya dua (2) tahun pengalaman dalam kerja komuniti. Pemilihan dibuat melalui video pengenalan diri berdurasi dua (2) minit berserta *resume* calon. Seramai 30 peserta akan dipilih oleh Jawatankuasa Pemilihan dan keputusan akan diumumkan pada minggu pertama bulan November 2025.
- (c) Program ini dilaksanakan dalam tiga fasa yang dirancang mengambil masa selama enam (6) bulan. Fasa pertama merupakan Bengkel Kepimpinan WELIT yang bakal diadakan pada 6 dan 7 Disember 2025, bertempat di Lava Mansion, Pulau Pinang. Fasa Kedua adalah dua (2) sesi permentoran bersama wakil rakyat. Fasa Ketiga dan terakhir memerlukan peserta melaksanakan projek komuniti secara berkumpulan. Beberapa tokoh politik serta individu kenamaan telah dikenalpasti sebagai pelatih iaitu:
- (i) YB Tan Hooi Peng, ADUN Seri Delima, selaku Tokoh Wanita PERANTIS;
 - (ii) Yang Berhormat Ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang;
 - (iii) Wakil daripada Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia, SUHAKAM;
 - (iv) Wakil daripada *Advance Dispute Resolution Centre*; dan
 - (v) Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengurus PWDC.

LAMPIRAN A

ANGGARAN PERBELANJAAN WELIT

BIL.	PERKARA	ANGGARAN KOS (RM)
FASA SATU: BENGKEL PEMBINAAN KAPASITI KEPIMPINAN		
1.	Makan minum, penginapan & dewan lengkap siar raya bengkel (peserta, jurulatih, sekretariat bengkel)	RM13,200.00
2.	Bayaran Fasilitator	RM10,500.00
3.	Bayaran Pembantu Fasilitator	RM3,500.00
4.	Bayaran Rapporteur	RM2,000.00
Sub-Jumlah		RM29,200
FASA DUA: SESI BIMBINGAN MENTOR		
5.	Bayaran Mentor Fasa Kedua	RM3,000.00
6.	Bayaran Moderator Pembentangan	RM500.00
6.	Dana Projek Komuniti	RM5,000.00
Sub-Jumlah		RM8,500.00

BIL.	PERKARA	ANGGARAN KOS (RM)
LAIN-LAIN		
7.	Bahan Cetakan Rujukan Peserta & Alat Tulis	RM1,000.00
8.	Kos Promosi (Rekaan, Cetakan Streamer & Bahan Promosi)	RM1,500.00
9.	Videographer + Photographer (2 Hari)	RM5,000.00
10.	Pemantauan & Penilaian	RM3,000.00
11.	Keurusetiaan (10%)	RM4,820.00
Sub-Jumlah		RM15,320.00
Jumlah Keseluruhan		RM53,020.00

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XIX)19

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SEBERANG JAYA
YB IZHAR SHAH BIN DATUK ARIF SHAH**

19. Huraikan strategi kelestarian program i-Sejahtera agar kekal mampan dan memberi impak jangka panjang kepada rakyat.
- (a) Terangkan mekanisme bagi memastikan bantuan disalurkan secara bersasar dan efektif bukan sekadar pemberian tunai.
 - (b) Jelaskan perancangan serta penambahbaikan program bagi tahun 2026.
 - (c) Perincikan jumlah keseluruhan perbelanjaan program ini dari tahun 2018 hingga 2025.

YB LIM SIEW KHIM

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

19. Untuk makluman, program i-Sejahtera diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang sebagai satu inisiatif penghargaan dan pengiktirafan kepada rakyat negeri ini, dan bukan sebagai bantuan.

Antara strategi yang diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mengekalkan kemampanan dan impak jangka panjang program i-Sejahtera adalah seperti berikut:

(i) Penyasaran Bantuan & Keberkesanan

Penambahbaikan i-Sejahtera menekankan pendekatan yang lebih bersasar supaya bantuan diterima oleh golongan yang benar-benar memerlukan. Kerajaan Negeri telah meneliti perkara ini melalui sesi libat urus dan kaji selidik bersama Ahli Parlimen, ADUN dan Pegawai Penyelaras KADUN bagi Cadangan Bayaran i-Sejahtera pada awal tahun 2025. Antara strategi yang dicadangkan adalah untuk menyusun semula kategori bantuan agar dapat mengurung atau menamatkan inisiatif yang bertindih.

(ii) Penggunaan Data & Sistem Pemantauan Berterusan

Sistem pangkalan data i-Sejahtera menyatukan proses permohonan, pendaftaran, pengesahan kelayakan dan pengurusan pembayaran dalam satu sistem pusat. Pendekatan ini membolehkan semakan kelayakan dibuat secara automatik dan tepat, mengelakkan pertindihan penerima bantuan serta memastikan ketelusan dan keberkesanan dalam penyampaian.

(iii) Pemantauan dan Penilaian

Selain itu, Kerajaan Negeri turut menjalankan pemantauan dan penilaian berterusan dengan memanfaatkan data besar bagi menilai trend serta impak jangka panjang program. Kajian semakan dan sesi libat urus dilakukan bagi menambah baik pelaksanaan, manakala maklum balas pengguna melalui portal i-Sejahtera turut membantu memperkukuh sistem. Pendekatan berasaskan data ini membolehkan kelemahan dikenal pasti lebih awal dan tindakan penambahbaikan diambil agar program kekal relevan, efektif dan mampan pada masa hadapan.

- (a) Bagi memastikan bantuan disalurkan secara bersasar dan efektif, Kerajaan Negeri mengambil beberapa pendekatan seperti:
- (i) Proses penilaian semula dan pembersihan data (*data clean-up*) sedang dilaksanakan bagi memastikan bantuan hanya diterima oleh golongan yang benar-benar layak dan;
 - (ii) Pemantauan berkala dijalankan untuk menilai tahap keberkesanan program serta memastikan penerima mendapat manfaat yang sepatutnya.

Kerajaan Negeri sedang meneliti kaedah pemberian bantuan dalam bentuk bukan tunai seperti perkhidmatan, keperluan asas atau bentuk sokongan lain, selain mengambil kira implikasi kos.

Pendekatan ini akan terus diperkemas dari semasa ke semasa agar program lebih berfokus dan memberi impak maksimum kepada rakyat.

- (b) Kerajaan Negeri Pulau Pinang komited untuk meneruskan pelaksanaan Program i-Sejahtera agar dasar kebajikan yang diperkenalkan dapat diteruskan demi memenuhi agenda kesejahteraan rakyat negeri ini. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri merancang untuk memperkenalkan Program Mempelai Emas yang akan dilaksanakan pada tahun 2027, sebagai tanda penghargaan kepada pasangan yang baru mendirikan rumah tangga di Negeri Pulau Pinang. Program ini mencerminkan komitmen Kerajaan Negeri dalam menghargai institusi kekeluargaan serta memperkukuh kesejahteraan sosial di negeri ini.
- (c) Jumlah perincian keseluruhan perbelanjaan program i-Sejahtera dari tahun 2018 hingga Oktober 2025 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

LAMPIRAN A

LAPORAN PERBELANJAAN PROGRAM I-SEJAHTERA DARI TAHUN 2018 HINGGA OKTOBER 2025

PROGRAM	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)									
	2018	2019	2020	2021	2022	2023	2024	2025 (HINGGA OKTOBER)		
PENGHARGAAN WARGA EMAS	23,132,980.00	23,945,480.00	23,584,800.00	25,992,600.00	39,686,800.00	40,438,600.00	41,048,400.00	41,963,200.00		
BANTUAN IBU TUNGGAL	1,337,400.00	795,600.00	1,032,800.00	1,067,900.00	1,109,400.00	1,096,800.00	1,074,700.00	1,063,900.00		
BANTUAN OKU	1,281,930.00	1,428,700.00	1,745,550.00	1,746,600.00	2,537,200.00	2,668,800.00	2,898,000.00	2,997,400.00		
SURI EMAS	5,942,200.00	3,620,400.00	4,426,600.00	4,537,200.00	4,746,200.00	4,584,400.00	4,509,500.00	4,421,700.00		
ANAK EMAS	1,918,600.00	1,372,400.00	1,206,600.00	564,000.00	753,400.00	1,194,200.00	1,011,800.00	770,400.00		
KHAIRAT WARGA EMAS	5,887,000.00	5,384,000.00	5,221,000.00	4,906,000.00	6,180,000.00	5,886,000.00	5,517,000.00	4,306,000.00		
KHAIRAT BANTUAN IBU TUNGGAL	44,000.00	39,000.00	21,000.00	14,000.00	15,000.00	24,000.00	14,000.00	9,000.00		
KHAIRAT BANTUAN OKU	42,000.00	29,000.00	0.00	37,000.00	134,000.00	138,000.00	171,000.00	97,000.00		
Jumlah (RM)	39,586,110.00	36,614,580.00	37,238,350.00	38,865,300.00	55,162,000.00	56,030,800.00	56,244,400.00	55,628,600.00		

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XIX)20

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SEBERANG JAYA
YB IZHAR SHAH BIN DATUK ARIF SHAH**

20. Senaraikan dengan terperinci statistik rumah-rumah ibadat yang menerima bantuan dana daripada Tabung RIBI bagi tahun 2023, 2024 dan 2025.
- (a) Nyatakan jumlah peruntukan yang diterima dan nama rumah ibadat mengikut tahun serta tujuan penggunaan dana dan dikelaskan mengikut agama, daerah dan KADUN.
 - (b) Jelaskan mekanisme pemantauan pelaksanaan projek atau perbelanjaan.

**YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

20. Senarai terperinci Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) yang menerima bantuan dana daripada Tabung RIBI dari tahun 2023 hingga 2025 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (a) Jumlah peruntukan yang diberikan adalah sebanyak RM7,466,030.00 bagi 203 buah RIBI. Maklumat terperinci adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
 - (b) Mekanisme pemantauan pelaksanaan projek atau perbelanjaan melalui beberapa fasa adalah seperti berikut:

(i) Penubuhan Jawatankuasa Penilaian

Jawatankuasa Penilaian Tabung Amanah / Peruntukan Khas RIBI telah ditubuhkan dan dianggotai oleh jabatan/agensi teknikal berkaitan termasuk jurutera dan arkitek bertauliah bagi meneliti skop permohonan projek serta sebut harga yang dikemukakan. Tujuan penubuhan jawatankuasa ini adalah untuk memastikan kesahihan setiap permohonan agar memenuhi syarat dan terma kelulusan projek;

(ii) Pemantauan Semasa Pelaksanaan Projek

Urusetia Jawatankuasa iaitu Perbadanan Harmoni Pulau Pinang (HARMONICO) akan menjalankan pemantauan berkala bagi mendapatkan perkembangan terkini projek RIBI. Pemantauan ini bertujuan memastikan setiap perbelanjaan adalah selaras dengan skop kerja yang diluluskan serta dilaksanakan dengan berhemat di samping memastikan projek siap mengikut garis masa dan spesifikasi yang telah ditetapkan; dan

(iii) Dokumentasi dan Pengesahan Akhir Projek

Pihak pengurusan RIBI dikehendaki memeterai surat perjanjian serta pengesahan penerimaan sumbangan kewangan daripada Kerajaan Negeri sebelum pelaksanaan projek. Setelah projek siap sepenuhnya, pihak pengurusan RIBI perlu mengemukakan laporan projek berserta invois perbelanjaan dan gambar projek kepada urusetia. Sekiranya perlu, lawatan tapak akan dijalankan bagi mengesahkan status sebenar pelaksanaan projek.

LAMPIRAN A**Statistik Peruntukan RIBI Tahun 2023**

No.	Nama RIBI	Agama	Daerah	KADUN	Peruntukan (RM)
Tokong Tao: RM600,000.00 (12 RIBI)					
1	Thean Hock Keong Butterworth (Kerja Penyelenggaraan)	Tokong Tao	SPU	Sungai Puyu	50,000.00
2	Jawatankuasa Rumah Berhala Leng Seng Tong Sungei Puyu Butterworth (Kerja Penyelenggaraan)	Tokong Tao	SPU	Sungai Puyu	50,000.00
3	Persatuan Penganut Rumah Berhala Datok Kong Teng Sin Hooi Butterworth (Kerja Penyelenggaraan)	Tokong Tao	SPU	Sungai Puyu	50,000.00
4	Pertubuhan Penganut Dewa Lin Yin Jalan Raja Uda Butterworth (Kerja Penyelenggaraan)	Tokong Tao	SPU	Bagan Jermal	50,000.00
5	Pertubuhan Penganut Dewa Chey Kong Wa Hood Bagan Ajam Butterworth (Kerja Pembinaan)	Tokong Tao	SPU	Bagan Jermal	50,000.00
6	Rumah Berhala Guan Yin Ting Dou Mu Gong (Kerja Penyelenggaraan)	Tokong Tao	SPU	Bagan Jermal	50,000.00
7	Persatuan Penganut Tian Long Gong Machang Bubok Bukit Mertajam (Kerja Pembinaan)	Tokong Tao	SPT	Machang Bubuk	50,000.00
8	Hock Teik Cheng Sin Temple Bukit Mertajam (Kerja Penyelenggaraan)	Tokong Tao	SPT	Padang Lalang	50,000.00
9	Rumah Berhala Thean Hor Seah Boh Nibong Tebal, Seberang Perai (Kerja Penyelenggaraan)	Tokong Tao	SPS	Sungai Acheh	50,000.00
10	Persatuan Tow Boe Keong Kew Ong Tai Tay Keong Thuah (Kerja Penyelenggaraan)	Tokong Tao	DTL	Pengkalan Kota	50,000.00

11	Persatuan Penganut Dewa Hean Beng Tnuah (Kerja Penyelenggaraan)	Tokong Tao	DTL	Pengkalan Kota	50,000.00
12	Persatuan Penganut Dewa Xi Xi Fo Tan (Kerja Penyelenggaraan)	Tokong Tao	DTL	Komtar	50,000.00
Kuil Hindu: RM499,800.00 (10 RIBI)					
13	Persatuan Penganut Dewa Sri Guru Raghavendirar Butterworth (Kerja Penyelenggaraan)	Kuil Hindu	SPU	Bagan Jermal	49,800.00
14	Pertubuhan Hare Krsna Ashram Malaysia (Kerja Pembinaan)	Kuil Hindu	SPS	Bukit Tambun	50,000.00
15	Persatuan Penganut Dewi Sri Maha Kaliamman Ladang Krian (Kerja Penyelenggaraan)	Kuil Hindu	SPS	Jawi	50,000.00
16	Jawatankuasa Pengurus Sri Ruthra Veeramuthu Maha Mariamman Devasthanam Ayer Itam (Kerja Penyelenggaraan)	Kuil Hindu	DTL	Air Putih	50,000.00
17	Kuil Ayira Vaisyar Sri Meenakshi Sundaraesvarar (Kerja Penyelenggaraan)	Kuil Hindu	DTL	Kebun Bunga	50,000.00
18	Persatuan Penganut Dewi Sri Muthu Mariamman dan Dewa Sada Muniswaran (Kerja Penyelenggaraan)	Kuil Hindu	DTL	Datok Keramat	50,000.00
19	Arulmigu Sree Sakthi Muthu Maraimman Alayam (Kerja Penyelenggaraan)	Kuil Hindu	DTL	Sungai Pinang	50,000.00
20	Jawatankuasa Pengurusan Sree Kumba Muneeswarar, Perbadanan Bekalan Air (Kerja Pembinaan)	Kuil Hindu	DTL	Sungai Pinang	50,000.00
21	Kuil Sri Veeramakaliyamman Devasthanam (Kerja Pembinaan)	Kuil Hindu	DTL	Batu Lanchang	50,000.00
22	Persatuan Penganut Dewa Arulmigu Parakkallu Sri Muniswarar (Kerja Penyelenggaraan)	Kuil Hindu	DTL	Paya Terubong	50,000.00

Gereja Kristian: RM79,470.00 (2 RIBI)					
23	Church of The Holy Name of Mary (Kerja Pembinaan)	Gereja Kristian	SPT	Machang Bubuk	50,000.00
24	Pertubuhan Penganut Kristian Jalan Fettes (Petra Baptist Church) (Kerja Penyelenggaraan)	Gereja Kristian	DTL	Tanjong Bunga	29,470.00
Lain-Lain: RM177,760.00 (4 RIBI)					
25	Ang Kongsi Seberang Perai (Ang Si Chong Soo Province Wellesley) (Kerja Penyelenggaraan)	Lain-Lain	SPU	Sungai Puyu	50,000.00
26	Persatuan Cheng Hoe Tong Seberang Perai (Kerja Penyelenggaraan)	Lain-Lain	SPS	Sungai Bakap	50,000.00
27	Saw, Khaw, Lean (Heah) Chong Shu (Ancestral Temple) (Kerja Penyelenggaraan)	Lain-Lain	DTL	Pengkalan Kota	27,760.00
28	Hokkien Kongsi Penang (Cheng Leong Keong Temple) (Kerja Penyelenggaraan)	Lain-Lain	DTL	Batu Lanchang	50,000.00
Jumlah Keseluruhan				RM1,357,030.00 (28 RIBI)	

Statistik Peruntukan RIBI Tahun 2024

No.	Nama RIBI	Agama	Daerah	KADUN	Peruntukan (RM)
Tokong Tao: RM1,730,000.00 (47 RIBI)					
1	Pertubuhan Penganut Dewa Sher Thean Tuah Sam Thye Choo Butterworth (Kerja Penyelenggaraan)	Tokong Tao	SPU	Sungai Puyu	30,000.00
2	Persatuan Penganut Dewa Tang Hai Kampung Simpah Butterworth (Kerja Penyelenggaraan)	Tokong Tao	SPU	Sungai Puyu	50,000.00
3	Pertubuhan Penganut Dewa Hong Leng Kong Kuan Kong, Jalan Ong Yi How, Butterworth (Kerja Penyelenggaraan)	Tokong Tao	SPU	Sungai Puyu	30,000.00
4	Rumah Berhala Tow Boo Kong (1985) Butterworth, Seberang Perai (Kerja Pembinaan)	Tokong Tao	SPU	Sungai Puyu	50,000.00
5	Pertubuhan Penganut Chey Kong Hwa Hood Taman Bagan Lallang, Butterworth (Kerja Penyelenggaraan)	Tokong Tao	SPU	Sungai Puyu	20,000.00
6	Persatuan Penganut-Penganut Leng Eng Keng, Butterworth (Kerja Penyelenggaraan)	Tokong Tao	SPU	Bagan Jermal	40,000.00
7	Pertubuhan Penganut Dewa Cai Bo Xing Jun Butterworth (Kerja Penyelenggaraan)	Tokong Tao	SPU	Bagan Jermal	25,000.00
8	Jawatankuasa Pengurusan Rumah Berhala Chin Koon Tai Tee (Kerja Penyelenggaraan)	Tokong Tao	SPT	Berapit	50,000.00
9	Persatuan Penganut Dewa Yap Tean Tye Tay (Kuan Tay Beow) Bukit Mertajam (Kerja Penyelenggaraan)	Tokong Tao	SPT	Berapit	25,000.00
10	Pertubuhan Penganut Dewi Xi Wang Dian, Bukit Mertajam (Kerja Pembinaan)	Tokong Tao	SPT	Padang Lalang	50,000.00

11	Pertubuhan Penganut Dewa Khiah Thean Tee Dato Keramat, Taman Kota Permai, Bukit Mertajam (Kerja Penyelenggaraan)	Tokong Tao	SPT	Padang Lalang	25,000.00
12	Persatuan Penganut Dewa Tian Long, Nibong Tebal, Pulau Pinang (Kerja Pembinaan)	Tokong Tao	SPS	Jawi	30,000.00
13	Persatuan Penganut Dewa Chin Khong Chou Soo, Sungai Bakap (Kerja Penyelenggaraan)	Tokong Tao	SPS	Sungai Bakap	35,000.00
14	Persatuan Penganut Dewa Ayam Emas, Batu Ferringhi (Kerja Pembinaan)	Tokong Tao	DTL	Tanjong Bunga	50,000.00
15	Tokong Thai Pak Koong (Ng Suk), Tanjong Tokong, Pulau Pinang (Kerja Penyelenggaraan)	Tokong Tao	DTL	Tanjong Bunga	40,000.00
16	Thean Kong Thnuah Temple (Administrated by Kong Hock Keong) (Kerja Penyelenggaraan)	Tokong Tao	DTL	Air Putih	30,000.00
17	Persatuan Penganut Dewa Fu Su Kong, Pulau Tikus, Pulau Pinang (Kerja Penyelenggaraan)	Tokong Tao	DTL	Pulau Tikus	30,000.00
18	Persatuan Hainan Pulau Pinang (Tokong Thean Hou) (Kerja Penyelenggaraan)	Tokong Tao	DTL	Padang Kota	25,000.00
19	Loo Pun Hong (Kerja Penyelenggaraan)	Tokong Tao	DTL	Padang Kota	30,000.00
20	Persatuan Penganut Dewa Tai Por Kong (Kerja Penyelenggaraan)	Tokong Tao	DTL	Pengkalan Kota	20,000.00
21	Persatuan Penganut Dewa Hean Thean Seong Tay (Kam Thean Keong) (Kerja Penyelenggaraan)	Tokong Tao	DTL	Pengkalan Kota	50,000.00
22	Pertubuhan Penganut Dewa Teong Poh Keong (Kerja Penyelenggaraan)	Tokong Tao	DTL	Pengkalan Kota	40,000.00
23	Hokkien Kongsu Penang (Seng Hong Beow Temple) (Kerja Penyelenggaraan)	Tokong Tao	DTL	Pengkalan Kota	50,000.00

24	Pertubuhan Penganut Dewa Kim Leng Tuah Pulau Pinang (Kerja Penyelenggaraan)	Tokong Tao	DTL	Pengkalan Kota	30,000.00
25	Kuil Hock Teik Seu Tua Peh Kong Caunter Hall, Jalan Terengganu (Kerja Penyelenggaraan)	Tokong Tao	DTL	Datok Keramat	40,000.00
26	Persatuan Penganut Dewa Tay Koon Tai Tay (Kerja Penyelenggaraan)	Tokong Tao	DTL	Sungai Pinang	45,000.00
27	Persatuan Penganut Leng Eng Tong, Soon, Siah, Tee, Sum Hoo Chien Sui, (Kerja Penyelenggaraan)	Tokong Tao	DTL	Sungai Pinang	30,000.00
28	Persatuan Penganut Dewa Lacha Tiong Thua Guan Shui (Kok Hean Kiong) (Kerja Kecemasan)	Tokong Tao	DTL	Sungai Pinang	30,000.00
29	Khye Sian Ong Temple (Kerja Penyelenggaraan)	Tokong Tao	DTL	Sungai Pinang	50,000.00
30	Pertubuhan Penganut Dewa Im Tnuah Soon Aun Beow Sum Ong Hoo (Kerja Penyelenggaraan)	Tokong Tao	DTL	Sungai Pinang	30,000.00
31	Pertubuhan Penganut Dewa Thean Leng Tdien Pulau Pinang (Kerja Pembinaan)	Tokong Tao	DTL	Sungai Pinang	50,000.00
32	Pertubuhan Penganut Dewa Cheng Chooi Chor Soo (Hean Leng Keong), Lorong Perak (Kerja Penyelenggaraan)	Tokong Tao	DTL	Sungai Pinang	20,000.00
33	Persatuan Pembinaan Pulau Pinang (Penang Master Builders) - Kim Tin Seah (Kerja Penyelenggaraan)	Tokong Tao	DTL	Sungai Pinang	20,000.00
34	Persatuan Penganut Dewa Seong Tay Kong (Hean Boon Suah Teong Leng Keong) (Kerja Penyelenggaraan)	Tokong Tao	DTL	Batu Lanchang	20,000.00
35	Persatuan Penganut Dewa Hean Thean Seong Tay (Hean Hoo Keong) Island Glades (Kerja Penyelenggaraan)	Tokong Tao	DTL	Seri Delima	30,000.00

36	Rumah Berhala Imm Tnuah Sum Ong Hoo Soon, Seah, Tee, Pulau Pinang (Kerja Penyelenggaraan)	Tokong Tao	DTL	Seri Delima	30,000.00
37	Persatuan Penganut Dewa Datok Kong Desa Baiduri Pulau Pinang (Kerja Penyelenggaraan)	Tokong Tao	DTL	Paya Terubong	30,000.00
38	Pertubuhan Penganut Dewa Im Hoo Lee Hoo Boon Cheong Pek (Hock Cheong Tnuah) Pulau Pinang (Kerja Penyelenggaraan)	Tokong Tao	DTL	Paya Terubong	30,000.00
39	Persatuan Penganut Dewa Koay Seng Ong (Kerja Pembinaan)	Tokong Tao	DTL	Batu Uban	50,000.00
40	Persatuan Penganut Dewa Tai Hoo Tian Tua Gee Ya Peh (Kerja Pembinaan)	Tokong Tao	DTL	Batu Uban	50,000.00
41	Persatuan Penganut Dewa Tai Seong Keong (Kerja Pembinaan)	Tokong Tao	DTL	Batu Uban	50,000.00
42	Persatuan Dewa Hean Poh Tean (Kerja Pembinaan)	Tokong Tao	DTL	Batu Uban	50,000.00
43	Persatuan Penganut Chi Yin Guan Dou Mu Gong (Kerja Pembinaan)	Tokong Tao	DTL	Batu Uban	50,000.00
44	Pertubuhan Perayaan Yee Lan Seng Hooi Taman Bukit Jambul Pulau Pinang (Kerja Penyelenggaraan)	Tokong Tao	DTL	Batu Uban	50,000.00
45	Persatuan Penganut Dewa Tian Her Yuan Shuay Jiow Shyn Tarn (Kerja Pembinaan)	Tokong Tao	DBD	Batu Maung	50,000.00
46	Persatuan Penganut Dewa Lam Sun Shih Pulau Pinang (Kerja Penyelenggaraan)	Tokong Tao	DBD	Bayan Lepas	30,000.00
47	Siu Chin Ee Board of Trustees (Kerja Penyelenggaraan)	Tokong Tao	DBD	Telok Bahang	40,000.00

Tokong Buddha: RM330,000.00 (8 RIBI)					
48	Persatuan Penganut Buddha Phothicarentham Sungai Puyu (Kerja Penyelenggaraan)	Tokong Buddha	SPU	Sungai Puyu	30,000.00
49	Pertubuhan Penganut Ugama Buddha Butterworth Pulau Pinang (Butterworth Lay Buddhist Society) (Kerja Pembinaan)	Tokong Buddha	SPU	Bagan Jermal	50,000.00
50	Rumah Berhala Ku Cheng Tse Butterworth, Seberang Perai (Kerja Penyelenggaraan)	Tokong Buddha	SPT	Seberang Jaya	40,000.00
51	Persatuan Ugama Buddha Kubang Semang, Seberang Perai (Kerja Pembinaan)	Tokong Buddha	SPT	Permatang Pasir	50,000.00
52	Persatuan Ugama Buddha Seberang Perai Tengah, Bukit Mertajam (Kerja Penyelenggaraan)	Tokong Buddha	SPT	Berapit	30,000.00
53	Persatuan Penganut Buddha Shing Chee Tong, Bukit Mertajam (Kerja Pembinaan)	Tokong Buddha	SPT	Berapit	50,000.00
54	Persatuan Penganut Buddhist Kuan Im Pulau Pinang (Kerja Penyelenggaraan)	Tokong Buddha	DTL	Padang Kota	30,000.00
55	Persatuan Buddhist Malaysia Cawangan Pulau Pinang (Kerja Penyelenggaraan)	Tokong Buddha	DTL	Air Itam	50,000.00
Kuil Hindu: RM780,000.00 (20 RIBI)					
56	Rumah Berhala Sri Muneeswaraswami Devasthanam (Kerja Penyelenggaraan)	Kuil Hindu	SPU	Telok Air Tawar	50,000.00
57	Rumah Berhala Sri Muthu Mariamman Sungai Puyu Butterworth, Seberang Perai (Kerja Pembinaan)	Kuil Hindu	SPU	Sungai Puyu	40,000.00
58	Persatuan Penganut Dewa Sri Bala Murugan, Bandar Seberang Jaya (Kerja Penyelenggaraan)	Kuil Hindu	SPT	Seberang Jaya	40,000.00

59	Pertubuhan Kesedaran Krishna Antarabangsa Seksi Malaysia (ISKCON Seberang Jaya) (Kerja Penyelenggaraan)	Kuil Hindu	SPT	Seberang Jaya	40,000.00
60	Persatuan Pengurusan Kuil Sungurumbai Natukottai Chettiars Sri Thandayuthapani, Bukit Mertajam (Kerja Penyelenggaraan)	Kuil Hindu	SPT	Padang Lalang	50,000.00
61	Persatuan Kebajikan Sabarimala Sri Ayappan Sevashram (Kerja Penyelenggaraan)	Kuil Hindu	SPT	Perai	50,000.00
62	Persatuan Kebajikan Shri Amman Seberang Perai (Kerja Penyelenggaraan)	Kuil Hindu	SPT	Perai	40,000.00
63	Kuil Sri Selva Vinayagar Hindu Paripalana Devasthanam, Perai (Kerja Penyelenggaraan)	Kuil Hindu	SPT	Perai	20,000.00
64	Kuil Sri Ganesh Sungai Bakap (Kerja Pembinaan)	Kuil Hindu	SPS	Bukit Tambun	50,000.00
65	Persatuan Penganut Dewa Sri Maha Muthalamman, Simpang Ampat (Kerja Penyelenggaraan)	Kuil Hindu	SPS	Bukit Tambun	30,000.00
66	Kuil Sri Thirumurugan / Kuil Aruloli Thirumurugan Bukit Bendera (Kerja Penyelenggaraan)	Kuil Hindu	DTL	Air Putih	30,000.00
67	Persatuan Penganut Devi Sri Maha Kaliamma Jalan Batu Gantong (Kerja Pembinaan)	Kuil Hindu	DTL	Kebun Bunga	30,000.00
68	Persatuan Penganut Dewa Sri Maha Sakthi Muneeswarar Sri Jaibhavani Sri Ayyapan Swami Devasthanam (Kerja Penyelenggaraan)	Kuil Hindu	DTL	Pengkalan Kota	35,000.00
69	Rumah Berhala Arulmiga Kamatchi Amman Devasthanam Pulau Pinang (Kerja Pembinaan)	Kuil Hindu	DTL	Komtar	50,000.00
70	Kuil Sri Ramar, Solok York, Pulau Pinang (Kerja Penyelenggaraan)	Kuil Hindu	DTL	Datok Keramat	50,000.00

71	Persatuan Penganut Dewa Sri Muneesvara (Kerja Pembinaan)	Kuil Hindu	DTL	Batu Uban	50,000.00
72	Koil Sree Krishna Bahavan Sungai Dua, Pulau Pinang (Kerja Penyelenggaraan)	Kuil Hindu	DTL	Batu Uban	20,000.00
73	Persatuan Penganut Dewi Sri Veeramuthu Maha Mariamman Bayan Lepas, Pulau Pinang (Kerja Penyelenggaraan)	Kuil Hindu	DBD	Batu Maung	30,000.00
74	Persatuan Penganut Dewa Sri Madurai Veeran Swamy Kolam Ikan, Bayan Lepas (Kerja Penyelenggaraan)	Kuil Hindu	DBD	Bayan Lepas	25,000.00
75	Persatuan Penganut Kuil Sri Singamuga Kaliamman, Telok Bahang (Kerja Penyelenggaraan)	Kuil Hindu	DBD	Telok Bahang	50,000.00
Gereja Kristian: RM374,000.00 (11 RIBI)					
76	FGA Church, Prai (Kerja Pembinaan)	Gereja Kristian	SPU	Bagan Jermal	50,000.00
77	Church of The Nativity of The Blessed Virgin Mary Butterworth, Pulau Pinang (Kerja Penyelenggaraan)	Gereja Kristian	SPU	Bagan Dalam	50,000.00
78	Gereja St. Mark Butterworth (Anglican) Pulau Pinang (Kerja Penyelenggaraan)	Gereja Kristian	SPU	Bagan Dalam	50,000.00
79	Church of Sts. Jacques Chastan & Laurent Imbert Perai, Pulau Pinang (Kerja Penyelenggaraan)	Gereja Kristian	SPT	Perai	25,000.00
80	Tamil Methodist Church Prai (Kerja Penyelenggaraan)	Gereja Kristian	SPT	Perai	30,000.00
81	St. Andrew's Presbyterian Church Penang (Kerja Penyelenggaraan)	Gereja Kristian	DTL	Pulau Tikus	20,000.00
82	Penang Seventh-Day Adventist Church (Kerja Penyelenggaraan)	Gereja Kristian	DTL	Padang Kota	14,000.00

83	The Synod of the Diocese of West Malaysia St. George's Church (Parish of St. George the Martyr) (Kerja Penyelenggaraan)	Gereja Kristian	DTL	Padang Kota	40,000.00
84	The Synod Diocese of West Malaysia, The Church of The Good Shepherd Penang (Kerja Penyelenggaraan)	Gereja Kristian	DTL	Sungai Pinang	25,000.00
85	Risen Christ Catholic Church (Kerja Penyelenggaraan)	Gereja Kristian	DTL	Air Itam	30,000.00
86	Church of Divine Mercy, Sungai Ara (Kerja Penyelenggaraan)	Gereja Kristian	DBD	Batu Maung	40,000.00
Lain-Lain: RM400,000.00 (11 RIBI)					
87	Persatuan Pendidikan Ahlak Che Wee Khor Butterworth, Seberang Perai (Kerja Pembinaan)	Lain-Lain	SPU	Bagan Jermal	50,000.00
88	Lim See Sai Hoe Tong P.W. (Kerja Pembinaan)	Lain-Lain	SPU	Bagan Dalam	50,000.00
89	Pertubuhan Penganut Dewa Chee Cheng Kor, Kampung Paya, Bukit Mertajam (Kerja Pembinaan)	Lain-Lain	SPT	Permatang Pasir	50,000.00
90	Pertubuhan Tek Chiao Tze Ch'ih Bukit Mertajam (Kerja Penyelenggaraan)	Lain-Lain	SPT	Berapit	30,000.00
91	Persatuan Loong Sun Tong Malaysia (Utara) (Loong Sun Tong Association Northern Malaysia) (Kerja Penyelenggaraan)	Lain-Lain	SPT	Machang Bubuk	30,000.00
92	Persatuan Amal Chee San Kok Sungai Bakap Pulau Pinang (Chee San Kok Charity Uplifting Society Sungai Bakap) (Kerja Pembinaan)	Lain-Lain	SPS	Bukit Tambun	30,000.00
93	Saw Khaw Lean (Heah) Chong Shu of Malaysia (Kerja Pembinaan)	Lain-Lain	DTL	Padang Kota	50,000.00

94	Pertubuhan Tan Si Chong Ghee Seah (Tan Si Chong Ghee Seah Penang) (Kerja Pembinaan)	Lain-Lain	DTL	Pengkalan Kota	50,000.00
95	Persatuan Keturunan Lim Si Teong How Tong Pulau Pinang (Kerja Penyelenggaraan)	Lain-Lain	DTL	Pengkalan Kota	20,000.00
96	Persatuan Teong Guan Pulau Pinang (The Teong Guan Association) (Kerja Penyelenggaraan)	Lain-Lain	DTL	Batu Lanchang	20,000.00
97	Vihara Boonraksa, Balik Pulau (Pertubuhan Buddhis Bersatu Pulau Pinang - UBOP) (Kerja Penyelenggaraan)	Lain-Lain	DBD	Pulau Betong	20,000.00
Jumlah Keseluruhan					RM3,614,000.00 (97 RIBI)

Statistik Peruntukan RIBI Tahun 2025

No.	Nama RIBI	Agama	Daerah	KADUN	Peruntukan (RM)
Tokong Tao: RM950,000.00 (29 RIBI)					
1	Pertubuhan Penganut Dewa Bei Ji X'ian Shang Tey (Bei Di Miao) Butterworth, Pulau Pinang (Kerja Penyelenggaraan)	Tokong Tao	SPU	Bagan Jermal	20,000.00
2	Pertubuhan Penganut Dewa Kuan San Gong Ang Hai Gi Butterworth, Pulau Pinang (Kerja Pembinaan)	Tokong Tao	SPU	Bagan Jermal	50,000.00
3	Pertubuhan Penganut Dewa Yin Fu Dian Dai Er Yer Bo Butterworth, Pulau Pinang (Kerja Pembinaan)	Tokong Tao	SPU	Bagan Jermal	50,000.00
4	Pertubuhan Penganut Dewa Pek Kong Biao, Taman Kerapu, Butterworth, Pulau Pinang (Kerja Penyelenggaraan)	Tokong Tao	SPU	Bagan Jermal	30,000.00
5	Pertubuhan Penganut Qian Shou Qian Yan Kuan Butterworth (Kerja Pembinaan)	Tokong Tao	SPU	Bagan Dalam	50,000.00
6	Pertubuhan Penganut Dewa Lam Then Keon Cher Kong Wa Hood Butterworth (Kerja Penyelenggaraan)	Tokong Tao	SPU	Bagan Dalam	35,000.00
7	Pertubuhan Penganut Dewa Soo Hu, Telok Wang, Bukit Mertajam (Kerja Penyelenggaraan)	Tokong Tao	SPT	Penanti	20,000.00
8	Pertubuhan Penganut Dewa Chin Kong Kar Guan Nam Tua Bukit Mertajam (Kerja Penyelenggaraan)	Tokong Tao	SPT	Berapit	20,000.00
9	Persatuan Perayaan Teong Guan Kota Permai Bukit Mertajam Seberang Perai, Pulau Pinang (Kerja Penyelenggaraan)	Tokong Tao	SPT	Padang Lalang	20,000.00

10	Pertubuhan Penganut Dewa Hock Teik Kong, Taman Chai Leng, Perai, Butterworth (Kerja Penyelenggaraan)	Tokong Tao	SPT	Perai	20,000.00
11	Persatuan Penganut Dewa Tua Pek Kong, Taman Simpang Ampat, Simpang, Seberang Perai Selatan (Kerja Penyelenggaraan)	Tokong Tao	SPS	Bukit Tambun	50,000.00
12	Pertubuhan Penganut Dewa Chee Kong, Kampong Valdor, Sungai Bakap, Seberang Perai Selatan (Kerja Penyelenggaraan)	Tokong Tao	SPS	Bukit Tambun	30,000.00
13	Pertubuhan Pengurusan Rumah Berhala Ban See Ang Batu Kawan Pulau Pinang (Kerja Penyelenggaraan)	Tokong Tao	SPS	Bukit Tambun	30,000.00
14	Rumah Berhala Hock Teik See Sungai Bakap Seberang Perai Selatan (Kerja Penyelenggaraan)	Tokong Tao	SPS	Sungai Bakap	30,000.00
15	Persatuan Penganut Dewa Chee Kong (Fu Ji Gong) Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang (Kerja Penyelenggaraan)	Tokong Tao	SPS	Sungai Bakap	30,000.00
16	Persatuan Penganut Agama Taoist Chan Hua Tua Pulau Pinang (Penang Chan Hua Tua Taoist Devotees Association) (Kerja Pembinaan)	Tokong Tao	DTL	Tanjong Bunga	50,000.00
17	Persatuan Penganut Dewa Tua Peh Kong, Air Itam Dam Pulau Pinang (Kerja Penyelenggaraan)	Tokong Tao	DTL	Air Putih	20,000.00
18	Tokong Thai Pak Koong (Ng Suk), Tanjong Tokong, Pulau Pinang (Lebuh King) (Kerja Penyelenggaraan)	Tokong Tao	DTL	Padang Kota	30,000.00
19	Persatuan Penganut Suah Hai Ing Yang Tian Georgetown, Pulau Pinang (Kerja Penyelenggaraan)	Tokong Tao	DTL	Pengkalan Kota	30,000.00

20	Persatuan Penganut Agama Buddha HongKong Street Tow Boh Keong, Penang (The Buddhist Followers of HongKong Street Tow Boh Keong, Penang) (Kerja Penyelenggaraan)	Tokong Tao	DTL	Komtar	50,000.00
21	Pertubuhan Penganut Dewa Tiong Sim Thnuah, Pulau Pinang (Kerja Penyelenggaraan)	Tokong Tao	DTL	Komtar	50,000.00
22	Pertubuhan Penganut Dewa Goh Tai Tay Pulau Pinang (Kerja Penyelenggaraan)	Tokong Tao	DTL	Komtar	40,000.00
23	Pertubuhan Penganut Dewa Tai Seng Yeah (Qi Tian Gong) Pulau Pinang (Kerja Penyelenggaraan)	Tokong Tao	DTL	Datok Keramat	25,000.00
24	Persatuan Penganut Kim An Hok Keong Pulau Pinang (Kerja Penyelenggaraan)	Tokong Tao	DTL	Paya Terubong	20,000.00
25	Persatuan Penganut Tokong Tek Seng Kim Sua Peh Kong Pulau Pinang (Kerja Penyelenggaraan)	Tokong Tao	DTL	Paya Terubong	25,000.00
26	Pertubuhan Penganut Dewa Chek Poh Keong Pulau Pinang (Kerja Penyelenggaraan)	Tokong Tao	DTL	Paya Terubong	10,000.00
27	Persatuan Penganut Dewa Tok Pek Kong Kwang Tung dan Teng Chow, Bayan Lepas, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang (Kerja Penyelenggaraan)	Tokong Tao	DBD	Bayan Lepas	25,000.00
28	Persatuan Penganut Dewa Cheng Choo See, Bayan Lepas, Pulau Pinang (Kerja Pembinaan)	Tokong Tao	DBD	Bayan Lepas	50,000.00
29	Persatuan Hokkien Balik Pulau Pulau Pinang (Hokkien Kong Hoay Balik Pulau Pulau Pinang) - Choo San See Temple (Kerja Penyelenggaraan)	Tokong Tao	DBD	Pulau Betong	40,000.00

Tokong Buddha: RM220,000.00 (7 RIBI)					
30	Pertubuhan Penganut Dewi Thye On Foot Thong, Kampung Aston, Bukit Mertajam (Kerja Penyelenggaraan)	Tokong Buddha	SPT	Berapit	40,000.00
31	Pertubuhan Agama Buddha Tantrayana Chen Foh Chong Thean Sien Leizangsi, Bukit Mertajam (Kerja Penyelenggaraan)	Tokong Buddha	SPT	Machang Bubuk	30,000.00
32	Persatuan Penganut Agama Da Yuan Fo Thang Pulau Pinang (Kerja Penyelenggaraan)	Tokong Buddha	DTL	Padang Kota	50,000.00
33	Pertubuhan Buddhis Keat Sun Yuen, Pulau Pinang (Kerja Penyelenggaraan)	Tokong Buddha	DTL	Air Putih	20,000.00
34	Pertubuhan Penganut Buddhist Kong Teik Lim (Kerja Penyelenggaraan)	Tokong Buddha	DTL	Pulau Tikus	30,000.00
35	Sang Kheng Si Temple (Kerja Penyelenggaraan)	Tokong Buddha	DTL	Komtar	20,000.00
36	Persatuan Perkembangan Ajaran Dewi Kuan Yin Malaysia (Cawangan Pulau Pinang) (Kerja Penyelenggaraan)	Tokong Buddha	DTL	Datok Keramat	30,000.00
Kuil Hindu: RM590,000.00 (15 RIBI)					
37	Persatuan Binaan Rumah Berhala Sri Murugan Paribalana Avai Kampong Bahru Mak Mandin Seberang Perai (Kerja Penyelenggaraan)	Kuil Hindu	SPU	Bagan Jermal	40,000.00
38	Persatuan Penganut Sri Maha Kaliamman, Butterworth, Pulau Pinang (Kerja Pembinaan)	Kuil Hindu	SPU	Bagan Jermal	40,000.00
39	Persatuan Penganut Dewi Arulmigu Sree Veera Pathira Kaliamman Taman Sukaria, Mak Mandin, Butterworth, Pulau Pinang (Kerja Pembinaan)	Kuil Hindu	SPU	Bagan Jermal	50,000.00

40	Kuil Sri Muniswaran, Pejabat Kesihatan Seberang Perai Utara (Kerja Pembinaan)	Kuil Hindu	SPU	Bagan Dalam	50,000.00
41	Persatuan Penganut Dewi Sri Nagakanni Amman, Kampung Sungai Nyior, Butterworth, Pulau Pinang (Kerja Pembinaan)	Kuil Hindu	SPU	Bagan Dalam	50,000.00
42	Persatuan Penganut Sri Akni Muniswarar Taman Perwira Permatang Tinggi Seberang Perai Tengah (Kerja Penyelenggaraan)	Kuil Hindu	SPT	Bukit Tengah	50,000.00
43	Pertubuhan Pengikut Kuil Sri Kalikaambal Taman Inderawasih Prai, Seberang Perai Tengah (Kerja Penyelenggaraan)	Kuil Hindu	SPT	Perai	25,000.00
44	Persatuan Penganut Dewa Sree Mahadevi Karumariamman, Taman Mangga, Bukit Mertajam, Pulau Pinang (Kerja Penyelenggaraan)	Kuil Hindu	SPT	Bukit Tengah	15,000.00
45	Jawatankuasa Pengurusan Kuil Dewi Sri Maha Mariamman Ladang Jawi, Sungai Jawi, Pulau Pinang (Kerja Pembinaan)	Kuil Hindu	SPS	Jawi	50,000.00
46	Persatuan Penganut Dewi Sri Mahamariamman Ladang Simpang, Simpang Ampat, Seberang Perai Selatan (Kerja Penyelenggaraan)	Kuil Hindu	SPS	Sungai Bakap	30,000.00
47	Persatuan Penganut Dewa Sri Maha Mariamman, Tanjong Bungah, Pulau Pinang (Kerja Penyelenggaraan)	Kuil Hindu	DTL	Tanjong Bunga	40,000.00
48	Jawatankuasa Pengurusan Thanneermalai Shree Balathandayuthapani Devasthanam (Kuil Arulmigu Sree Ganeshar) (Kerja Pembinaan)	Kuil Hindu	DTL	Kebun Bunga	50,000.00

49	Persatuan Penganut Dewa Sri Dharma Muniswarar Alayam, Jalan S.P. Chelliah Georgetown (Kerja Penyelenggaraan)	Kuil Hindu	DTL	Komtar	30,000.00
50	Persatuan Penganut Dewi Sri Karumari Amman Farlim, Georgetown, Pulau Pinang (Kerja Pembinaan)	Kuil Hindu	DTL	Paya Terubong	50,000.00
51	Jawatankuasa Pengurus Kuil Sri Veera Kaliamman Sungai Nibong Pulau Pinang (Kerja Penyelenggaraan)	Kuil Hindu	DBD	Batu Uban	40,000.00
Gereja Kristian: RM380,000.00 (14 RIBI)					
52	City Breakthrough Church Assembly of God (Kerja Penyelenggaraan)	Gereja Kristian	SPS	Seberang Jaya	30,000.00
53	Seventh-Day Adventist Bukit Mertajam (Seventh-Day Adventist Corporation (Malaysia) Bhd (Kerja Penyelenggaraan)	Gereja Kristian	SPT	Berapit	10,000.00
54	Pertubuhan Penganut Kristian Baptist Bukit Mertajam Pulau Pinang (Kerja Penyelenggaraan)	Gereja Kristian	SPT	Padang Lalang	30,000.00
55	Chapel of St. Mary Magdalene (Bawah Seliaan Church of Holy Name of Mary, Permatang Tinggi) (Kerja Penyelenggaraan)	Gereja Kristian		Machang Bubuk	30,000.00
56	Holy Trinity Church, Nibong Tebal (The Synod of The Diocese of West Malaysia) (Kerja Penyelenggaraan)	Gereja Kristian	SPS	Jawi	40,000.00
57	Penang Cantonese Methodist Church (Kerja Penyelenggaraan)	Gereja Kristian	DTL	Pulau Tikus	25,000.00
58	Church of Our Lady of Sorrow (Kerja Penyelenggaraan)	Gereja Kristian	DTL	Komtar	25,000.00
59	Church of St. John Britto (Kerja Penyelenggaraan)	Gereja Kristian	DTL	Datok Keramat	10,000.00

60	Victory Lutheran Congregation Church Gereja Evangelical Lutheran Malaysia (Evangelical Lutheran Church in Malaysia) (Kerja Penyelenggaraan)	Gereja Kristian	DTL	Seri Delima	30,000.00
61	Persatuan Wanita Keristian Pulau Pinang (Young Women's Christian Association of The State of Penang) (Kerja Penyelenggaraan)	Gereja Kristian	DTL	Air Itam	30,000.00
62	Air Itam Chinese Methodist Church (Kerja Penyelenggaraan)	Gereja Kristian	DTL	Air Itam	40,000.00
63	Pertubuhan Baptist Permata Bandar Baru Ayer Itam, Pulau Pinang (Kerja Pembinaan)	Gereja Kristian	DTL	Paya Terubong	50,000.00
64	Sungai Ara Christian Centre (Kerja Penyelenggaraan)	Gereja Kristian	DBD	Batu Maung	10,000.00
65	Emmanuel Harvest Centre, Sg Ara, Penang (The Synod of The Diocese of West Malaysia) (Kerja Penyelenggaraan)	Gereja Kristian	DBD	Bayan Lepas	20,000.00
Gurdwara Sikh: RM80,000.00 (2 RIBI)					
66	Persatuan Wadda Gurdwara Sahib, Pulau Pinang (Wadda Gurdwara Sahib Society, Penang) (Kerja Pembinaan)	Gurdwara	DTL	Komtar	50,000.00
67	Persatuan Gurdwara Sahib Bayan Baru, Pulau Pinang (Gurdwara Sahib Bayan Baru, Penang) (Kerja Pembinaan)	Gurdwara	DBD	Batu Maung	30,000.00
Lain-Lain: RM275,000.00 (11 RIBI)					
68	Persatuan Pendidikan Akhlak Ji Ci Shan She Butterworth, Pulau Pinang (Ji Ci Shan She Moral Up-Lifting Society Butterworth, Penang) (Kerja Penyelenggaraan)	Lain-Lain	SPU	Bagan Dalam	30,000.00

69	Pertubuhan Penganut Chin Ing Kok Butterworth Seberang Perai (Kerja Penyelenggaraan)	Lain-Lain	SPT	Perai	25,000.00
70	Persatuan Keturunan Lim Shee Chong Cheng Hui Perai (Kerja Penyelenggaraan)	Lain-Lain	SPT	Perai	20,000.00
71	Persatuan Pendidikan Moral Chin Sheng Kok Perkampungan Permatang Tinggi Seberang Perai Tengah (Kerja Penyelenggaraan)	Lain-Lain	SPT	Bukit Tengah	20,000.00
72	Tong On Wooi Koon, Penang (Kerja Penyelenggaraan)	Lain-Lain	DTL	Padang Kota	30,000.00
73	Ng Fook Thong Cantonese Districts Association Penang (Kerja Penyelenggaraan)	Lain-Lain	DTL	Padang Kota	30,000.00
74	Penang Goldsmiths Association (Ta Kam Hong) (Kerja Pembinaan)	Lain-Lain	DTL	Padang Kota	30,000.00
75	Pertubuhan Ong Si Geok Pan Pulau Pinang (Kerja Penyelenggaraan)	Lain-Lain	DTL	Padang Kota	20,000.00
76	Trustees of Boon San Tong Khoo Kongsi (Penang) (Kerja Penyelenggaraan)	Lain-Lain	DTL	Pengkalan Kota	20,000.00
77	Lum Yeong Tong Yap Temple Penang (Kerja Penyelenggaraan)	Lain-Lain	DTL	Komtar	30,000.00
78	Persatuan Keturunan Looi Fong Khong Chung Tzu Su Goon Tong Pulau Pinang (Kerja Penyelenggaraan)	Lain-Laini	DTL	Padang Kota	20,000.00
Jumlah Keseluruhan				RM2,495,000.00 (78 RIBI)	

Statistik Peruntukan RIBI Tahun 2023, 2024, 2025 (Secara Keseluruhan)

Tahun	Jumlah RIBI	Jumlah Kelulusan
Tahun 2023	28	RM1,357,030.00
Tahun 2024	97	RM3,614,000.00
Tahun 2025	78	RM2,495,000.00
Jumlah Keseluruhan	203	RM7,466,030.00

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XIX)21

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SEBERANG JAYA
YB IZHAR SHAH BIN DATUK ARIF SHAH**

21. Senaraikan pertubuhan belia yang menerima Dana Pembangunan Belia melalui PYDC pada tahun 2023, 2024 dan 2025.
- (a) Perincikan nama pertubuhan, program atau inisiatif yang dijalankan, jumlah penglibatan peserta, tarikh serta lokasi pelaksanaan.
 - (b) Nyatakan jumlah dana yang diterima bagi setiap pertubuhan.
 - (c) Jelaskan kriteria pemilihan penerima dana tersebut.

YB GOOI ZI SEN

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

21. Dana Pembangunan Belia merupakan dana yang diperuntukkan di bawah inisiatif MMK Belia, Sukan dan Kesihatan Negeri Pulau Pinang sejak tahun 2024 bertujuan untuk dipohon oleh pertubuhan-pertubuhan belia yang berdaftar di bawah Pendaftaran Pertubuhan Belia (ROY) atau sayap pemuda persatuan-persatuan yang berdaftar di bawah Pendaftaran Pertubuhan (ROS) atau persatuan yang berdaftar di bawah Akta Parlimen untuk menganjurkan program pembangunan yang berobjektifkan aspek seperti kemahiran, kebolehpasaran, kesukarelawan, berpersatuan, kepimpinan, atau program pengiktirafan dan penganugerahan.

Data pertubuhan belia yang menerima Dana Pembangunan Belia melalui Penang Youth Development Corporation (PYDC) pada tahun 2024 dan 2025 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

- (a) Data bagi nama pertubuhan, program atau inisiatif yang dijalankan, jumlah penglibatan peserta, tarikh serta lokasi pelaksanaan adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (b) Jumlah peruntukan yang disalurkan dan dana yang diterima oleh pertubuhan adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (c) Kriteria bagi pemilihan persatuan atau pertubuhan belia yang layak adalah seperti berikut:
 - (i) Permohonan dikemukakan oleh pertubuhan-pertubuhan belia yang berdaftar di bawah ROY atau sayap pemuda persatuan-persatuan yang berdaftar di bawah ROS atau persatuan yang berdaftar di bawah Akta Parlimen;
 - (ii) Pertubuhan atau persatuan yang beralamat di Negeri Pulau Pinang;
 - (iii) Program-program yang dianjurkan menyasarkan kepada golongan yang berumur dari 15 hingga 35 tahun dan berasal atau bermastautin di Negeri Pulau Pinang;
 - (iv) Program-program yang dianjurkan berobjektifkan kemahiran, kebolehpasaran, kesukarelawanan, berpersatuan, kepimpinan, program pengiktirafan atau penganugerahan; dan
 - (v) Program-program berbentuk sukan adalah tidak dipertimbangkan.

Dana Pembangunan Belia 2024

NO	NAMA PROGRAM	PERTUBUHAN	TARIKH PROGRAM	TEMPAT	BIL. PESERTA	AMAUN DANA
1	Kern Agama Buddha "Step Out, Get Moving"	Persatuan Belia Buddhist Malaysia Negeri Pulau Pinang	12 April – 14 April 2024	Sekolah Menengah Phor Tay, Pulau Pinang	157	RM6,000.00
2	Pertandingan Perbahasan Bahasa Cina Sekolah Menengah Daerah Seberang Perai ke-17	Persatuan Hokkien Seberang Perai	20 April & 20 Mei 2024	IPK College, Pulau Pinang	63	RM6,000.00
3	Gotong Royong Muafakat Belia	Gerakan Belia 4B Kawasan Tasek Gelugor	18 Mei 2024	SK Padang Menora	100	RM1,500.00
4	JCI Malaysia Area North Convention	JCI Malaysia Area North/ JCI Entrepreneur Metropolitan	18 Mei 2024	Royale Chulan Hotel	281	RM2,000.00
5	Perkampungan Menara Gading Zon Utara (PMGU)	Persatuan Pembimbing Belia Islam Pulau Mutiara	31 Mei 2024 - 2 Jun 2024	Dewan Pembangunan Mahasiswa (PUMA), Kampus Kejuruteraan, USM	227	RM3,000.00
6	Pesta Kebudayaan Perayaan Perahu Naga.	Pertubuhan Gerakan Belia Bersatu Malaysia (GBBM) Negeri Pulau Pinang	8 & 9 Jun 2024	Sia Boey Urban Archaeological Park	2000	RM2,000.00
7	Program Team Building	JCI Bayan	29 Jun 2024	White Resort Balik Pulau, Pulau Pinang	23	RM3,000.00
8	Program Sirippom Sinthippom 4.0	Majlis Belia India Malaysia (MIYC), Cawangan Mccallum Pulau Pinang	30 Jun 2024	Biik Zamrud 4, Kompleks Belia dan Sukan, Penang	19	RM2,500.00

Dana Pembangunan Belia 2024

NO	NAMA PROGRAM	PERTUBUHAN	TARIKH PROGRAM	TEMPAT	BIL. PESERTA	AMAUN DANA
1	Kem Agama Buddha "Step Out, Get Moving"	Persatuan Belia Buddhist Malaysia Negeri Pulau Pinang	12 April – 14 April 2024	Sekolah Menengah Phor Tay, Pulau Pinang	157	RM6,000.00
2	Pertandingan Perbahasan Bahasa Cina Sekolah Menengah Daerah Seberang Perai ke-17	Persatuan Hokkien Seberang Perai	20 April & 20 Mei 2024	IPK College, Pulau Pinang	63	RM6,000.00
3	Gotong Royong Muafakat Belia	Gerakan Belia 4B Kawasan Tasek Gelugor	18 Mei 2024	SK Padang Menora	100	RM1,500.00
4	JCI Malaysia Area North Convention	JCI Malaysia Area North/ JCI Entrepreneur Metropolitan	18 Mei 2024	Royale Chulan Hotel	281	RM2,000.00
5	Perkampungan Menara Gading Zon Utara (PMGU)	Persatuan Pembimbing Belia Islam Pulau Mutiara	31 Mei 2024 - 2 Jun 2024	Dewan Pembangunan Mahasiswa (PUMA), Kampus Kejuruteraan, USM	227	RM3,000.00
6	Pesta Kebudayaan Perayaan Perahu Naga.	Pertubuhan Gerakan Belia Bersatu Malaysia (GBBM) Negeri Pulau Pinang	8 & 9 Jun 2024	Sia Boey Urban Archaeological Park	2000	RM2,000.00
7	Program Team Building	JCI Bayan	29 Jun 2024	White Resort Balik Pulau, Pulau Pinang	23	RM3,000.00
8	Program Sirippom Sinthippom 4.0	Majlis Belia India Malaysia (MIYC), Cawangan Mccallum Pulau Pinang	30 Jun 2024	Bilik Zamrud 4, Kompleks Belia dan Sukan, Penang	19	RM2,500.00

NO	NAMA PROGRAM	PERTUBUHAN	TARIKH PROGRAM	TEMPAT	BIL. PESERTA	AMAUN DANA
9	Program Perkhemahan Jati Diri dan Kepimpinan Belia 2024	Gerakan 4B Kawasan Tanjung	1 & 2 Jun 2024	Pantai Kerachut	75	RM1,000.00
10	"B.U.D.D.Y"	Pertubuhan Pembangunan Wanita Tamarai Pulau Pinang	2 Jun 2024	Seluruh Pulau Pinang	18	RM2,000.00
11	"Ayuh Belia Banteras Aedes 2024"	Gerakan Belia 4B Kawasan Bukit Mertajam	1-2 Jun 2024	Sekitar kawasan Bukit Mertajam	47	RM3,000.00
12	Kepimpinan dan Peranan Belia Dalam Menjadikan Malaysia Sebuah Negara Maju'	Pertubuhan Sejahtera Anak Malaysia (PERSAMA)	29 Jun 2024	Padang Awam, Taman Seri Menerong	1500	RM2,000.00
13	Jelajah Selangkah Ke Universiti	Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS)	6 Julai 2024	Sekolah Terpilih Sekitar Pulau Pinang	165	RM3,300.00
14	Kursus Asas Pertubuhan Belia dan Pengukuhan Pasukan Kepimpinan MAYC Pulau Pinang 2024	Persatuan Kelab Kelab Belia Malaysia Negeri Pulau Pinang (MAYC)	13-14 Julai 2024	White Resort Camp Balik Pulau, Pulau Pinang	40	RM8,000.00
15	Program Karnival Pendekar Pulau Pinang	Persekutuan Pengakap Malaysia Daerah Butterworth	26 Oktober 2024	Padang Awam Kuala Muda, Penaga SPU	20	RM2,000.00
16	Kem Kemahiran Pengakap Daerah Butterworth 2024	JCI Nibong Tebal	19-21 Julai 2024	SMK Teluk Air Tawar	100	RM2,500.00
17	Penang Terraforming Mars Competition 2024	Junior Chamber International (JCI) Butterworth City (Malaysia)	27 Julai 2024	Megamall Pinang's Main Concourse	33	RM1,200.00
18	Ten Outstanding Penang Youth 2024		27 Julai 2024	The Ship Campus, Batu Kawan	397	RM5,000.00

NO	NAMA PROGRAM	PERTUBUHAN	TARIKH PROGRAM	TEMPAT	BIL. PESERTA	AMAUN DANA
19	Kem Kepimpinan Intelektual Belia Bayan Baru 2024	Gerakan 4B Belia Kawasan Bayan Baru	28 Julai 2024	Kem White Resort, Balik Pulau	60	RM5,000.00
20	Asia Youth Exchange Program-AYEP	JCI Elite	26 Julai-30 Julai 2024	Tunku Abdul Rahman University of Management & Technology	1414	RM1,000.00
21	Speakup - Triumphs Talk: Leaders Unleashed'	JCI United	4 Ogos 2024	Dewan Budaya USM Penang	400	RM2,000.00
22	NO Shame to Menstrual		29 Nov-1 Dis	Sekitar Pulau Pinang	1000	RM1,500.00
23	Teknik Asas Fotografi Menggunakan Telefon Pintar	IKRAM Muda Pulau Pinang	10 Ogos 2024	Dewan Makam Noordin, Masjid Kapitan Keling, Jalan Buckingham, George Town, Pulau Pinang	58	RM1,000.00
24	Anti Zina Anak Muda (A.Z.A.M)		7 buah sekolah menengah terpilih di Pulau Pinang (Kemaskini : SMK Bandar Baru Perda, SMK Permatang Pasir, Sekolah area Kepala Batas)	1,3,9 & 11 Ogos 2024	1,800	RM3,000.00
25	Entrepreneurs Teen		30 November 2024	Dewan Hidayah Centre Foundation Pulau Pinang	24	RM2,000.00
26	Program Jalinan Budi Belia MBDSPT Bersama Masyarakat	Majlis Belia Daerah SPT	11 Ogos 2024	SMK Permatang Pasir	80	RM2,000.00

NO	NAMA PROGRAM	PERTUBUHAN	TARIKH PROGRAM	TEMPAT	BIL. PESERTA	AMAUN DANA
27	Perubahan Inspirasi Belia untuk Pencegahan Penyakit Tidak Berjangkit	Bulan Sabit Merah Malaysia Negeri Pulau Pinang	11 Ogos 2024	Queensbay Mall	223	RM2,000.00
32	Ambulance Awareness EXPO	JCI Tanjung Bunga	29 September 2024	Klippa, Batu Kawan	294	RM1,000.00
28	2024 Junior Chamber International Malaysia Akademi	Gerakan 4B Belia Permatang Pauh	22-25 Ogos 2024	Lexis Suite Penang	88	RM4,000.00
29	Program Konvoi Bermotor Ziarah Kasih Tahun 2024	Pertubuhan Generasi Muda Mutiara Pulau Pinang (GEMBIRA)	31 Ogos 2024	Kawasan parlimen Permatang Pauh	50	RM2,000.00
30	Program Kesukarelawanan Remaja : Membersihkan Pantai Bersih	Persatuan Keturunan Ni Utara Semenanjung Malaysia	1 September 2024	Pantai Bersih	40	RM1,000.00
31	Kursus Pengenalan Pertolongan Cemas dan Resusitasi Kardiopulmonari (CPR)	Gerakan Belia 4B Pulau Pinang	29 September 2024	Pejabat Persatuan Keturunan Ni Utara Semenanjung Malaysia	14	RM1,000.00
33	Program "1 Belia, 1 Darah" 2024	Majlis Belia Daerah SPU	29 September 2024	8 Parlimen iaitu Kepala Batas, Tasek Gelugor, Permatang Pauh, Bukit Mertajam, Batu Kawan, Nibong Tebal, Bayan Baru dan Tanjung.	200	RM5,500.00
34	Program Eksplorasi Jati Diri Kepimpinan Belia Seberang Perai Utara	Persekutuan Pengakap Malaysia Pulau Pinang	28 - 29 September 2024	Taman Negara, Teluk Bahang, Pulau Pinang	46	RM2,000.00
35	Kem JOTA-JOTI 2024 Daerah Bukit Mertajam	30 PERTUBUHAN/ PERSATUAN	19-20 Oktober 2024	Pusat Kokurikulum Negeri Pulau Pinang	363	RM1,500.00
	35 PROGRAM				11419	RM93,500.00

DANA PEMBANGUNAN BELIA 2025

ID531/13

NO	NAMA PROGRAM	PERTUBUHAN	TARIKH PROGRAM	TEMPAT	BIL. PESERTA	AMAUN DANA
1	Bengkel TikTok Affiliate Madani	Kelab Belia MADANI Penanti	22/2/25	Dewan Yayasan Aman, Penanti	30	RM1,000.00
2	Projek Penempatan 2025 Tahap Emas Peserta Program Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda	Kelab Belia Cergas Permatang Tinggi	27-31/7/2025	Pulau Aman, Pulau Pinang	10	RM2,000.00
3	Projek Penjelajahan Lasak 2025 Program Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda		2 - 5/4/2025	Sungai Sedim & Gunung Bintang, Kedah Darul Aman	14	RM1,000.00
4	Escape To Lead: Transformasi Pemimpin Muda	Kelab Belia Kampung Selamat Selatan	23/8/2025	Escape Penang	12	RM1,800.00
5	CANVA MASTERCLASS: Turns Creativity Into Money	Pertubuhan Pemuda GEMA Malaysia (Negeri Pulau Pinang)	9/8/2025	Seberang Jaya	11	RM1,300.00
6	World of Wonders (W.O.W)	Persatuan Belia Harmoni Malaysia Pulau Pinang	10/5/25	Dewan Seminar SMI AL-IKRAM, Tasek Gelugor	36	RM2,000.00
7	Kursus Kepimpinan Melalui Tauladan 2025	Persatuan Kelab-Kelab Belia Malaysia (MAYC) Negeri Pulau Pinang	25-27/4/25	IKBN Bukit Mertajam, Pulau Pinang	38	RM2,000.00
8	Majlis Apresiasi Majlis Belia Daerah Barat Daya	Majlis Belia Daerah Barat Daya	27/4/2025	White Resort Camp	100	RM3,000.00
9	Kursus Kepimpinan Dan Kesedaran Pencegahan Jenayah	Kelab Bell Belia Tamil Negeri Pulau Pinang	22-24/8/2025	USM Kampus Kejuruteraan Nibong Tebal	243	RM3,000.00
10	JCI Malaysia Area North Convention	JCI Butterworth City	25-27/4/2025	Royale Chulan Hotel	290	RM2,500.00
11	G6 Summit	JCI Penang	26/7/2025	Komtar, Pulau Pinang	122	RM2,000.00

NO	NAMA PROGRAM	PERTUBUHAN	TARIKH PROGRAM	TEMPAT	BIL. PESERTA	AMAUN DANA
12	Program Kem Kepimpinan Pewaris Belia	Gerakan Belia 4B(M) Tasek Gelugor	27/9/2025	Tangga Pelangi, Berapit	60	RM1,000.00
13	Kem Latihan dan Ujian Pengakap Muda dan Remaja Daerah Georgetown Utara 2025	Persatuan Pengakap Tempatan Daerah Georgetown Utara	9/8/2025	SJK (C) Phor Thay, Pulau Pinang.	34	RM2,000.00
14	Eksplorasi ESD "Empowering Youth For Sustainable Future"	Persatuan Pendidik Lestari Hijau Pulau Pinang (GREW)	26/7/2025	Politeknik Balik Pulau	80	RM1,000.00
15	Kem Kemahiran Komunikasi Kepimpinan Remaja	IKRAM Muda	15/4/25	Kem PERDA, Balik Pulau, Pulau Pinang	43	RM1,000.00
16	Kem Kemahiran Pengurusan Psikologi Remaja		20-21/4/25	Kem PERDA, Balik Pulau, Pulau Pinang	43	RM1,000.00
17	Pesta Tanglung 2025	Than Hsiang Buddhist Welfare Association Malaysia	4/10/25	Than Hsiang Temple	250	RM1,000.00
18	Kem Kepimpinan Belia Untuk Pelajar Sekolah Menengah	Pertubuhan Hakka Seberang Perai	5-8/6/25	Than Hsiang Temple	120	RM2,000.00
19	Program Peningkatan Literasi Kewangan Belia		22/6/2025	Pejabat Pertubuhan Hakka Seberang Perai	48	RM2,000.00
20	Pertandingan Kaligrafi Cina (Tulisan Pen & Tulisan Berus), Karangan dan Melukis (Lukisan Warna & Lukisan Berus Cina) Tahun 2025	Youth Section Hung Kung Association	19/3/2025, 21/9/2025	SM Persendirian Jit Sin, Bukit Mertajam	3022	RM2,000.00
21	Lawatan Ke Tech Dome Penang	Persatuan Keturunan Ni Utara Semenanjung Malaysia	7/9/25	Tech Dome	21	RM1,000.00

NO	NAMA PROGRAM	PERTUBUHAN	TARIKH PROGRAM	TEMPAT	BIL. PESERTA	AMAUN DANA
22	BUDDY 2025	Pertubuhan Pembangunan Wanita Tamarai Pulau Pinang	3/5/2025 – 19/7/2025 (Setiap hari Ahad – 12 hari)	Tamarai 1 Stop Skills Learning Centre, Jalan Tokong Bagan Luar	30	RM1,000.00
23	Bengkel Latihan Fasilitator untuk Program Seni, Budaya dan Pendidikan	Persatuan Pendidikan Seni Pulau Pinang	25-31/8/2025	George Town	9	RM2,400.00
24	Perkemahan Kepimpinan Pemuda Pemudi 2025	Teoh Si Cheng Hoe Tong Youth Committee	31 Mei - 2 Jun 2025	SJKC Tar Thong Pulau Pinang	138	RM2,000.00
25	Kembara Belia Pulau Pinang ke Dataran Merdeka	Majlis Belia Negeri Pulau Pinang	13-14 Jun 2025	Pulau Pinang -> Kuala Lumpur	40	RM5,800.00
26	Program Tunas MADANI 30: Transisi Kepimpinan Belia	Majlis Belia Negeri Pulau Pinang	19-21 Sept 2025	Langkawi	40	RM4,700.00
27	Program Belia Menjejak Warisan : Sejarah Guar Kepah	Majlis Belia Daerah SPU	21/9/25	Galeri Warisan Arkeologi Guar Kepah Seberang Perai	50	RM1,000.00
28	Kem Seni Pertuturan Bahasa Cina Sekolah Menengah Kali Ke-2 Peringkat Negeri Pulau Pinang	Pertubuhan Gerakan Belia Bersatu Malaysia (GBBM) Daerah Timur Laut	26-27/4/25	Pusat Belia KOMTAR	50	RM1,000.00
29	Pertandingan Seni Pertuturan Bahasa Cina Pelajar-pelajar Sekolah Menengah Piala GBBM Ke-24 Peringkat Negeri Pulau Pinang		9/8/2025	Auditorium F, KOMTAR	36	RM1,000.00

NO	NAMA PROGRAM	PERTUBUHAN	TARIKH PROGRAM	TEMPAT	BIL. PESERTA	AMAUN DANA
30	Kontes Mewarna Kreatif Hari Kebangsaan Kali Ke-5 Peringkat Negeri Pulau Pinang	Pertubuhan Gerakan Belia Bersatu Malaysia (GBBM) Cawangan Bukit Bendera	31/8/2025	Gurney Paragon	200	RM1,000.00
31	Kem Pembangunan Modal Insan	MIYC Pulau Pinang	23-25/5/2025	Kem White Resort	20	RM2,500.00
32	<i>The Rising Star(Creating the pathway to your dream)</i>	MIYC Mccallum	14/9/2025	Bilik Seminar, Ramakrishna Ashrama, Pulau Pinang	20	RM1,300.00
33	<i>The Power Of Unity: Membina Pasukan Yang Hebat</i>	JCI Bayan	16/8/25	Balai Bomba & Penyelamat Bayan Baru	30	RM5,000.00
34	<i>Penang's PKM Splendor Competition 2025</i>		May - July/2025	Pulau Pinang	300	
35	Konvensyen Nasional Junior Chamber International (JCI) Malaysia 2025		9-11/10/2025	St Giles Wembley Penang	1400	
36	2025 Youth Skills Day	JCI United Penang	22/6/2025	Kompleks Masyarakat Penyayang	400	RM2,000.00
37	<i>Bunny Hope 2.0</i>		Sepanjang Tahun 2025	Pulau Pinang	50	
38	<i>Triumph Talk 2.0: Public Speaking Competition</i>		Julai - Ogos 2025	Tiada Rekod	500	
39	Program Hari Keusahawanan Belia	Gerakan Belia 4B (M) Cawangan Tanah Liat	11/5/2025	Kawasan parlimen Permatang Pauh	100	RM1,000.00
40	Konvensyen Siswa 4B Pulau Pinang : Perlantikan Dan Pemantapan Kepimpinan	Gerakan Belia 4B(M) Pulau Pinang	13 - 15/6/2025	Taman Negeri Bukit Panchor	84	RM3,000.00

NO	NAMA PROGRAM	PERTUBUHAN	TARIKH PROGRAM	TEMPAT	BIL. PESERTA	AMAUN DANA
41	Youth Leadership and Volunteerism Camp 2025	Gerakan Belia 4B(M) Kawasan Permatang Pauh	4-5/10/25	SMK Penanti, Permatang Pauh	60	RM1,000.00
42	Projek Generasi P-30 Kawasan Tanjung	Gerakan Belia 4B(M) Tanjung	12-14/5/2025	SMK Datuk Hj Mohamed Nor Ahmad, SMT Tunku Abdul Rahman, dan SMK Abdullah Munshi.	150	RM1,000.00
43	Projek Generasi P-30 Batu Kawan	Gerakan Belia 4B Batu Kawan	26-28/5/2025	SMK Batu Kawan, SMK Bandar Tasek Mutiara, SMK Simpang Ampat	150	RM1,000.00
44	Projek Generasi P-30 Bukit Mertajam	Gerakan Belia 4B(M) Kawasan Bukit Mertajam	19-21/5/25	SMK Bukit Mertajam, SMK Bandar Baru Perda & SMK Permatang Rawa	150	RM1,000.00
45	Projek Generasi P-30 Bayan Baru	Gerakan Belia 4B (M) Kawasan Bayan Baru	5-7/5/2025	SMK Raja Tun Uda, SMK Sungai Ara, dan SMK Sungai Nibong.	150	RM1,000.00
46	Program Pembinaan Pasukan Ahli-Ahli Belia BSMM Cawangan Pulau Pinang	Persatuan Bulan Sabit Merah Negeri Pulau Pinang	21-22/6/2025	Pulau Pangkor	30	RM2,000.00
47	Kursus Kepengakapan Muda Remaja	Persekutuan Pengakap Malaysia Negeri Pulau Pinang	9-11/5/2023	Pusat Kecemerlangan Pengakap Pulau Pinang (PUSKEP)	150	RM2,000.00
48	Program Sukarelawan Alam Sekitar Sempena Sambutan Hari Penyua Sedunia	Persekutuan Pengakap Malaysia Daerah Balik Pulau	23-24/5/2025	Pusat Konservasi Penyua, Pantai Kerachut, Taman Negara	60	RM2,000.00
49	Perkhemahan Lencana Jaya Diri Pengakap Remaja	Persekutuan Pengakap Malaysia Bayan Lepas	29-31/8/2025	SMK Seri Bayu	85	RM1,000.00

NO	NAMA PROGRAM	PERTUBUHAN	TARIKH PROGRAM	TEMPAT	BIL. PESERTA	AMAUN DANA
50	Malam Anugerah Skwad Antidadah Negeri Pulau Pinang Tahun 2025	Skwad Antidadah Negeri Pulau Pinang	1/11/2025	The Kapokasmara Centre, Bertam Putra, Kepala Batas	100	RM3,000.00
51	Retreat Kepimpinan Skwad Antidadah Daerah SPU Tahun 2025	Skwad Antidadah Daerah Seberang Perai Utara	18-19/10/2025	Resort & Homestay Sharina Art Spaces, Balik Pulau	30	RM1,500.00
52	Anti Zina Anak Muda (A.Z.A.M)	IKRAM Muda	10/8,20/8,10/9,20/9,10/10/25	Pulau Pinang	1000	RM1,000.00
53	Jom Jadi Wira		11/10/25	Pulau Pinang	50	RM1,000.00
54	Program Bakul Buah Mandarin	Gabungan Anak Pulau Pinang, Universiti Teknologi Malaysia	12/2/2025	Seluruh kampus UTM, Skudai, Johor	30	RM1,000.00
55	Program Training For Trainers: <i>Leading The Way</i>		12-13/4/2025	Pusat Latihan dan Kepimpinan UPNM, Negeri Sembilan	12	
56	Kem Agama Buddha "Step Out, Get Moving" Tahun 2025	Young Buddhist Association (YBAM)	5-7 Julai 2025	SMK Chung Ling	100	RM2,000.00
57	Bengkel Persediaan MUJET	Pertubuhan Belia Liga Muslim	19 Julai 2025	Bangunan Liga Muslim	150	RM2,000.00
58	Kem Kepimpinan Belia	Persatuan Kang Har Tong Ooi Si Chong Soo	4-5 Oktober 2025	Hickory on Penang Hill	40	RM2,000.00
59	The Boys' Brigade in Malaysia Founder's Day 2025	Majlis Negeri Pulau Pinang Briged Putra Malaysia	11 Oktober 2025	Hotel Atrium, Sunshine Central	400	RM4,000.00
	59 Program	47 Persatuan/ Pertubuhan			11021	RM99,800.00

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XIX)22

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SEBERANG JAYA
YB IZHAR SHAH BIN DATUK ARIF SHAH**

22. Huraikan tahap kesediaan kontinjen Pulau Pinang dalam menghadapi penyertaan SUKMA 2026 Selangor.
- (a) Perincikan jumlah acara dan jenis sukan yang akan disertai oleh kontinjen negeri.
 - (b) Jelaskan perancangan persediaan atlet serta fasiliti latihan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri.
 - (c) Nyatakan sasaran pencapaian pingat yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri.

YB GOOI ZI SEN

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

22. Kontinjen Negeri Pulau Pinang telah memulakan persiapan bagi menghadapi Sukan SUKMA 2026 selepas berakhirnya Sukan SUKMA 2024 di Sarawak. Sasaran yang diletakkan kini ialah bagi meraih 60 pingat emas dan menukar 50% pingat perak yang diperolehi pada Sukan SUKMA 2024 kepada pingat emas.
- (a) Sebanyak 36 jenis sukan akan disertai oleh kontinjen Negeri Pulau Pinang dan perincian adalah seperti di **LAMPIRAN A.**
 - (b) Program persiapan Kontinjen Negeri Pulau Pinang ke SUKMA XXII Selangor 2026 telah dimulakan seurus selepas berakhirnya penyertaan di Sukan SUKMA XXI Sarawak 2024. Sasaran utama Kontinjen Negeri Pulau

Pinang ialah untuk meraih 60 pingat emas dan menukar 50% pingat perak yang diperolehi pada Sukan SUKMA 2024 kepada pingat emas.

Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) juga telah melaksanakan beberapa siri Mesyuarat Jawatankuasa Prestasi Tinggi (JKPT) bagi menetapkan kriteria kelayakan serta mengenal pasti atlet yang berpotensi. Selain itu, MSNPP turut menyalurkan bantuan dana penyertaan dan penganjuran kejohanan kepada persatuan sukan negeri mengikut kelayakan masing-masing untuk membantu atlet mendapat pendedahan melalui penyertaan dalam kejohanan dan pada masa yang sama menilaikan prestasi atlet dari semasa ke semasa.

- (c) Kerajaan Negeri melalui MSNPP telah menetapkan bahawa setiap sukan perlu menyumbang sekurang-kurangnya satu pingat emas. Bagi sukan individu yang mempunyai banyak acara, mereka diminta untuk menyumbang lebih daripada satu pingat emas bagi memastikan sasaran Pulau Pinang berada dalam kelompok tiga (3) negeri terbaik secara keseluruhan tercapai.

Secara tidak langsung, Negeri Pulau Pinang dijangka mampu meraih 60 pingat emas serta menukar 50% daripada pingat perak yang diperolehi pada Sukan SUKMA 2024 kepada pingat emas dalam Sukan SUKMA 2026.

**SENARAI LENGKAP 37 JENIS SUKAN YANG AKAN DISERTAI OLEH
KONTIJEN NEGERI PULAU PINANG DI SUKAN SUKMA 2026**

BIL.	JENIS SUKAN (SUKMA 2026 – SELANGOR)	KATEGORI / NOTA TAMBAHAN
1	Akuatik (Renang, Terjun, Polo Air, Renang Artistik)	4 disiplin dalam satu sukan
2	Angkat Berat	Individu
3	Badminton	Individu & Beregu
4	Tenis Meja (Ping Pong)	Individu & Beregu
5	Gimnastik Artistik / Gimrama	Individu
6	Golf	Individu & Berpasukan
7	Lawan Pedang (Fencing)	Individu & Berpasukan
8	Memamah	Individu & Berpasukan
9	Menembak	Individu & Berpasukan
10	Olahraga (Atletik)	Lintasan & Padang
11	Pelayaran	Terbuka lelaki & wanita
12	Hoki	Lelaki & Wanita
13	Judo	Individu
14	Taekwondo	Kyorugi & Poomsae
15	Karate	Kata & Kumite
16	Lawn Bowls	Berpasukan
17	Pencak Silat	Tunggal, Ganda, Regu
18	Sepak Takraw	Regu & Double
19	Skuasy	Individu & Berpasukan
20	Tenpin Boling	Individu & Berpasukan
21	Wushu	Taolu & Sanda
22	Bola Sepak	Lelaki & Wanita
23	Ragbi	Lelaki & Wanita
24	Bola Jaring	Wanita
25	Bola Keranjang	Lelaki & Wanita
26	Bola Tampar	Lelaki & Wanita
27	Tenis	Individu & Beregu
28	Berbasikal (Lebuhraya / Trek / MTB / BMX)	4 disiplin
29	E-Sukan	Sukan tambahan rasmi
30	Catur	Sukan tambahan rasmi
31	Kriket	Sukan tambahan rasmi
32	Kabaddi	Sukan tambahan rasmi

BIL.	JENIS SUKAN (SUKMA 2026 – SELANGOR)	KATEGORI / NOTA TAMBAHAN
33	Muay Thai	Sukan tambahan
34	Petanque	Sukan tambahan
35	Silambam	Sukan tambahan (tradisional India)
36	Bola Baling	
37	Sofbol	

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XIX)23

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SEBERANG JAYA
YB IZHAR SHAH BIN DATUK ARIF SHAH**

23. Apakah status pelaksanaan projek Penang Sports City?
- (a) Nyatakan langkah Kerajaan Negeri dalam meningkatkan mutu sukan termasuk pembangunan fasiliti.
 - (b) Jelaskan status keputusan Jawatankuasa Penganjuran KBS berhubung acara Sukan SEA 2027 yang ditawarkan kepada Pulau Pinang.
 - (c) Nyatakan tahap persiapan Pulau Pinang sebagai tuan rumah bersama Sukan SEA 2027.

YB GOOI ZI SEN

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

23. Bagi Projek Pembangunan Sport City Batu Kawan, tarikh tutup iklan adalah pada 7 April 2025 dan Projek Sport City Batu Kawan merupakan satu projek yang dilaksanakan melalui kaedah Request for Proposal (RFP) oleh Perbadanan Stadium Dan Kawasan Lapang Pulau Pinang (PSDKLPP). Status semasa projek adalah sedang melalui proses penilaian dan masih dalam tempoh sah laku perolehan.
- (a) Bagi membangunkan dan meningkatkan mutu sukan di negeri ini, Kerajaan Negeri telah melaksanakan pelbagai inisiatif, antaranya program persediaan menghadapi Sukan SUKMA dan Sukan SEA yang akan datang melalui Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP).

Selain itu, sukan-sukan yang berpotensi menyumbang pingat juga ditambah peruntukan dan diketengahkan. Peralatan sukan ditambah baik serta beberapa fasiliti sukan dinaik taraf dan dibina baharu seperti asrama atlet di MSNPP, Kompleks Sukan Sony, menaik taraf Stadium Negeri dan Stadium Bandaraya Pulau Pinang serta beberapa projek lain.

- (b) Bagi Sukan SEA 2027, keputusan awal Kementerian Belia Sukan (KBS) ialah bersetuju dengan Pulau Pinang sebagai penganjur Sukan Biliard dan Snuker. Namun, KBS melalui Jawatankuasa Pengelola Sukan SEA dan Sukan PARA ASEAN 2027 serta Sekretariat Malaysia SEA GAMES Organising Committee (MASOC) 2027 masih belum memuktamadkan keputusan akhir bagi meletakkan beberapa sukan lain kepada Negeri Pulau Pinang.
- (c) Negeri Pulau Pinang akan menjadi negeri penganjur Sukan Biliard dan Snuker dengan kos peruntukan berjumlah RM15 juta.

Walau bagaimanapun, terdapat cadangan untuk menambah penganjuran sukan Sepak Takraw, Judo, Ping Pong dan Tinju di Pulau Pinang bersama-sama dengan Sukan Snuker & Biliard. Namun, penetapan sukan-sukan tersebut masih belum dimuktamadkan sehingga keputusan penerimaan sukan diputuskan oleh Persekutuan Sukan Asia Tenggara (Southeast Asian Games Federation). Kerajaan Negeri tidak mensasarkan sebarang pembinaan baharu dan akan mengguna pakai kemudahan sukan sedia ada yang terdapat di negeri ini.

Sekretariat Penganjuran Tempatan Peringkat Negeri Pulau Pinang bagi Sukan SEA 2027 sedang dalam proses penubuhan dengan tujuan menyelaras segala urusan berkaitan penganjuran temasya tersebut.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XIX)24

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SEBERANG JAYA
YB IZHAR SHAH BIN DATUK ARIF SHAH**

24. Nyatakan tindakan dan langkah pencegahan bagi menangani penularan wabak influenza di Pulau Pinang, khususnya di sekolah, tadika dan institusi pendidikan.
- (a) Nyatakan statistik kes mengikut DUN dan daerah.
 - (b) Jelaskan langkah intervensi bersama agensi berkaitan.
 - (c) Nyatakan bantuan atau garis panduan khas kepada institusi pendidikan terlibat.

YB GOOI ZI SEN

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

24. Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) sentiasa memantau *trend* aktiviti influenza dan wabak jangkitan saluran pernafasan melalui sistem pelaporan sedia ada serta mengenal pasti lokasi yang menjadi *hotspot* bagi masalah ini di Pulau Pinang khususnya di institusi pendidikan.

Dengan itu, langkah-langkah utama yang diambil oleh JKNPP adalah bekerjasama dengan beberapa agensi berkaitan seperti Jabatan Penerangan, Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) dan pihak lain bagi mengekang peningkatan kes influenza. Hebahan kepada masyarakat turut dilaksanakan melalui media massa dan media sosial.

Institusi pendidikan yang mempunyai kes influenza pula akan berhubung terus dengan Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) bagi memantau dan memastikan keadaan dalam terkawal dan selamat.

- (a) Buat masa ini, JKNPP tidak mempunyai data rasmi mengenai jumlah pelajar yang telah disahkan dijangkiti sejak awal tahun 2025 hingga kini mengikut daerah dan kategori sekolah. Walau bagaimanapun, sejumlah 36 kes influenza telah dilaporkan bagi tahun 2025 di Negeri Pulau Pinang (sehingga Oktober) dan majoriti kes influenza yang dilaporkan adalah ringan serta pulih sepenuhnya tanpa komplikasi serius. Hanya sebilangan kecil pesakit terutamanya daripada kumpulan berisiko tinggi seperti kanak-kanak, warga emas dan pesakit yang menghidap penyakit kronik memerlukan rawatan lanjut di hospital.
- (b) JKNPP melalui Pejabat Kesihatan Daerah telah mengadakan *Townhall Meeting* bersama institusi pendidikan bagi mengekang penularan penyakit berjangkit termasuk Influenza melalui langkah-langkah berikut:
 - (i) Guru perlu menasihati pelajar yang bergejala supaya tidak memasuki kelas dan segera mendapatkan rawatan;
 - (ii) Guru disarankan untuk memperkukuhkan pendidikan kesihatan bagi menggalakkan kawalan sendiri dan tanggungjawab bersama;
 - (iii) Pihak sekolah disarankan untuk membuat laporan awal kepada PKD berdekatan agar tindakan pencegahan dan kawalan dapat dilaksanakan dengan segera dan berkesan;
 - (iv) Ibu bapa perlu memastikan bahawa anak di bawah tanggungan masing-masing tidak mempunyai gejala influenza seperti demam, selesema atau batuk sebelum menghantar mereka ke sekolah; dan

- (v) Ibu bapa dinasihatkan memantau keadaan anak yang mempunyai gejala influenza. Sekiranya gejala bertambah teruk, pelajar tersebut perlu mendapatkan rawatan ulangan dengan segera bagi mencegah berlakunya komplikasi.

- (c) Selari dengan Pemakluman Garis Panduan Pencegahan Penularan Jangkitan *Influenza-Like Illness* di Institut Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia bertarikh 30 Jun 2022, pihak JPNPP telah mengeluarkan surat kepada semua sekolah bertarikh 6 Oktober 2025 berhubung penularan influenza di institusi pendidikan.

Manakala untuk golongan warga emas yang berisiko tinggi, program imunisasi pemberian vaksin Influenza percuma kepada warga emas yang mempunyai sekurang-kurangnya satu penyakit kronik telah dilancarkan pada awal tahun ini dan dilaksanakan di 24 klinik kesihatan di seluruh Negeri Pulau Pinang. Usaha ini adalah untuk mengelakkan komplikasi bagi melindungi golongan berisiko tinggi antaranya pesakit diabetes, jantung, hipertensi, obesiti (BMI melebihi 30) dan buah pinggang kronik.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XIX)25

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SEBERANG JAYA
YB IZHAR SHAH BIN DATUK ARIF SHAH**

25. Terangkan strategi pelaksanaan program perumahan mampu milik oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang.
- (a) Jelaskan status pelan *zero-entry cost* bagi kumpulan B40.
 - (b) Nyatakan langkah segera untuk menangani isu kualiti pembinaan serta projek sakit atau terbengkalai.
 - (c) Adakah terdapat perancangan khusus untuk membangunkan perumahan mampu milik bumiputera?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

25. Kerajaan Negeri Pulau Pinang sentiasa komited dan prihatin terhadap keperluan rakyat, khususnya dalam memastikan setiap isi rumah di negeri ini berpeluang memiliki kediaman sendiri. Bagi memperkukuh keberkesanan pelaksanaan Program Perumahan Mampu Milik yang kini dikenali sebagai Rumah MutiaraKu (RMKu), Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) telah melaksanakan beberapa inisiatif utama seperti berikut:
- (i) Kerajaan Negeri melalui LPNPP telah mengambil inisiatif untuk melaksanakan pemurnian data dalam Sistem Maklumat Perumahan (SMP) bagi memastikan semua pemohon berdaftar mempunyai status aktif dan memenuhi kelayakan untuk ditawarkan satu (1) unit

RMKu. Langkah ini dilaksanakan melalui kaedah baharu, iaitu pelaksanaan Program *Outreach* dan Hari Bertemu Pelanggan LPNPP yang akan diadakan pada setiap suku tahun mengikut daerah di seluruh Negeri Pulau Pinang;

- (ii) Penawaran unit-unit RMKu dilaksanakan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Prestasi dan Pencapaian Perumahan/ *Housing Outcome Performance Committee* (HOPE). Melalui pelaksanaan Mesyuarat HOPE ini, proses tawaran rumah mampu milik dapat dijalankan dengan lebih telus, teratur dan berkesan, dengan mengambil kira status pemohon yang aktif serta memenuhi syarat kelayakan untuk ditawarkan satu (1) unit rumah mampu milik di bawah Program RMKu;
- (iii) Penawaran RMKu turut dilaksanakan melalui Skim Sewa Beli (Rent to Own – RTO). Bagi pemohon yang tidak berjaya mendapatkan pembiayaan perumahan sebanyak tiga (3) kali atau lebih bagi memiliki unit RMKu melalui kaedah jual beli biasa, Kerajaan Negeri telah mengambil langkah proaktif dengan menawarkan unit-unit di bawah Skim RTO, di mana pembiayaan adalah terikat dengan LPNPP untuk tempoh 15 tahun. Walau bagaimanapun, setiap penawaran di bawah skim ini akan dibuat tertakluk kepada syarat dan kelayakan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri;
- (iv) Pada peringkat awal pelaksanaan, hanya lima (5) kategori RMKu diperkenalkan di Negeri Pulau Pinang, iaitu RMKu Jenis A, B, C1, C2 dan C3. Namun demikian, dengan mengambil kira keperluan semasa serta pelbagai faktor sosioekonomi, Kerajaan Negeri melalui LPNPP telah memperkenalkan dua (2) kategori baharu iaitu RMKu Jenis B2 dan RMKu Jenis D. RMKu Jenis B2 diperkenalkan selaras dengan Visi Pembangunan Perumahan Inklusif MADANI (PIM) Kerajaan Perpaduan yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri, serta bertepatan dengan Manifesto Kerajaan Negeri Pulau Pinang Tahun 2023. Kategori ini menawarkan rumah dengan harga jualan maksimum RM100,000.00 dan keluasan 750 kaki persegi (tanpa kemas). Penambahan kategori ini bertujuan untuk mengisi jurang antara RMKu Jenis B (harga maksimum RM72,000.00)

dan RMKu Jenis C1 (harga maksimum RM150,000.00). Pelaksanaannya dijangka memberi manfaat kepada golongan belia B40 dan M40 yang baru berkeluarga, khususnya mereka yang berpendapatan isi rumah antara RM3,500.00 sehingga RM8,000.00. Sementara itu, RMKu Jenis D diperkenalkan melalui Dasar Pemangkin Momentum Sektor Hartanah dan Pemilikan Rumah Inklusif MADANI (MADANI Home Ownership Campaign) yang telah diluluskan dalam Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Bil. 14 Tahun 2025 pada 7 Mei 2025 dan disahkan pada tarikh yang sama. Pelaksanaan kategori ini adalah bagi tempoh satu (1) tahun bermula pada 1 Jun 2025 hingga 31 Mei 2026 dengan harga jualan maksimum RM400,000.00 dan keluasan minimum 950 kaki persegi (dengan kemasan). Kategori RMKu Jenis D ini tidak dibenarkan dibuka kepada pasaran terbuka serta tidak boleh digunakan bagi tujuan pematuhan pembangunan bercampur.

- (a) Pelan *Zero-Entry Cost* bagi kumpulan B40 masih belum diwujudkan secara rasmi oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Namun demikian, konsep pelaksanaan pelan tersebut telah mula diterapkan oleh PDC Properties Sdn. Bhd. (PDCP) semasa Karnival Kesihatan & Kebajikan Bagan, Butterworth yang dianjurkan oleh Pusat Khidmat KADUN Bagan Dalam dengan kerjasama Pejabat Ahli Parlimen Bagan pada 4 Mei 2025. Inisiatif tersebut bertujuan untuk mempromosikan penjualan dua (2) buah projek perumahan, iaitu Projek Dua Residensi dan Jiran Residensi, di mana deposit sebanyak 10% ditanggung sepenuhnya oleh pihak pemaju, manakala pembeli hanya perlu mendapatkan pembiayaan bagi baki 90% daripada harga jualan rumah.

Selain itu, melalui Dasar Pemangkin Momentum Sektor Hartanah dan Pemilikan Rumah Inklusif MADANI (MADANI Home Ownership Campaign – MOC) yang berkuat kuasa mulai pada 1 Jun 2025 sehingga 31 Mei 2026, pihak pemaju turut digalakkan untuk menyertai skim pemilikan mudah (easy ownership scheme), di mana 10% wang pendahuluan akan didahulukan oleh pemaju bagi membantu meringankan beban kewangan pembeli rumah, khususnya dalam kalangan kumpulan B40 dan M40.

- (b) Langkah segera untuk menangani isu kualiti pembinaan serta projek sakit atau terbengkalai di Negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut:
- (i) Pemantauan Kualiti Pembinaan – Kualiti projek perumahan mampu milik dipantau melalui penilaian *Quality Assessment System in Construction* (QLASSIC) dengan skor minimum 70% bagi memastikan tahap kualiti pembinaan memuaskan dan menepati piawaian yang ditetapkan;
 - (ii) Pemeriksaan Akhir oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) – PBT bersama agensi teknikal berkaitan akan menjalankan pemeriksaan akhir (final inspection) sebelum Sijil Siap dan Pematuhan (Certificate of Completion and Compliance – CCC) dikeluarkan;
 - (iii) Maklumat Projek Sakit Berdasarkan Sistem *Transforming & Empowering Data Usage in Housing* (TEDUH) di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) – Berdasarkan data Sistem TEDUH terdapat dua (2) buah projek perumahan yang dikategorikan sebagai projek sakit iaitu Pangsapuri Quinton dan Pangsapuri Sri Bayu yang dibangunkan oleh Tetuan Prisma Bumiraya Sdn. Bhd. Kedua-dua projek ini telah mengalami kelewatan melebihi 30% dari jadual asal serta tempoh Perjanjian Jual Beli;
 - (iv) Pelantikan Pemaju Penyelamat (White Knight) – Bagi menangani isu projek sakit dan terbengkalai, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah melantik pemaju penyelamat (White Knight) untuk melaksanakan kerja-kerja pemulihan agar projek dapat disiapkan dan kepentingan pembeli terpelihara; dan
 - (v) Peranan KPKT – KPKT merupakan agensi bertanggungjawab terhadap pemantauan dan penyelarasan projek sakit atau terbengkalai di seluruh negara. Kerjasama antara Kerajaan Negeri dan KPKT akan terus diperkukuh bagi memastikan

tindakan pemulihan dilaksanakan secara berkesan demi melindungi hak dan kepentingan pembeli rumah.

- (c) Pada masa ini, tiada perancangan khusus untuk membangunkan perumahan mampu milik khusus bagi Bumiputera memandangkan setiap projek perumahan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah ditetapkan mengikut agihan kuota Bumiputera yang sedia ada.

Walau bagaimanapun, tawaran perumahan mampu milik akan terus dilaksanakan berdasarkan pembahagian dan pengagihan kuota yang ditetapkan selaras dengan Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2030 (RSN2030) seperti di **LAMPIRAN A**.

LAMPIRAN A

PEMBAHAGIAN DAN PENGAGIHAN KUOTA SELARAS DENGAN RANCANGAN STRUKTUR NEGERI
PULAU PINANG 2030 (RSN2030)

JENIS KEDIAMAN	KAUM		
	Melayu (Bumiputera)	India	Cina dan Lain-lain
Rumah Kos Rendah (RMKu A – RM42,000.00)	50%	15%	35%
Rumah Kos Sederhana Rendah (RMKu B – RM72,500.00)	40%	10%	50%
Rumah Mampu Milik (RMKu C – RM150,000.00 – RM300,000.00)	40%	10%	50%

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XIX)26

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SEBERANG JAYA
YB IZHAR SHAH BIN DATUK ARIF SHAH**

26. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai cadangan pelaksanaan cukai hartanah kosong (*vacant property tax*) di Pulau Pinang.
- (a) Adakah kajian awal atau pelan pelaksanaan sedang dijalankan?
 - (b) Apakah kriteria dan mekanisme pengesanan hartanah kosong yang dicadangkan?
 - (c) Bagaimanakah hasil cukai ini dijangka dimanfaatkan untuk kesejahteraan rakyat dan pasaran perumahan?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

26. Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk melaksanakan *Vacant Property Tax* (VPT) di bawah struktur percukaian tanah sedia ada di Pulau Pinang buat masa ini. Walaupun VPT ini ada dilaksanakan di luar negara, Kerajaan Negeri berpandangan struktur cukai tanah dan cukai petak strata sedia ada adalah mencukupi untuk menangani isu tanah-tanah kosong dan terbiar milik persendirian.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XIX)27

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SEBERANG JAYA
YB IZHAR SHAH BIN DATUK ARIF SHAH**

27. Huraikan status terkini projek perumahan Kampung Bagan Serai, Seberang Jaya.
- (a) Nyatakan jumlah isi rumah terlibat dan bilangan unit bakal dibina berdasarkan perancangan terkini.
 - (b) Jelaskan mengenai status bayaran pampasan bulanan kepada penduduk. Jika dihentikan, mengapa?
 - (c) Apakah tindakan Kerajaan Negeri bagi memastikan penduduk asal menikmati kediaman baharu yang dijanjikan?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

27. Projek perumahan di Kampung Bagan Serai, Seberang Jaya merupakan projek yang dibangunkan oleh Tetuan JKP Sdn. Bhd. (JKPSB) yang kini sedang dalam memuktamadkan perjanjian usaha sama pembangunan bersama pihak Perda Ventures Incorporated Sdn. Bhd. (PVISB), iaitu anak syarikat Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA). Cadangan pembangunan secara usaha sama ini akan dimuktamadkan setelah laporan kajian kebolehlaksanaan pembangunan diperoleh kelak iaitu dijangka selewat-lewatnya pada Disember 2025.
- (a) Berdasarkan rekod JKPSB, terdapat sebanyak 117 buah keluarga yang terlibat dalam projek ini. Manakala, jumlah

akhir unit yang bakal dibina akan ditentukan setelah konsep pembangunan diperakukan oleh pihak berkuasa berkaitan.

- (b) Sehingga September 2025, Tetuan JKPSB tidak pernah menghentikan bayaran pampasan bulanan kepada penduduk setingan yang terlibat. Bagi tahun 2025, bayaran pampasan bulanan bagi tempoh sehingga Disember 2025 telah pun dikreditkan sepenuhnya ke akaun isi rumah yang berkenaan.
- (c) Kerajaan Negeri Pulau Pinang sentiasa komited dan proaktif dalam memantau pelaksanaan projek ini secara menyeluruh bagi memastikan setiap penduduk asal menikmati hak kediaman baharu mereka sebagaimana yang telah dipersetujui, selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk menjamin kebajikan serta kesejahteraan rakyat secara berterusan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XIX)28

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SEBERANG JAYA
YB IZHAR SHAH BIN DATUK ARIF SHAH**

28. Nyatakan status semasa pemegang lesen syarikat pengeluar Beras Cap Feri di Pulau Pinang.
- (a) Adakah tempoh lesen pengeluar tersebut disambung dan kekal beroperasi atau akan dipertimbangkan syarikat yang lain?
 - (b) Huraikan hala tuju pengukuhan penggunaan padi tempatan dan perancangan Kerajaan Negeri terhadap Beras Cap Feri bagi tahun 2026 dan seterusnya.

**YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

28. (a) Lesen serta tempoh operator Beras Cap Feri iaitu Syarikat Mohamed Meera Sahib (M) Sdn. Bhd. dikeluarkan oleh pihak Kawalselia Padi dan Beras (KPB). Syarikat berkenaan masih dibenarkan untuk menjadi pengeluar Beras Cap Feri serta masih aktif beroperasi sehingga kini. Kerajaan Negeri tidak mengeluarkan sebarang peruntukan kepada pihak operator Beras Cap Feri.
- (b) Tujuan Kerajaan Negeri mewujudkan Beras Cap Feri pada tahun 2024 adalah untuk memberi pilihan beras yang berkualiti serta harga yang lebih rendah di antara jenama beras import dalam pasaran serta memastikan kecukupan beras untuk kegunaan rakyat terutamanya di Negeri Pulau Pinang.

Walau bagaimanapun, bagi menghasilkan produk Beras Cap Feri dengan menggunakan beras putih tempatan tanpa bantuan subsidi daripada kerajaan untuk tujuan jualan dengan harga kawalan iaitu sebanyak RM2.60/kilogram akan diselaraskan melalui keputusan dan pertimbangan oleh pihak Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) berkenaan subsidi serta harga jualan beras putih tempatan kelak.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XIX)29

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SEBERANG JAYA
YB IZHAR SHAH BIN DATUK ARIF SHAH**

29. Jelaskan status perancangan pelaksanaan teknologi penanaman padi ratun di Negeri Pulau Pinang.
- (a) Nyatakan lokasi-lokasi yang dicadangkan untuk menjalankan projek perintis ini.
 - (b) Apakah kajian telah dijalankan berkenaan hasil awal dari segi jumlah tuaian dan kos pengeluaran?
 - (c) Adakah Kerajaan Negeri akan memperluas projek ini ke daerah lain sekiranya berjaya?

**YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

29. (a) Projek rintis padi ratun ini akan dijalankan di Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) Seberang Perai dengan melibatkan keluasan penanaman seluas satu (1) ekar.
- (b) Dapatan kajian dari segi jumlah tuaian dan kos pengeluaran masih belum diperolehi. Kajian kebolehlaksanaan teknologi ini akan dijalankan secara projek rintis di MARDI Seberang Perai selama dua (2) musim iaitu bermula Musim 1/2026 pada April 2026.

- (c) Kerajaan Negeri sentiasa komited terhadap projek yang meningkatkan keterjaminan makanan negara. Sekiranya projek ini memberi dapatan yang positif dari segi pengeluaran hasil dan mengurangkan kos input dan operasi, ia boleh diperkenalkan dan dipraktikkan oleh pesawah di Negeri Pulau Pinang.